



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 5

Selasa

8 September 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- [YB Senator Datuk Razali bin Idris]

(Halaman 32)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 8 September 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Hari ini hari keempat persidangan Dewan Negara, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Negara. Minta kerjasama terus agar dapat kita selesaikan sebanyak mungkin soalan-soalan yang disediakan.

Pertama sekali, diminta Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, dipersilakan.

1. Dr. Yaakob bin Sapari minta Perdana Menteri menyatakan, berapa ramai jumlah pelarian yang telah masuk di negara ini. Pelarian ini tidak mungkin akan kembali ke negara asal contohnya masyarakat Rohingya. Apakah usaha kerajaan agar pelarian ini mendapat kebajikan dan pendidikan yang sewajarnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pelarian *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) sehingga 31 Julai 2020, warga negara asing yang memasuki negara dan diberikan perlindungan antarabangsa oleh UNHCR sebagai pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar ialah seramai 177,921 orang yang meliputi 128,185 orang pelarian dan 49,736 orang pemohon suaka.

Dalam aspek kebajikan, kerajaan secara dasarnya telah menetapkan bahawa pelarian yang memegang kad UNHCR, termasuk etnik Rohingya, Myanmar adalah seperti kemudahan untuk mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan dengan ditanggung oleh kerajaan

sebanyak 50 peratus daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan *expatriate* dan 50 peratus lagi dibayar oleh pelarian. Selain itu, kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program atau inisiatif untuk membantu golongan ini, termasuklah dengan mendapatkan bantuan dana daripada Kerajaan Qatar melalui *Qatar Fund for Development* untuk membantu pelarian di dalam isu berkaitan kesihatan, pendidikan asas dan latihan kemahiran.

Kerajaan tidak menghalang mana-mana orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat korporat serta mana-mana organisasi tempatan untuk melaksanakan bantuan kebajikan kepada pelarian yang mempunyai kad UNHCR yang sah. Dalam aspek pendidikan, kerajaan secara dasarnya juga telah menetapkan bahawa golongan ini boleh mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan di pusat bimbingan alternatif yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian, institusi pendidikan swasta dan UNHCR. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Yang Berhormat, apakah masa depan generasi kedua dan ketiga yang lahir di sini, yang mereka tidak akan pulang ke negara asal mereka, adakah mereka akan ditawarkan sebagai warganegara?

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Di atas dasar bahawa kita tidak membenarkan duduk berterusan di Malaysia sebab kita bukannya juga ahli kepada konvensyen-konvensyen ataupun yang belum lagi kita ratifikasikan di peringkat antarabangsa. Sekiranya mereka boleh ditempatkan di negara ketiga dan juga negara asal, kalau tidak mengancam keselamatan mereka, kita akan berbuat begitu.

Kita juga telah mengusahakan beberapa perkara iaitu mengemaskinikan dan juga semakan semula arahan MKN No.23. Mekanisme ini adalah pengurusan pendatang asing tanpa izin yang memegang kad UNHCR yang dikeluarkan pada tahun 2009 serta dasar-dasar lain sedia, sedang dilaksanakan dan diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Matlamat utama penambahbaikan ini Yang Berhormat, untuk mereka yang masih berada di sini dan yang mungkin berhasrat mahu duduk di sini tetapi kita tidak membenarkannya.

Akan tetapi selagi mereka berada di negara ini, penambahbaikan harus diadakan supaya ia dapat meningkatkan lagi pengurusan pelarian di Malaysia. Dalam masa yang sama, memastikan kerajaan memainkan peranan utama dalam menentukan status pelarian dan pemohon suaka di dalam negara yang sebelum ini dilaksanakan oleh pihak UNHCR.

Kerajaan juga akan meneliti dan menambah baik setiap dasar dan polisi sedia ada agar ia selari dan bertepatan dengan amalan yang disyorkan oleh badan-badan antarabangsa

yang berkaitan serta berdasarkan kemampuan negara. Ini adalah penting untuk memastikan negara benar-benar bersedia sekiranya kerajaan di masa akan datang berhasrat untuk menjadi negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951, dan Protokol Status Pelarian 1967. Terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua- sini, sini. Ini dilindungi. Memandangkan terlalu ramai pelarian Rohingya sekarang, apakah langkah-langkah munasabah yang diambil oleh kerajaan untuk berunding dengan Myanmar atau Negara-negara Ketiga bagi penempatan mereka? Sekian, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Kita membuat usaha berterusan bersama dengan Kementerian Luar Negeri supaya kita dapat mengenal pasti kerajaan-kerajaan yang sedia menerima mereka. Akan tetapi yang paling penting sekali, dasar-dasar kemanusiaan harus sentiasa diambil kira walaupun kita bukan ahli kepada konvensyen-konvensyen tersebut. Apa yang paling penting adalah keselamatan mereka dan nyawa mereka tidak terancam.

■1010

Perkara-perkara lain adalah kita harus juga mengemas kini lagi hal-hal yang berkaitan dengan perundangan di negara kita sendiri supaya sekiranya kita mengambil ketetapan untuk meneruskan juga usaha-usaha meratifikasi konvensyen-konvensyen ini ia mesti dahulu mengimbangi hak-hak warganegara kita berbanding dengan hak-hak mereka yang berstatus pelarian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang baik dan faham kita.

Sekarang dijemput pula Yang Berhormat Senator Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, dipersilakan.

2. Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa banyak pusat tahanan Imigresen yang terdapat di negara ini, dan berapa ramai tahanan (mengikut negara asal mereka) yang berada di pusat tahanan tersebut. Berapa kos makan minum seorang tahanan setiap hari yang ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Tok Guru politik saya Yang Berhormat Senator Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad bagi soalan nombor dua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tahanan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang berada di depot tahanan Imigresen terdiri daripada kategori-kategori berikut:

- (i) tahanan reman bagi tujuan siasatan dan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia; dan

- (ii) tahanan yang diserahkan oleh agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Penjara Malaysia bagi tahanan yang telah selesai menjalani hukuman penjara untuk tujuan pengusiran ke negara asal.

Bagi jumlah tahanan yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 6 September 2020, di sejumlah 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara adalah seramai 14,602 orang. Pecahan warganegara seperti berikut:

WARGANEGARA	BILANGAN (ORANG)
Indonesia	4,767
Myanmar	4,503
Bangladesh	2,084
Vietnam	886
India	529
China	341
Cambodia	159
Thailand	375
Filipina	311
Pakistan	189
Lain-lain	458

Kos makan dan minum yang tidak termasuk kos-kos lain bagi setiap tahanan di sesebuah depot tahanan Imigresen bagi berjumlah RM10.56 sehari secara purata. Jadi, spesifikasi nutrisi makan bagi tahanan di depot tahanan Imigresen adalah berdasarkan cadangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, seperti pada 6 September 2020 jumlah operasi yang telah kita lakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kita adalah sejumlah 5,103 operasi. Tangkapan PATI adalah seramai 19,190 orang dan serah diri atau kita tangkap di pintu masuk negara kita adalah seramai 9,092 orang dan jumlah besar adalah seramai 28,282 orang. Majikan yang ditangkap pada tahun 2020 iaitu pada tahun ini sejumlah 271 orang.

Bagi mengurangkan kos tanggungan kerajaan atau bebanan kerajaan, pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya berbincang dengan negara-negara asal PATI ini dan kita telah bertindak menghantar pulang seramai 24,078 orang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Mengambil kira peruntukan yang disediakan oleh kerajaan sebanyak RM10.56 sehari kepada mereka yang ditahan di pusat-pusat tahanan dan berbanding dengan apa yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada anak-anak yatim yang terdapat di rumah-rumah anak yatim di seluruh negara sebanyak RM8 sehari seorang.

Memandangkan bahawa masalah pendatang haram ini menjadi-jadi kebelakangan ini, adakah terkini terdapat perjanjian antara Malaysia dan negara-negara yang disebutkan oleh

Yang Berhormat tadi seperti India dan seterusnya untuk mengambil balik warganegara mereka dengan secepat mungkin selepas mereka ditangkap. Ini supaya tidak payahlah negara kita memberi makanan, jaga mereka, mengajikan pegawai-pegawai yang hendak jaga mereka berbulan-bulan malahan lebih lama daripada itu. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang perbandingan antara perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepada anak yatim berbanding dengan PATI di dalam negara kita, saya akan majukan kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil kira iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun ada dalam Dewan Negara ini bagi mengambil perhatian serius. PATI kita bagi RM10.56 sehari tetapi anak yatim kita bagi RM8 sehari seorang.

Memang menjadi hasrat kerajaan untuk mengurangkan bebanan kewangan kerajaan iaitu setiap masa kita berbincang dengan negara-negara asal PATI ini. Jikalau saya sebut tadi seramai 24,078 orang. Kita ucap tahniah dan terima kasih kepada negara Indonesia kerana telah menerima PATI balik semula kepada negara asal seramai 10,680 orang. Bangladesh seramai 3,219 orang, Myanmar seramai 1,900 orang, Thailand seramai 1,823 orang, India seramai 1,823 orang, China seramai 1,537 orang, Pakistan seramai 1,064 orang, Vietnam seramai 646 orang, Nepal seramai 314 orang, *Cambodia* seramai 271 orang dan lain-lain warganegara seramai 797 orang.

Insyah-Allah, dari semasa ke semasa dengan pandangan yang membina daripada semua pihak, kita akan berjaya menghantar pulang PATI ke negara asal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab negara kita ini dianggap sebagai syurga kepada pelarian daripada negara-negara asing untuk datang ke sini. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan sindiket-sindiket yang beroperasi untuk hendak membawa mereka ini ke negara ini. Memang nampaknya, sebagaimana yang P. Ramlee kata, meniaga orang lebih untung daripada meniaga unta. Oleh sebab itu, kita pastikan supaya sindiket ini ditangkap ataupun diambil tindakan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Seorang lagi Tok Guru saya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator, kita ada dua operasi yang kita menjaga persempadanan negara kita supaya lorong-lorong tikus ini dapat kita kawal. Pertama, Ops Benteng yang ada kerjasama dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia, pihak Polis Diraja Malaysia dan juga PGA dan AKSEM dan sementara itu di laut kita ada Operasi Kuda Laut yang dilakukan

bersama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia.

Kita hendak pastikan supaya semua pihak tidak terlibat di dalam sindiket untuk membawa PATI ini- oleh sebab itulah baru-baru ini kita menangkap pegawai kita, Pegawai Imigresen kita juga di Johor Baharu dan juga tekong-tekong yang bertindak memberi maklumat dan juga bertindak membawa PATI ini ke dalam negara. Kita tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keselamatan dan akhirnya menjejaskan kedaulatan negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, dan kita dengar jawapan ini tadi yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said. Begitu *detail* dan janji dia bahawa ketegasan akan diambil yang menyalahgunakan dia punya kuasa itu. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri sekali lagi yang sudi hadir. Terima kasih.

Sekarang pula soalan nombor tiga.

■1020

3. Puan Asmak binti Husin minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, model hab coklat yang akan dibangunkan di Langkawi, dan sejauh mana impak positif kepada industri koko di Malaysia dalam jangka pendek dan panjang.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Selamat pagi dan salam sejahtera, salam Malaysia prihatin. Pada pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semua ahli sidang mesyuarat Yang Berhormat Ahli Dewan Negara. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin yang bertanyakan mengenai industri koko negara kita. Pada pagi ini, saya ingin memberi serba sedikit jawapan yang telah diajukan kepada pihak kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan Negara, industri koko negara telah menyumbang kepada pendapatan eksport sebanyak RM6.6 bilion pada tahun 2019 dengan sumbangan di sektor hiliran koko kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara sebanyak RM1.6 bilion. Manakala sumbangan bagi enam bulan pertama tahun 2020 adalah sebanyak RM413.43 juta.

Produk-produk berasaskan koko Malaysia mempunyai pasaran yang luas dan diterima baik oleh pengguna pada peringkat antarabangsa. Sektor pembuatan coklat mencatatkan pendapatan eksport koko dan produk-produk koko pada tahun 2019 iaitu peningkatan

sebanyak 10.6 peratus berbanding dengan setahun sebelumnya. Bagi enam bulan pertama tahun 2020, eksport produk coklat mencatatkan pendapatan sebanyak RM425.67 juta.

Perwujudan hab coklat di Pulau Langkawi ini akan merencanakan pembangunan sektor hiliran koko di pulau ini dengan meningkatkan aktiviti pengeluaran serta promosi produk-produk coklat oleh usahawan tempatan.

Berkenaan dengan model yang kita gunakan, model perwujudan hab coklat di Langkawi adalah menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera tempatan dan juga usahawan-usahawan coklat tempatan yang lain dengan menyediakan rangkaian niaga setempat yang dilengkapi pelbagai kemudahan untuk pembuatan dan penjualan coklat. Usaha ini akan menarik lebih ramai usahawan industri coklat dan sekali gus mempertingkatkan industri pelancongan tempatan.

Di samping itu, aktiviti promosi produk-produk coklat di Langkawi dipergiatkan lagi melalui kerjasama dengan pihak industri terutamanya premis jualan bebas cukai bagi menjual produk coklat keluaran tempatan khususnya produk usahawan coklat.

Sebagai nilai tambah kepada hab ini, sebuah muzium coklat akan dibangunkan dengan kerjasama syarikat swasta dengan kerjasama kerajaan negeri.

Hab coklat yang dibangunkan di Langkawi dijangka akan memberi kesan dan impak yang besar kepada industri pembuatan coklat tempatan seperti berikut:

- (i) lima jenama produk coklat tempatan dijangka menembusi pasaran antarabangsa pada akhir tahun 2025 iaitu *Ryverra Chocolate*, *Grando*, *Malsa*, *DNJ Chocolate* dan *Hazleen Chocolate* yang akan dipasarkan di Negara China, negara Timur Tengah dan juga Negara Singapura;
- (ii) purata pendapatan coklat dijangka akan meningkat sebanyak 10 peratus setahun kepada RM16 juta pada akhir tahun 2025 berbanding dengan RM10.7 juta pada tahun 2019;
- (iii) penggunaan koko domestik dijangka akan meningkat sebanyak dua peratus setahun kepada 23 tan metrik pada akhir tahun 2025 berbanding 21 tan metrik pada tahun 2019; dan
- (iv) peningkatan pekerja di sektor PKS berasaskan koko meningkat sebanyak tiga peratus setahun kepada 394 pekerja pada akhir tahun 2025 berbanding 342 pekerja pada tahun 2019.

Selain daripada itu juga, kewujudan hab coklat di Pulau Langkawi akan merencanakan lagi permintaan kepada produk-produk coklat terutamanya produk coklat tempatan bagi memenuhi permintaan kepada produk coklat tempatan. Penggunaan koko domestik juga

dijangka akan meningkat secara langsung. Oleh itu, industri huluan koko juga akan berkembang.

Dalam hal ini, pihak kementerian akan meneruskan pemberian bantuan bagi menggalakkan penanaman koko melalui program-program kluster koko di negara kita khususnya di Sabah, di Sarawak dan juga di negeri Pahang iaitu di kawasan Raub.

Pengisar-pengisar sedia ada dijangka akan lebih banyak menggunakan biji koko tempatan bagi mengeluarkan produk-produk koko separa proses. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada biji koko kering yang diimport dari negara-negara luar. Permintaan kepada biji koko tempatan akan membantu untuk memberi harga yang lebih kompetitif kepada pengusaha koko.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara, secara tidak langsung hab coklat di Langkawi juga akan menjadi satu mercu tanda untuk kita mempromosikan industri koko negara kita. Sebab, di negara kita ini sebenarnya koko kita mempunyai kualiti yang begitu tinggi.

Untuk makluman sidang dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, koko kita telah dua kali menerima anugerah bertaraf dunia iaitu *International Cocoa Award*. Ini menunjukkan bahawa biji koko kita adalah bermutu tinggi. Akan tetapi, rakyat negara kita, sama ada sedar atau tidak sedar, tidak memberi tumpuan dan tidak memberi sokongan penuh kepada industri koko negara kita.

Jadi, saya memohon kepada semua dan seluruh rakyat Malaysia untuk mencuba koko keluaran negara kita kerana mutunya lebih tinggi daripada negara-negara asing. Ini dibuktikan secara saintifik. Saya berharap agar kita membantu membeli produk-produk keluaran koko negara kita dan secara tidak langsung kita boleh membantu pekebun-pekebun kecil kita dan juga pengamal industri koko dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bagi saya agak terperinci dan panjang. Semoga hab coklat yang akan dibangunkan itu akan memberi limpahan ekonomi terutama kepada pekebun koko.

Soalan saya ialah berkaitan dengan penghasilan koko lestari di Malaysia. Sebab, daripada setahun ke setahun, terdapat permintaan yang tinggi daripada industri coklat terhadap koko lestari. Jadi, soalan tambahan saya ialah sejauh mana penglibatan pekebun koko di Malaysia dan insentif yang disediakan oleh kerajaan untuk merangsang penghasilan koko lestari? Sekian, terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang diajukan. Untuk koko lestari di negara kita, memang tidak dinafikan koko kita setakat ini penanaman di peringkat hulu memang agak berkurangan. Masalahnya dengan negara kita sebenarnya masalah penanaman industri komoditi ini adalah bergantung kepada peladang-peladang besar dan juga pekebun-pekebun kecil di mana seperti yang kita sedia maklum, di era tahun 80-an, banyak penanam-penanam koko kita yang menanam koko tetapi apabila industri koko diserang oleh penyakit, harga koko merudum dan ramai yang telah menebang dan meninggalkan ladang-ladang koko mereka untuk memberi tumpuan kepada penanaman yang lain seperti sawit dan sebagainya.

■1030

Masalah di dalam negara kita ini ialah setiap kali apabila harga komoditi itu turun, pekebun-pekebun kecil kita ataupun peladang-peladang kita kalau harga koko turun, mereka tebang pokok koko, tanam sawit. Kalau sawit harga dia rendah, dia tebang pokok sawit, tanam komoditi lain. Jadi, ia tidak akan memutuskan ataupun menyelesaikan masalah. Kita kena ada ketekunan.

Pada hari ini kita melihat di peringkat hulu, harga koko memang tidak dinafikan agak rendah tetapi semasa pemerintahan Kerajaan Perikatan Nasional ada peningkatan sehingga ke RM6 ke RM8 harga koko di peringkat ladang dan ini menunjukkan ada kenaikan. Di peringkat hiliran pula, harga koko begitu tinggi. Jurangnya adalah amat besar di mana di peringkat hulu, harga rendah, peringkat hiliran harga begitu tinggi.

Apabila kita ingin melestarikan perkara ini, kita di peringkat kementerian menubuhkan koperasi supaya penanam-penanam kebun kecil koko ini dapat menjadi ahli koperasi. Secara tidak langsung, mereka terlibat dengan semua proses *value added* yang ada di dalam industri koko kita supaya apabila koperasi ini mendapat keuntungan, ia boleh diberi balik kepada ahli-ahli koperasi yang merupakan penanam dan juga pekebun-pekebun kecil koko ini.

Sekarang ini kita melihat industri koko kita memang mempunyai permintaan yang cukup tinggi dan sebab itulah di peringkat kementerian sekarang ini, kita memformulasikan satu strategi baharu untuk membuka ladang-ladang secara berskala besar. Kita memohon supaya semua syarikat swasta ataupun sektor korporat untuk tampil membantu kita membuka ladang-ladang di negara kita di bawah kluster koko. Kita tidak boleh bergantung kepada pekebun-pekebun kecil secara berterusan tetapi kita hendaklah *commercialize* di peringkat hulu supaya kita boleh terus melestarikan industri koko kita.

Dengan permintaan yang begitu tinggi setiap tahun dan harga yang begitu baik di peringkat hiliran, sudah semestinya peluang kita untuk memartabatkan industri koko kita dapat dilaksanakan sekiranya kita ada keyakinan dan ketekunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, ada soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang memilih Pulau Langkawi Permata Kedah sebagai hab coklat dan saya tertarik dengan cadangan pembinaan sebuah Muzium Coklat di Langkawi. Kedah sudah ada Muzium Padi. Jadi soalan saya, apakah perkembangan pembangunan muzium tersebut sekarang ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Willie anak Mongin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Senator atas soalan tersebut. Namun, saya tidak ada data-data terbaru mengenai perkembangan semasa mengenai pembinaan Muzium Coklat di Langkawi ini. Akan tetapi saya difahamkan ia telah di peringkat rundingan dan sedang diperhalusi untuk dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Akan tetapi kita memang optimistik bahawa perkara ini boleh dilakukan dalam masa terdekat. Di peringkat kementerian dan juga di peringkat hubungan dengan pihak swasta dan kerajaan negeri, kita memang bertungkus-lumus untuk memformulasikan gerak kerja untuk merealisasikan penubuhan Muzium Coklat ini dan kita berharap *God's willing*, dengan izin, kita akan lakukannya dalam hujung tahun ini ataupun awal tahun 2021.

Kalau Yang Berhormat Senator ingin jawapan secara bertulis dengan lebih lengkap dan detil, saya boleh minta kementerian saya untuk sediakan soalan yang lengkap. Akan tetapi setakat ini saya tidak ada maklumat yang terbaru. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan kita akan perjuangkan untuk merealisasikan hasrat ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Willie anak Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang telah menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin dengan begitu panjang lebar dan merangsang peluang-peluang, ada harapan kepada penanam koko tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang pula dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

4. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan, perancangan kerajaan bagi menjajarkan semula laluan asal bahagian ECRL melalui Bentong, Gombak ke Pelabuhan Klang agar ianya sejajar dengan jaringan bersepadu pengangkutan rel di Semenanjung Malaysia terutama Pantai Timur.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, jajaran projek ECRL ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Seksyen A, jajaran dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B jajaran daripada Dungun ke Mentakab dan Seksyen C jajaran dari Mentakab ke Pelabuhan Klang. Pada masa

ini jajaran Seksyen C iaitu Mentakab-Pelabuhan Klang sedang dikaji dan diperhalusi terutamanya laluan asal yang melalui Bentong, Gombak dan seterusnya ke Pelabuhan Klang.

Cadangan asal projek ECRL pada tahun 2018 iaitu sebelum penggantungan projek telah mengambil kira pembinaan sistem landasan bagi tolok meter iaitu, dengan izin, *meter gadge* bagi KTMB dan juga tolok standard iaitu *the standard gadge*, dengan izin, bagi ECRL yang akan dibina dari Serendah ke Pelabuhan Klang.

Stesen Serendah telah dikenal pasti sebagai stesen yang sesuai bagi pertukaran yakni *interchange*, dengan izin, penumpang dan juga barangan atau kargo di antara ECRL dan KTMB. Melalui stesen ini, kedua-dua perkhidmatan ini iaitu ECRL dan KTMB akan dapat mengintegrasikan serta meningkatkan jaringan rel di antara negeri-negeri di Pantai Timur dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Cadangan pembinaan laluan ECRL dan laluan KTMB daripada Serendah ke Pelabuhan Klang bakal memberi manfaat kepada kerajaan terutamanya dalam penjimatan kos perbelanjaan projek, sekali gus dapat menjimatkan tempoh penyelarasan dan pembinaan bagi kedua-dua laluan ini.

Seterusnya pihak kerajaan akan berunding semula dengan pihak kerajaan China dan kontraktor utama projek bagi mendapatkan kepastian mengenai implikasi kos dan jadual pelaksanaan projek. Hasil rundingan ini akan dibentangkan kepada kerajaan bagi keputusan muktamad mengenai jajaran Seksyen C iaitu Mentakab ke Pelabuhan Klang, projek ECRL. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya terlaksana, sejauh manakah dengan keputusan jajaran semula bahagian ECRL Mentakab, Bentong, Pelabuhan Klang akan membantu pertumbuhan koridor baharu ekonomi di Bukit Tinggi, Genting Highlands dan Bentong supaya perkhidmatan ECRL akan menjadikan Bukit Tinggi dan Bentong sebagai kawasan kediaman baru penduduk Lembah Klang khususnya sebagaimana Nilai dan Seremban dari segi prospek, imbalan ekonomi dan koridor ekonomi Pantai Timur. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana saya hendak- saya rasa saya hendak menerangkan sedikit laluan asal iaitu yang asal dulu ialah akan di- apabila diubah semasa Kerajaan PH, ianya akan lebih kepada ke selatan dan tidak akan melintasi Bentong dan sebagainya, Gombak.

Akan tetapi yang sekarang ini, kerajaan merancang untuk mengembalikan semula kepada jajaran asal dengan ada sedikit perubahan di kawasan antara Gombak dengan

Serendah di mana perkara berkaitan dengan jambatan *Quartz Ridge, Batu Dam*, empangan dan sebagainya. Ini yang ada perubahan dibuat dalam yang sedang diperhalusi, perbincangan dengan kerajaan negeri.

Jadi di sini apabila ianya kalau dikembalikan kepada- kalau dikembalikan, diputuskan nanti, kembali kepada laluan asal iaitu ianya pasti akan melintasi Bentong, dan juga Gombak dan Serendah. Jadi di sini, sebagaimana kita lihat iaitu di Mentakab ini di mana menjadi *interchange* di Mentakab itu nanti ianya akan adalah menjadi *interchange* untuk laluan hingga ke Gua Musang dan juga yang baharu ini akan melalui *East Coast*- Kemaman, Tumpat sampai ke Kota Bharu.

■1040

Di Serendah pula, ia adalah menjadi *interchange* untuk laluan daripada Utara. Juga daripada Serendah ini juga nanti ke Port Klang ini akan pastinya tidak melintasi lagi terutama sekali yang kargo itu yang hendak pergi ke Port Klang, *North Port, West Port*, dan sebagainya. Ia tidak akan lalu di sentral lagi yang boleh menyebabkan bahaya sekiranya membawa *chemical*, kargo dan sebagainya sebab laluan ECRL yang baharu ini 30 peratus adalah penumpang dan 70 peratus adalah kargo. Oleh sebab itulah ia *viable* untuk projek ini.

Jadi sudah pastinya sekiranya *insya-Allah* dibalikkan semula ke laluan Bentong ini sudah pasti akan menerima manfaat daripada laluan ini. Mungkin orang hendak bertanya kenapa penjimatan kos dan sebagainya. Yang sebenarnya apabila kita *back to the all alignment*, dengan izin. Sebenarnya kosnya adalah lebih kurang sama dengan apabila ia hendak dipindah ke Selatan. Akan tetapi ia masih lebih murah daripada laluan perancangan asal di mana pada tahun 2017. Jadi itu mungkin kita hendak tahu.

Sebenarnya sudah pasti projek ini saya yakin dengan laluan yang baharu, kajian yang sedang dibuat ini melintasi Bentong dan juga beberapa tempat daerah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Sudah pasti ia akan memberikan impak untuk membantu membangunkan kawasan-kawasan tersebut apabila ia melintasi di sana.

Jadi mungkin ada yang akan bertanya bagaimana pula kawasan Selatan? Jadi tidak hairan pada masa ini pun kita sedang melihat-lihat, merancang bagaimana pula ada laluan-laluan lain yang akan boleh membangunkan di bawah Selatan daripada *line* ECRL yang lama ini. Untuk menggantikan yang diubah semasa PH dan sekarang dibalikkan kepada laluan asal dengan ada sedikit perubahan. Di bawah ini adalah kita merancang, melihat laluan-laluan yang lain demi untuk juga dapat merencanakan. Antaranya ialah HSR dan sebagainya.

Rasanya itu sahaja yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat Senator. Untuk lebih detil lagi, *insya-Allah* kita akan berikan secara bertulis untuk *overall* punya perancangan dan keputusan jika ada dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau tidak ada saya teruskan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah menjawab soalan yang diberi dengan baik dan jelas. Dia telah beritahu kita perancangan yang terbaik untuk kita punya laluan ini.

Sekarang saya jemput sekali lagi Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan Yang Berhormat Senator.

5. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah kelompok bersasar termasuk kumpulan yang tiada pekerjaan kerana terjejas akibat COVID-19 yang menikmati lanjutan moratorium pinjaman.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 29 Julai yang lalu, menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September, industri perbankan akan melanjutkan moratorium pinjaman secara bersasar dan memberi fleksibiliti pembayaran balik pinjaman kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19 seperti individu yang kehilangan pekerjaan dan individu serta perniagaan yang mengalami pengurangan pendapatan.

Para peminjam hanya perlu memberi maklum balas kepada pihak bank serta memberikan sedikit maklumat yang diperlukan untuk mengesahkan status mereka. Institusi perbankan telah memberikan komitmen dan berusaha keras untuk menghubungi para peminjam yang mungkin memerlukan bantuan setakat 28 Ogos 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sekitar dua juta lebih telah dihubungi oleh pihak bank untuk ditawarkan bantuan bayaran balik. Daripada jumlah tersebut, institusi perbankan telah berbincang dengan 1.1 juta peminjam yang telah memberi maklum balas dan hampir 300 ribu telah mengesahkan yang mereka betul-betul memerlukan bantuan bayaran balik. Manakala selebihnya sedang mempertimbangkan opsyen yang disediakan. Angka ini dijangka akan terus meningkat dengan ketara di mana peminjam boleh memohon dengan mudah melalui pelbagai saluran yang telah disediakan.

Daripada permohonan bantuan pembayaran balik pinjaman yang lengkap diterima dan diproses, sebanyak 97 peratus yang telah diluluskan. Proses permohonan bagi pelanggan individu dijangka mengambil masa satu hingga lima hari. Manakala bagi PKS dijangka mengambil masa tiga hari ke dua minggu setelah permohonan lengkap diterima oleh pihak bank. Orang ramai tidak perlu merasa bimbang kerana fleksibiliti yang diberikan kepada pihak

peminjam sepanjang tempoh ini tidak akan terpapar dalam laporan sistem maklumat rujukan kredit pusat CCRIS peminjam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang sempurna yang mana kita tahu formula wujudkan moratorium adalah satu langkah yang bijak Kerajaan Perikatan Nasional dan pastinya rakyat bersyukur dengan kemudahan tersebut. Saya difahamkan proses penyelesaian masih tidak menyeluruh Tuan Yang di-Pertua kepada kumpulan sasaran. Walaupun telah diumumkan lebih dua bulan yang lalu.

Jadi soalan saya, apakah kerajaan boleh menyediakan kaunter bergerak bertemu dengan kelompok ataupun golongan yang tersasar yang tersebut tadi terutama yang mempunyai masalah Internet? Kenapa kerajaan tidak memperkenalkan moratorium automatik kepada kumpulan sasaran yang disebutkan tadi sebagai kriteria tambahan? Pohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ada dua persoalan yang dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, mengapa pihak bank tidak melakukan moratorium secara automatik kepada golongan yang bersasar.

Perkara ini telah dinyatakan dalam banyak siri-siri sidang akhbar yang telah kami nyatakan. Akan tetapi saya mengambil peluang dan ruang di Dewan Negara yang mulia ini untuk memberi penjelasan. Kerana kita akui bahawasanya semasa kita memberi automatik enam bulan melibatkan ramai pihak-pihak sama ada terjejas atau tidak, mereka akan mendapat moratorium secara automatik. Cumanya pada kali ini kita ingin memastikan kecairan peminjaman kepada industri-industri yang memerlukan, mesti kita pastikan kestabilan dari segi kecairan kewangan dalam sistem perbankan. Itu sebabnya untuk bermula 1 Oktober, kita hanya akan beri kepada moratorium secara bersasar seperti mana yang telah saya nyatakan dalam jawapan sebentar tadi.

Keduanya adalah adakah pihak bank atau pihak Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia ada melakukan siri jelajah kepada mereka yang mempunyai masalah dari segi capaian Internet untuk membuat permohonan. Ya, kita ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kita pergi ke setiap negeri. Setakat hari ini kita sudah pergi ke lapan buah negeri. Masih berbaki dua belas buah negeri, dan *insya-Allah* pada 13 dan 14 September nanti jelajah kempen pembayaran balik pinjaman akan diadakan di negeri Pahang iaitu di bangunan utama Majlis Perbandaran Kuantan.

Apa yang akan berlaku dalam kempen tersebut adalah kita akan mengumpulkan semua bank-bank yang terlibat bagi memudahkan peminjam atau pelanggan untuk berurusan terus. Kita akui sambutan untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua amat menggalakkan. Mereka yang hadir hampir mencecah *target* yang telah kita capai kerana mereka yang hadir ini adalah mereka yang betul-betul terkesan. *Insyah-Allah* melalui Kerajaan Perikatan Nasional, kita amat sensitif dan peka terhadap mereka yang mempunyai masalah yang terkesan daripada COVID-19 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh satu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, boleh tidak kerajaan menimbangkan satu moratorium automatik bentuk baharu? Maksudnya peminjam masih lagi membayar pada kadar 50 peratus sahaja dengan tujuan bahawa untuk meringankan beban peminjam dan juga untuk tidak merosakkan institusi perbankan. Apa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang telah saya jelaskan sebentar tadi betul kita mahu lakukan moratorium secara bersasar kepada mereka yang betul-betul terkesan. Akan tetapi kita mengambil kira mereka yang terkesan yang telah diluluskan dan mereka yang terkesan, dikatakan terkesan pada khidmat pelanggan atau peminjam. Akan tetapi, pada pihak bank mereka tidak mencapai *requirement*. Dua perkara ini mesti kita faham dan kita perjelaskan agar tidak ada kekeliruan.

■1050

Pertamanya, memang kita beri pinjaman kepada mereka, pelanjutan kepada mereka yang terkesan. Itu tidak ada perkara yang bermasalah. Akan tetapi, sekiranya mereka merasakan pihak bank atau institusi kewangan tidak begitu memberi kerjasama, mereka mempunyai kekeliruan bahawasanya mereka mempunyai hak untuk dilanjutkan tetapi mereka tidak diberi hak pada pemikiran mereka. Mereka boleh buat aduan kepada pihak Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia- BNMTELELINK, melalui talian 1-300-88-5465. Setakat hari ini kita hanya menerima kes-kes terpencil aduan-aduan yang dibuat melalui BNMTELELINK.

Keduanya, sekiranya mereka tidak lulus atau mereka tidak dapat dilanjutkan moratorium, mereka boleh pergi ke Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk

menyemak semula permohonan mereka ataupun membuat penyusunan semula dan penstrukturan semula (R&R) pinjaman mereka. Sudah pasti AKPK akan membantu mereka untuk pinjaman secara individu dan pinjaman secara perniagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Shahr bin Abdullah Timbalan Menteri Kewangan II. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Razali dan juga tambahan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Zahid Abdullah.

Sekarang kita pergi ke soalan nombor enam iaitu daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Silakan.

6. Dato' Isa bin Ab. Hamid Minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah kerjasama kementerian dengan usaha proaktif Perbadanan Pelancongan Kedah dalam membantu Pusat Kraftangan Malaysia di Langkawi bagi mempromosi produk tempatan kepada pelancong luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Dr. Jeffrey Kitingan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan dengan pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020, kementerian telah membatalkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020.

Walau bagaimanapun, kita telah meneruskan usaha kita untuk terus berusaha untuk mempromosikan produk kraf tempatan. Di Langkawi, Pusat Kraftangan Malaysia atau lebih dikenali sebagai Kompleks Kraf Langkawi merupakan pusat sehenti kraf yang diwujudkan untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan di sekitar Langkawi. Antara produk kraf yang dipasarkan di kompleks kraf ini adalah seperti batik, ukiran kayu, seramik, kristal, anyaman mengkuang dan produk kampung hiliran seperti manik, siput serta tempurung kelapa.

Kompleks Kraf Langkawi bekerjasama dengan Perbadanan Pelancongan Kedah melalui *Tourist Information Center* yang terdapat di tiga lokasi iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di jeti dan di Kompleks Pekan Rabu. Ini bagi tujuan mempromosi dan memberikan publisiti mengenai produk kraf tempatan dan di samping itu juga hebahan dibuat menggunakan platform media sosial masa kini yang lebih mudah, menjimatkan masa dan juga menjimatkan kos.

Selain itu, pembangunan produk kraf baharu turut dilaksanakan bagi segmen produk pelancongan berbentuk cenderamata khusus bagi produk kristal, ukiran kayu, seramik dan batik ikat celup untuk ditawarkan kepada pelancong dalam dan luar negara. Kerjasama bersama Perbadanan Pelancongan Kedah ini telah sedikit sebanyak membantu Kompleks Kraf Langkawi mempromosikan produk tempatan kepada pelancong dalam dan luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Julai 2020 bilangan usahawan yang menceburi dalam bidang ini di Langkawi ada seramai 34 orang dan mereka telah mendapat pulangan atau jualan sebanyak RM1.3 juta. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat sendiri adalah antara usahawan yang berjaya dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang saya lihat agak lengkap dan saya ingin menambah kepada satu soalan. Apabila kerajaan telah membatalkan Tahun Melawat Malaysia 2020 dan juga ancaman COVID-19 yang masih berlangsung, kita melihat keterbatasan usahawan untuk pemasaran dan juga pembangunan.

Saya ingin bertanya, apakah usaha kementerian ataupun strategi kementerian ini untuk membantu pemasaran supaya lebih luas dan juga geran pembangunan kepada seramai 34 usahawan kraf di Langkawi ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sebenarnya membuat penyediaan pelan untuk memulihkan industri kita, khususnya untuk meningkatkan pemasaran dan pembangunan usahawan kraf di Langkawi semasa COVID-19 dan pasca COVID-19. Ini antaranya ialah tindakan melalui pemasaran dalam talian yang disediakan termasuklah:

- (i) E-Kraf Bazar. E-Kraf Bazar merupakan inisiatif pemasaran dalam talian yang telah diperkenalkan pada 8 April 2020 untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan;
- (ii) CraftOnTheGo. CraftOnTheGo ini menyediakan perkhidmatan secara digital dalam bentuk *mobile apps* kepada masyarakat kita untuk meningkatkan kebolehcapaian mereka menggunakan cara ini; dan
- (iii) MyCraftshoppe. Ini merupakan platform *e-marketplace* yang memasarkan produk kraf dan perkhidmatan secara dalam talian berkonsepkan *global reach, local identity*.

Maklumat-maklumat yang lain yang lebih terperinci mengenai seramai 34 usahawan itu sebenarnya hanya 26 yang berdaftar dan mereka telah berjaya untuk memasarkan tidak kurang daripada *on the average* RM36 ribu di dalam masa Januari hingga Julai. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sini, sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada? Sila.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, rata-rata di dunia industri pelancongan meleset. Apakah kempen bagi Tahun Melawat Malaysia 2020 masih berterusan dalam keadaan sekarang? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Terima kasih kepada soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dibatalkan akibat penularan pandemik COVID-19. Kita tidak ada rancangan yang *immediate* untuk mengganti kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 ini pada tahun depan atau tahun yang akan datang disebabkan terlalu banyak perancangan yang akan terlibat dan persediaan yang akan terlibat untuk menyediakan program besar seperti ini.

■1100

Maka itu, tidak ada rancangan yang *immediate* untuk mengganti Kempen Melawat Malaysia dalam tahun yang hadapan ini. Akan tetapi kita masih mempunyai harapan bahawa setelah COVID-19 ini dapat kita tangani, pintu-pintu negara dibuka, sudah tentunya kita akan mengkaji semula kesesuaian Kempen Melawat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey dan...

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan lagi tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: ...Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menjawab soalan-soalan kita dengan penuh harapan, dalam masa COVID-19 ini pelancongan merudum, hotel-hotel banyak juga ditutup. Kita doakan, jadi semua orang lekas penyakit COVID-19 ini. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

7. **Datuk Lim Pay Hen** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian mempertimbangkan untuk menukar lantikan kontrak pegawai perubatan, doktor dan petugas kesihatan kepada lantikan tetap bagi memastikan kesediaan sektor kesihatan negara apabila COVID-19 menunjukkan keperluan pegawai perubatan dan petugas kesihatan yang ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: [*Membaca doa dalam bahasa Arab*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mula mengamalkan pada tahun 2015 Dasar Mengoptimumkan Sumber Manusia dan juga Dasar Kawalan Saiz JPA. Pada ketika itu lantikan kerja hanyalah pada lantikan tetap. Masalah yang kita hadapi pada ketika itu ialah lambakan graduan-graduan perubatan dalam dan luar negara dan jawatan tetap sudah tidak ada yang baharu. Akhirnya graduan-graduan ini terpaksa menunggu begitu lama. Ada yang sehingga melebihi satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, lantikan secara kontrak dibuat bagi membolehkan graduan diberi penempatan untuk tujuan pendedahan, pengalaman dalam bidang masing-masing menerusi latihan siswazah dan khidmat wajib tanpa tertakluk kepada perjawatan tetap. Oleh itu sekiranya kita fahami isu ini betul-betul dengan teliti, sebenarnya langkah untuk melantik graduan secara kontrak itu sendiri adalah satu bentuk penyelesaian yang telah diambil oleh kerajaan dan menunjukkan kerajaan prihatin tentang masalah graduan.

Setakat ini selama beberapa tahun ini saya lihat dan saya dengar keluhan-keluhan dan juga soalan-soalan daripada wakil-wakil rakyat seolah-olah macam kerajaan meletakkan kontrak ini menyusahkan graduan. Jadi saya hendak betulkan persepsi ini ataupun kefahaman ini. Sebenarnya kerajaan prihatin, jadi anak-anak kita graduan tidak perlu menunggu sampai satu tahun. Kalau dulu sembilan tahun hingga satu tahun, kini mungkin enam bulan sahaja. Kenalah tunggu juga untuk menunggu slot latihan siswazah itu.

Pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap bergantung pada kekosongan jawatan sedia ada. Itu penting. Begitu juga jawatan baharu yang boleh diwujudkan dari semasa ke semasa. Selain daripada melalui pengisian jawatan baharu yang diwujudkan, pegawai juga boleh dipertimbangkan pelantikan tetap apabila ada jawatan sedia ada dikosongkan berikutan faktor seperti persaraan dan juga peletakan jawatan. Bila ada orang letak jawatan, bila ada orang bersara ada kekosongan, maka ada cara-caranya untuk memilih siapakah yang layak untuk dijadikan tetap.

Walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan perjawatan tetap secara tukar ganti atau *trade-off*, dengan izin, sebanyak 10,675 namun ia diberikan secara berfasa bagi tujuan menangani keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu. Seperti Hospital Rembau, kita bagi 385 perjawatan, ini fasiliti baharu dan juga naik taraf. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 997 adalah jawatan Pegawai Perubatan, 154 Pegawai Pergigian, dan 282 adalah Pegawai Farmasi.

Selain itu, di antara perjawatan tetap lain yang dipertimbangkan adalah 3,296 jawatan Jururawat, 1,008 jawatan Penolong Pegawai Perubatan atau *Medical Assistant*, dengan izin dan 247 jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian. Dengan kelulusan perjawatan tersebut, sebahagian daripada pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan ke pelantikan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui instrumen, dengan izin, *International Health Regulations (2005)*, atau IHR (2005) iaitu penilaian aktiviti terhadap Malaysia telah diadakan pada 21 hingga 25 Oktober 2019. Ini sebelum pandemik diisytiharkan, sebelum kita tahu kita ini menghadapi bencana COVID-19. Ia meliputi 19 bidang, skop teknikal terhadap sumber manusia. Berdasarkan penilaian tersebut, Malaysia dinilai sebagai sebuah negara yang mempunyai keupayaan dan komitmen

dalam menangani pandemik dan wabak penyakit dan ia terbukti melalui pencapaian Malaysia dalam menangani pandemik.

Apabila pandemik datang, apabila kita menanganinya dan kita sudah terbukti, kita telah berjaya melandai lengkuk itu dan dunia puji kita hari ini. Dunia tanya macam mana kita buat hari ini. WHO mengiktiraf kita hari ini. Jadi ini menandakan IHR (2005) itu telah menepati apa yang Malaysia buat. Bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan dengan kekangan perjawatan terhad, KKM buat masa ini akan terus menggunakan pendekatan melantik secara kontrak, skim-skim perkhidmatan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, menurut laporan daripada pakar dan saintis Barat, meramalkan bahawa pandemik COVID-19 itu mungkin akan berterusan selama tempoh dua tahun. Jadi, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan pegawai-pegawai perubatan lantikan kontrak yang dipanggil untuk bertugas memerangi COVID-19 ini mendapat *career enhancement*, dengan izin, selepas daripada tempoh pandemik ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah sebab COVID-19 ini kita terima kasih tahu sebenarnya, berapa lama dia. Kita tidak kenal dia lagi. Ini koronavirus. Tidak ada ubat lagi, tidak ada vaksin lagi. Senjata yang kita ada ialah sanitasi, cuci tangan kita, pakai pelitup muka dan juga penjarakan fizikal. Dari segi kesediaan, seperti yang saya nyatakan tadi, IHR (2005) dan penilaian JEE ini menyatakan bahawa Malaysia mampu menangani dan telah terbukti pada peringkat awal, peringkat gelombang kedua ini kita berjaya melandai lengkuk itu.

Apa yang dikatakan ia akan berlanjutan sampai dua tahun, kita kerajaan, KKM akan meneruskan apa yang telah kita lakukan dan sentiasa memantau, melihat dan memperincikan tentang keadaan yang berlaku. Contohnya bila ada kluster maka kita ketatkan. Kita telah menjalankan PKP, empat fasa dan PKPP sekarang. Malah PKPP ini yang berakhir pada 31 Ogos telah disambung sehingga 31 Disember. Kita mengadakan PKPD pada lokaliti-lokaliti yang tertentu apabila berlaku kes-kes yang mendadak. Dari segi perjawatan pula, kita memang menyediakan contohnya semasa pandemik ini kita telah menyediakan kontrak, kita telah menawarkan kontrak sehingga mencecah 2,467 perjawatan.

Saya mengambil contoh, pengamal-pengamal perubatan swasta tidak diketepikan, kita telah menawarkan pada mereka. Pengamal-pengamal swasta 76 telah mengambil cabaran ini dengan kontrak selama tiga bulan. Kontrak yang dinyatakan ini *Contract for Service* (CFS), dengan izin. Pegawai Sains Mikrobiologi 37 orang, saya ambil yang besar.

Jururawat Gred U29 sebanyak 1,120 orang. Jururawat pesara yang baharu bersara itu, ilmu masih penuh di dada lagi, jadi kita ambil dia 100 orang. Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 sebanyak 1,078 orang. Juruteknologi Makmal Perubatan, 44 orang.

Jadi dari semasa ke semasa jika berlaku kes-kes yang mendadak, jika perlu keperluan, maka kita akan melaksanakan apa yang telah kita mulakan dulu. Dari segi hospitalnya, dari segi hospital COVID nya, daripada hospital yang hibrid daripada hospital COVID yang sebenarnya, daripada makmalnya kita telah bersiap sedia.

■1110

Kita ada sebanyak 58 makmal dengan keupayaan sebanyak 38,000 *testing per day*, dengan izin, dan ada juga dari segi PPE nya dan sebagainya. Ini kerajaan telah bersedia. Kerajaan ini amat mementingkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara ini. Oleh sebab itu, kita menekankan supaya kita amalkan nasihat seperti yang telah dinasihatkan oleh KKM. Setiap hari, kita apa? Kita kena elakkan 3S amalkan 3W dan jaga SOP kita.

Begitu juga, dinyatakan oleh KKM dalam nasihat setiap hari jangan kita bersalaman dan jangan kita bersentuhan...

Seorang Ahli: ...Sentuh juga tadi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Termasuk melaga-lagakan badan kita atau melaga-laga anggota tubuh kita. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat orang macam ini... [*Menunjukkan isyarat tangan*] Sudahlah macam ini, genyeh lagi. Lepas itu, adakah orang cuci tangan selepas itu? Adakah mereka *sanitize*? Jadi, KKM menasihatkan. Kita menganjurkan letak tangan di dada... [*Menunjukkan isyarat tangan*] Dan hormat tunduk. Kita kena menganjurkan itu.

Akan tetapi, apa yang saya lihat, apa yang saya lihat di keliling ini, sudah menjadi satu trend yang tidak baik. Jadi, saya sarankan, KKM menyarankan semua wakil rakyat dan semua rakyat di Malaysia ini, berhati-hati. Jangan kita melaga-lagakan anggota tubuh kita tetapi cukup sekadar kita meletakkan tangan di dada... [*Menunjukkan isyarat tangan*] Dan tunduk hormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pembetulan kepada Yang Berhormat Menteri. Pasal kami diajar di dalam televisyen Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pertahanan tunjuk suruh laga... [*Menunjukkan isyarat tangan*] Ataupun letak tangan di dada. Jadi, kami ikutlah sekarang ini. Jadi, yang mana betul Tuan Yang di-Pertua? [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan. Tahniah Yang Berhormat sebabnya Yang Berhormat menjadi Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah kalau kita pergi ke klinik-klinik kerajaan, baik klinik kesihatan ataupun hospital, *queuenya* panjang sangat. Saya dapati sampai empat jam atau sampai lima jam. Apakah ini menggambarkan jumlah pegawai kesihatan mencukupi di hospital-hospital kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Jadi, sekarang ini kita mempunyai tenaga kedoktoran yang mencukupi sebenarnya. Akan tetapi, di tempat-tempat yang terpencil umpamanya di klinik-klinik kesihatan hari ini, bilangan pesakit-pesakit yang datang itu begitu ramai dan mendadak. Oleh sebab itu, antaranya kita hendak buat penjarakan. Contohnya, kita bagi *appointment* melalui talian atau melalui telefon ataupun melalui *WhatsApp* dan sebagainya supaya mereka dapat datang pada masa-masa yang tertentu dan bukan sekali serentak begitu. *Tang follow-up* yang dilakukan di klinik-klinik kesihatan umpamanya.

Oleh sebab itu, masalah lain yang timbul ialah tentang kita punya *parking*. *Parking* pun satu masalah. Sudah jadi satu masalah sebab semua orang datang pada waktu itu. Doktor bawa kereta, *nurse* berkereta, atendan bawa kereta, pesakit pun ada kereta dekat situ dan juga pelawat bawa kereta. Jadi, memang tidak cukup tempat.

Jadi, begitu juga dengan perkara Yang Berhormat sebutkan tadi. Bukan bermakna kita tidak cukup kedoktoran. Kadang-kadang tempat itu agak kecil, kalau di luar bandar. Saya ambil contohlah iaitu di Bagan Serai lah, di tempat saya. Kliniknya ada saya pernah tengok ada tiga orang doktor di dalam itu. Ini disebabkan tempat sudah tidak cukup. Jadi, memanglah pada masa sekarang dan pada masa akan datang, kerajaan akan berusaha juga untuk mewujudkan klinik-klinik yang lebih baik, lebih selesa, lebih besar dan yang sesuai dengan pertambahan penduduk yang ada sekarang ini.

Begitu juga, kita nasihatkan juga supaya rakyat jaga kesihatan dia supaya dia dapat sihat dan dia tidaklah payah beratur dan tunggu begitu lama di klinik-klinik kerajaan yang ada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I yang sudah tunjuk ajar kita agar rakyat tidak *confuse*. Akan tetapi, yang kita nampak bahawa hari ini tidak ada peluk-peluklah. Cium pipi tidak ada sudah tetapi tadi tumbuk-tumbuk itu ada dan ada juga yang lain.

Jadi, kita pihak kerajaan kena tunjukkan apa cara yang terbaik menunjukkan kita punya bab berbudi bahasa dan kemesraan kita itu. Itulah supaya jangan rakyat *confused*. Apa

cara yang terbaik untuk tunjuk kita punya kemesraan itu. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan baik dan teratur.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi. Dipersilakan.

8. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah status penambahan tujuh Pusat Kehidupan Berdikari baharu di seluruh negara bagi memberi manfaat kepada sejumlah hampir 11 ribu orang OKU seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator, Pusat Kehidupan Berdikari atau *Independent Living Center (ILC)*, merupakan pusat yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan orang kurang upaya untuk membolehkan mereka bersedia untuk memulakan kehidupan berdikari. OKU juga mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat.

ILC terbuka kepada semua OKU terutama yang tinggal berhampiran dan dalam kalangan OKU yang mengalami kecacatan atau kurang upaya yang tahap serius. Pusat ini juga menyasarkan OKU yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari yang telah lama berada di dalam sebuah institusi atau di bawah jagaan ahli keluarga.

Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak tujuh buah ILC telah ditubuhkan di mana dua buah ILC telah beroperasi sehingga kini iaitu di Petaling Jaya, Selangor dan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor. Manakala lima lagi buah ILC sedang ditubuhkan, sedang dan akan beroperasi tidak lama lagi iaitu di Kedah, Selangor, Sabah, Sarawak dan Johor. *Insyaa-Allah*, sehingga akhir Disember ini, lima lagi akan beroperasi.

Sehingga kini, seramai 1,004 orang OKU telah dapat manfaat daripada perkhidmatan ILC di dua buah ILC yang telah beroperasi. Di antara faktor lokasi bagi penubuhan ILC ini ialah melihat kepada taburan OKU yang memerlukan dan juga pertubuhan iaitu terdapat Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang bersedia untuk membantu mengendalikan ILC berkaitan dan mematuhi standard piawai yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, adakah pihak

kementerian akan menambah jumlah bilangan Pusat Kehidupan Berdikari ini di dalam RMKe-12 bagi memenuhi keperluan golongan OKU yang berdaftar sehingga kini? Terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya sangat berterima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap keperluan golongan OKU ini. Kita ingin melihat keberkesanan tujuh buah ILC yang sudah sedia ada. *Insyallah*, kita di pihak kementerian sentiasa mempertimbangkan untuk penubuhan ILC yang baharu dari masa ke semasa sekiranya ia diperlukan untuk ia dapat dimanfaatkan seramai mungkin OKU di seluruh negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Ada soalan tambahan? Baik, tidak ada soalan tambahan. Terima kasih banyak iaitu kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang telah menjawab dengan baik dan kemas tadi. Sekali lagi, terima kasih.

Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh. Silakan.

9. Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, statistik jumlah penjawat awam yang masih dalam kontrak perkhidmatan di semua kementerian dan adakah apa-apa plan untuk menjadikan penjawat awam kontrak yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dijadikan pekerja tetap secara automatik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengumuman Bajet 2016, kerajaan telah bersetuju untuk melantik secara tetap bagi pegawai lantikan kontrak yang telah dilantik sebelum atau pada 23 Oktober 2015.

Keputusan kerajaan untuk melantik secara tetap pegawai-pegawai kontrak yang dipanggil sebagai *Contract of Service* (COS) yang telah berkhidmat selama 15 tahun ini adalah sebagai tanda penghargaan kerajaan di atas segala sumbangan serta khidmat bakti pegawai-pegawai kontrak tersebut kepada negara.

Seramai 22,080 orang pegawai COS ini lantikan sebelum atau pada 23 Oktober 2015 telah dikenal pasti untuk dilantik tetap secara berperingkat sekiranya pegawai memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

■1120

Sehingga kini, seramai 11,796 orang pegawai COS telah dilantik tetap dan bakinya, seramai 10,284 orang pegawai COS akan dilantik ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam sepanjang tempoh tahun 2020 hingga 2031. Jumlah penjawat awam yang telah dilantik secara kontrak sehingga 20 Julai 2020 adalah seramai 23,652 orang.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Suresh Singh berkenaan dengan pendirian kerajaan sama ada ingin meneruskan ataupun tidak pelantikan kontrak COS ini, maka sebagai maklumat, kerajaan sedang mengkaji dan memperhalusi keperluan sambungan *Contract of Service* ini. Sekiranya keperluan menepati dengan apa yang dikehendaki, maka insya-Allah proses ini akan diteruskan lagi. Terima kasih.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berapakah jumlah keseluruhan pekerja yang masih bertugas secara gaji harian, dengan izin, *piecemeal* setakat ini? Adakah benar bahawa di Jabatan Penyiaran sahaja terdapat lebih kurang 500 pekerja *piecemeal*? Ada yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun, yang tidak diberi apa-apa peruntukan faedah pekerjaan seperti EPF, SOCSO, cuti bersalin, cuti tahun. Mereka ini akan dibayar *day-to-day basis*, datang dapat gaji, tidak datang tidak ada gaji. Adakah perkara ini benar? Apakah tindakan selanjutnya? Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, bagi pekerja kontrak ini ia ada beberapa kumpulan dan salah satu daripadanya ialah kumpulan pekerja yang dibayar gaji secara harian. Jadi, kumpulan pekerja yang dibayar gaji secara harian ini adalah merupakan pekerja yang dibayar gaji berdasarkan kepada kehadiran bekerja. Jadi, sekiranya dia datang bekerja, dia mendapatlah bayaran yang telah ditetapkan dan sekiranya tidak, maka tidak dapat.

Sebagai maklumat kepada Yang Berhormat juga, pekerja harian ini tidak mempunyai ataupun tidak diberikan apa-apa kemudahan-kemudahan lain, melainkan gaji harian mereka tersebut sahaja. Sekiranya mereka berkhidmat lebih daripada 15 tahun, barulah boleh dipertimbangkan kepada jawatan tetap. Jawatan ini biasanya diwujudkan hanya berdasarkan kepada keperluan semasa dan satu keperluan yang khusus kepada tugas-tugas yang diperlukan oleh sesuatu agensi di bawah kerajaan pada masa dan ketika itu dan mengikut keperluan itu sahaja.

Mereka ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa ataupun boleh disambung terus dari semasa ke semasa. Maka dengan sebab itu, kedudukan pekerja gaji harian ini adalah lebih merupakan pekerja yang kita mendapatkan perkhidmatan mereka secara servis mengikut keperluan semata-mata. Cuma buat masa sekarang, saya tidak dapat memberikan satu jawapan secara terus kepada Yang Berhormat berkenaan dengan jumlah pekerja harian dan insya-Allah saya akan berikan dalam bentuk jawapan bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Wira Othman bin Aziz: [Bangun]

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: [Bangun]

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan belah kiri ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas Mei 18 ada kedengaran dasar kononnya untuk mengurangkan bilangan penjawat awam, adakah dasar itu masih diteruskan?

Kedua, beberapa jabatan ataupun agensi telah pun ditutup, seperti BTN dan juga JASA. Adakah kerajaan sekarang ini berasa hendak mengkaji semula? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Shahbudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebagai makluman, kerajaan sekarang di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, kita tidak mempunyai satu dasar yang terus untuk memberhentikan atau mengecilkan penjawat ataupun bilangan penjawat-penjawat awam di dalam sektor awam.

Akan tetapi kajian dari semasa ke semasa sering dilakukan dan akan terus dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi menentukan keperluan-keperluan sebenar di dalam perancangan kita bagi mewujudkan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam.

Jadi dalam erti kata lain, ini bermakna bahawa kerajaan tidak semestinya terikat dengan keputusan kerajaan yang terdahulu untuk memberhentikan ataupun mengecilkan jumlah bilangan penjawat-penjawat awam, malah ianya akan lebih merujuk kepada nasihat yang diberikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam, bergantung kepada keperluan semasa bagi melancarkan urus tadbir kerajaan. Terima kasih.

Kedua, yang berkaitan dengan BTN ataupun agensi yang sama dengannya itu. Sebenarnya kerajaan telah pun mengkaji dan melihat bahawa ada keperluan kewujudan jabatan-jabatan seperti ini. Akan tetapi mungkin dalam satu spesifikasi yang berubah dan maksudnya, masih adalah untuk kepentingan negara.

Jadi dengan sebab itu, kita menunggu sedikit masa lagi hasil daripada kajian yang dibuat oleh pihak perkhidmatan awam dan juga oleh MOF berkenaan dengan persediaan dari segi keperluan dan juga kewangan bagi kita mewujudkan semula perjawatan-perjawatan yang sedemikian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Shahbudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab dengan baik dan teratur. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Silakan.

10. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, berapakah jumlah bantuan perniagaan yang diberikan kepada usahawan Orang Asli pada tahun 2019 dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2019 seramai 54 orang usahawan Orang Asli telah menerima geran bantuan usahawan yang diberikan kepada usahawan Orang Asli di seluruh negeri. Usahawan-usahawan Orang Asli yang telah menerima bantuan daripada kerajaan melalui JAKOA adalah terdiri daripada usahawan kedai makan, pengusaha ternakan, madu kelulut, peniaga kedai runcit, pengusaha bakeri, usahawan dalam bidang dandanan dan solekan dan juga usahawan dalam bidang fotografi.

Jumlah keseluruhan bantuan yang diperuntukkan oleh JAKOA kepada usahawan Orang Asli pada tahun 2019 adalah sebanyak RM671 ribu. Untuk makluman, bantuan yang diberikan kepada usahawan-usahawan Orang Asli ini dilaksanakan melalui kaedah perolehan oleh JAKOA berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan jumlah peruntukan itu, agak besar juga. Akan tetapi adakah pihak kementerian bercadang untuk membina lot-lot kedai di perkampungan Orang Asli? Oleh sebab kebiasaannya, apa yang JAKOA buat adalah mereka memberikan bantuan kepada usahawan-usahawan Orang Asli ini dan dengan membina kedai ini sekali tetapi akhirnya, kedai-kedai yang dibina ini tidak bertahan lama, tidak berpanjangan. Maksudnya, pengusaha tidak menjalankan perniagaan dan akhirnya, kedai-kedai itu menjadi kosong ataupun digunakan untuk melakukan benda lain atau digunakan untuk benda lain, bukannya untuk perniagaan.

Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk membina lot-lot kedai ini dan diberi kepada pengusaha ataupun usahawan-usahawan Orang Asli ini? Sekiranya usahawan itu berhenti daripada menjalankan perniagaan dan sekurang-kurangnya lot kedai tersebut boleh diberi atau diserahkan kepada Orang Asli lain yang ada keupayaan ataupun yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Itu soalan saya. Sekian, terima kasih.

■1130

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Memang pun menjadi hasrat kerajaan dan pihak kementerian KPLB untuk melihat keperluan-keperluan khususnya usahawan Orang Asli ini dan di mana-mana diperlukan untuk seperti mana yang disebutkan tadi kedai-kedai akan dikaji. Mengenai tempat-tempat yang kosong itu, kedai itu akan dibuat penelitian nanti. Jika perlu diberi kepada peniaga-peniaga Orang Asli yang berminat, akan dilakukan. Jadi saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Tidak ada ya. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar kita. Terima kasih banyak-banyak dan telah menjawab dengan baik ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Berhormat Menteri.

*Tiada beban batu digalas;
Soalan saya nombor sebelas.*

11. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah banjir pendedahan asing tanpa izin dan apakah faktor utama yang menyebabkan pendedahan asing tanpa izin ini semakin berleluasa di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Yang Berhormat Senator atas soalan nombor 11.

Seperti mana yang telah saya tegaskan dalam siri-siri jawapan saya di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak kerajaan menerusi KDN sangat serius untuk membendung kemasukan PATI di dalam negara kita demi keselamatan dan juga kedaulatan negara kita. Oleh sebab itulah dari masa ke semasa pihak Kementerian Dalam Negeri mengadakan operasi bersepadu seperti mana yang saya sebut tadi bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia dalam OPS Benteng di sempadan-sempadan supaya lorong-lorong tikus dapat kita kawal dan juga di dalam perairan ataupun di laut luas kita bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Bagi kerjasama di peringkat kerajaan negeri, kita juga menggalakkan supaya pihak kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan dan pemimpin-pemimpin komuniti seperti JKK, JKKP dan juga mana-mana orang ramai menjadi 'mata' dan 'telinga' kepada pihak kerajaan supaya menyalurkan maklumat jika terdapat risikan dan maklumat mengenai PATI yang berada di sekitar komuniti masing-masing termasuk juga RELA yang telah kita amanahkan supaya menjadi 'mata' dan 'telinga' bagi pihak kerajaan.

Dalam mengukuhkan penguatkuasaan pendedahan tanpa izin ini, KDN telah menggariskan lima Pelan Holistik Penguasaan PATI yang saya telah sebutkan pada hari semalam iaitu:

- (i) Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI;
- (ii) Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk;

- (iii) Strategi Pengurusan Pekerja Asing;
- (iv) Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI; dan
- (v) Strategi Media dan Publisiti.

Bagi soalan kenapa PATI suka datang ke negara kita. Kita tahu bahawa negara kita ada kestabilan politik dan diharapkan kestabilan politik ini berterusan. Kita ada mempunyai ekonomi yang baik dan kadar upah bagi pekerja-pekerja di dalam negara kita daripada warganegara asing sangat tinggi berbanding dengan kadar upah di negara sumber atau negara asal mereka. Jadi sebab itulah saya percaya inilah di antara sebab utama kenapa PATI atau pekerja asing suka, minat datang ke negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup baik. Cumanya saya hendak bertanya bagaimanakah Kementerian menyelesaikan isu warga asing yang telah tamat pas lawatan sepanjang tempoh PKPP namun masih tidak dapat pulang ke negara asal. Bagaimanakah Kementerian memastikan tiada yang mengambil kesempatan untuk tinggal di Malaysia secara haram? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Kerajaan sebenarnya melalui KDN memberikan peluang kepada mereka yang telah tamat pas lawatan- *overstayed* kerana PKP tetapi mereka ini kena menyerah atau serah diri berjumpa dengan Jabatan Imigresen kita dan ada syarat-syarat tertentu yang mesti pihak yang datang ke negara kita mematuhi.

Begitu juga dengan jika mereka ini terus enggan untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan pihak keselamatan negara. Inilah yang kita kategorikan iaitu:

- (i) PATI yang datang melalui laluan tikus;
- (ii) PATI yang *overstayed* yang tidak memaklumkan kepada kita kenapa *overstayed*; dan
- (iii) yang datang secara sah tetapi dia *fly*, dengan izin, dia terbang kepada majikan-majikan yang lain yang kita tidak ada data dan akhirnya permit mereka tersebut telah tamat.

Jadi sebab itulah, kita dari masa ke semasa yang saya sebut pada soalan asal tadi, kita dah dapat berjaya menghantar pulang seramai 24,078 orang PATI ke negara asal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Tidak ada ya.

Jadi terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, dia dapat dua soalan pada hari ini di Dewan ini, terima kasih banyak. Itu jawapan yang baik, kemas dan teratur. Kita puas hati. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Sekarang soalan nombor 12, Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

12. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada kerajaan bercadang menawarkan perkhidmatan ujian COVID-19 bagi guru-guru sekolah secara percuma dan berkala, dan apakah langkah-langkah untuk menjamin kesihatan guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran yang selalu bersama murid-murid.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan dari Pejabat Kesihatan Daerah akan membuat penilaian risiko bagi pelaksanaan ujian pengesanan COVID-19. Kini, ujian dijalankan adalah ke atas individu yang bergejala dan berisiko tinggi sahaja. Buat masa ini juga, tidak terdapat keperluan untuk menyediakan perkhidmatan ujian COVID-19 secara percuma dan berkala bagi guru-guru sekolah melainkan sekolah tersebut terletak di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Kerajaan juga telah membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk pelbagai sektor dan subsektor termasuklah bagi sektor pendidikan. Justeru, pematuhan kepada SOP ini adalah penting bagi memastikan tiada penularan jangkitan COVID-19 di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan Negara, KKM telah menerima permohonan yang serupa daripada beberapa kementerian dan agensi seperti SPRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga KPDNHEP kerana masing-masing memikirkan adakah kementerianya patut diadakan pemeriksaan COVID-19 ini secara percuma. Walau bagaimanapun, KKM telah bersetuju supaya pasukan dari Pejabat Kesihatan Daerah membuat penilaian risiko mengikut keperluan dan untuk melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 ke atas individu yang bergejala dan berisiko tinggi sahaja mengikut keperluan dengan percuma.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya ingin memberi contoh. Contohnya saya hendak bagi ialah tentang Kluster Tawar. Jadi Kluster Tawar yang telah bermula pada 3 September, sehingga kini ada 78 kes dan daripada jumlah ini, 18 kes melibatkan guru dan murid-murid dengan kadar *positivity*nya 23.1 peratus. Jadi kalau saya sebutkan pecahan di sini, dua kes ialah guru, empat kes ialah murid

sekolah menengah, sembilan kes ialah murid sekolah rendah dan tiga kes adalah murid pra sekolah.

■1140

Jadi kita dapat lihat daripada 106 kluster dan 95 kluster telah tamat, yang kini 11 yang aktif, antara yang masih sangat aktif adalah kluster Tawar ini. Jadi, bagi kluster begini, aktiviti kesihatan awam iaitu pengesanan kes dan kontak rapat, penilaian risiko, melakukan saringan gejala ke atas mereka dan mengambil ujian PCR daripada mereka dan merujuk kes ini kepada hospital untuk rawatan dan juga melakukan aktiviti disinfeksi dan juga pembersihan di kawasan-kawasan yang kerap disentuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

WHO meramalkan bahawa COVID-19 akan tetap berada di kalangan kita bagi tempoh dua tahun lagi sebelum ia dapat dikawal. Soalan tambahan saya ialah sebagai salah satu langkah bagi mengurangkan penularan COVID-19, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan guru-guru dari Sarawak dan negeri-negeri lain untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing demi mengurangkan keperluan untuk bergerak dari negeri ke negeri?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Robert Lau. Satu soalan yang menunjukkan Yang Berhormat begitu prihatin dengan masalah guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu yang COVID-19 ini adalah penyakit baru, novel koronavirus yang mana WHO telah nyatakan tidak ada ubat yang tertentu lagi, tidak ada vaksin yang dapat ditemu lagi. Maka jangkaannya setahun, dua tahun, kita harap tidak lama ia akan berleluasa.

Jadi kalau kita bercakap tentang guru-guru ataupun pegawai-pegawai pendidikan, ataupun kepada murid-murid, mereka ini adalah insan biasa seperti orang lain juga. Sebenarnya apa yang penting ialah bukan dia mengajar di sekolah Semenanjung kah, Sarawak kah. Bukan penting dia mengajar di sekolah di bandar atau pedalaman. Apa yang penting sekali ialah rakyat Malaysia hari ini mengikut SOP yang telah ditentukan oleh kerajaan, mengikut nasihat yang telah diadakan oleh Kementerian Kesihatan pada tiap-tiap petang. Ini yang penting sekali.

Jadi kalau kita kata nasihat tadi, dari segi kita ini yang kini pada tahap telah menjadi barisan hadapan, rakyat kini telah menjadi barisan harapan. Oleh sebab itu, kerajaan melaksanakan pendekatan CAPP di bawah DRRP supaya tempat yang hijau menjadi hijau, tempat yang kuning menjadi hijau. Jadi maknanya dengan kita menjaga SOP ini, dengan kita menjaga nasihat-nasihat ini, kita elakkan 3S, amalkan 3W, penjarakan fizikal. Ini perkara-

perkara yang lebih penting daripada cikgu itu, guru itu hendak kena mengajar di Sarawak, Sabah atau di Semenanjung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi untuk pertanyaan lisan dan juga jawapannya berakhir.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas.” **[7 September 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad untuk menyambung berbahas.

11.44 pg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat pagi. Saya sambung perbahasan saya semalam pada pagi ini. Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong nombor 24, Baginda berharap agar kawasan pedalaman terus diberi perhatian

terutamanya di penempatan masyarakat Orang Asli. Apabila Titah Diraja menyebut penempatan Orang Asli, maka kita perlu melihat dari segi keperluan asas dan juga apa keperluan-keperluan yang harus diberikan khususnya di perkampungan Orang Asli.

Kalau kita tengok, banyak kampung Orang Asli yang masih jauh ketinggalan daripada segi jalan-jalan ke kampung dan juga banyak kampung Orang Asli yang tidak mempunyai elektrik dan juga air yang bersih. Begitu juga banyak kampung penempatan masyarakat Orang Asli ini di mana tanah mereka tidak diiktiraf iaitu tidak diwartakan sebagai rizab Orang Asli.

Maka itu, saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjawab apakah tindakan-tindakan secara holistik dan juga jangka pendek dan juga jangka panjang supaya perkara ini dapat diselesaikan kerana perkara ini telah berlaku sekian lama sebenarnya. Kita merdeka sudah 63 tahun tetapi banyak kampung Orang Asli walaupun di pinggir-pinggir bandar tetapi mereka masih belum menikmati air yang bersih dan tidak mempunyai elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya mencelah sikit?

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pencerahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Di Bukit Bandaraya, kumpulan Orang Asli di sana telah ditawarkan dengan rumah baharu di taman-taman dan mereka telah berpindah sementara. Tidak lama kemudian, dia balik ke atas bukit kawasan-kawasan hutan. Bolehkah saya mendapat pencerahan, mengapa mereka pilih untuk terus balik tinggal di dalam hutan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator sahabat saya.

Bukit Bandaraya ini terletak di Shah Alam dan memang mereka ada ditawarkan rumah dan juga ada rumah banglo tetapi bukan semua yang dapat banglo. Ada juga yang berpindah ke kawasan lama ini disebabkan rumah itu mereka dapat sebuah tetapi sebelum ini mereka tinggal di dalam rumah itu dua, tiga kelamin, dua tiga keluarga, bukan satu keluarga. Maka yang dapat hanya satu keluarga sahaja. Maka yang tidak dapat ini, mereka terpaksa balik ke penempatan asal dan membuat rumah yang lama, rumah di kampung yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. Saya menghargai sebenarnya usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JAKOA di mana mereka telah mengadakan seminar, mengadakan bengkel untuk memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar Orang Asli ini betapa pentingnya pendidikan dan pelajaran ini untuk masa depan mereka.

Akan tetapi, penumpuan itu saya tengok- maksudnya kesan program yang dijalankan ini ada peningkatan di mana kadar keciciran pelajar-pelajar ini berkurangan tetapi saya cadangkan pihak kementerian dan juga JAKOA mengadakan program motivasi pendidikan ini, memberi kesedaran pendidikan ini bukan sahaja kepada pelajar-pelajar Orang Asli sahaja tetapi mesti melibatkan ibu bapa. Hal ini kerana kalau kita beri motivasi pendidikan ini kepada anak-anak ini, kadang-kadang ibu bapa kurang mendapat maklumat betapa pentingnya pendidikan ini kepada anak-anak mereka untuk masa akan datang.

Saya cadangkan juga supaya program motivasi pendidikan ini tidak perlulah kita buat di hotel-hotel yang besar, yang *grand* di bandar-bandar yang besar. Kosnya terlalu tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, buatlah di dewan-dewan di kampung ini. Banyak kampung-kampung Orang Asli ini dewan yang besar-besar. Kerajaan rugi buat dewan ini tetapi kita tidak gunakan secara optimum untuk kegunaan orang kampung.

Maka kita dapat kurangkan kos dan kita boleh meningkatkan penyertaan ibu bapa ini dan penjaga untuk turut serta di dalam program tersebut. Memberi ceramah motivasi pendidikan kepada anak dan juga ibu bapa mereka supaya mereka tahu betapa pentingnya pendidikan ini. Kita dapat mengurangkan kos di samping kita boleh memperbanyakkan program ini. Kalau program di hotel kita buat, berapa kosnya- RM100 ribu? Akan tetapi kalau kita buat di kampung-kampung, di penempatan mereka, kita mungkin boleh buat 20 hingga 30 program yang sama dan kita boleh melibatkan ramai masyarakat Orang Asli. Jadi, apa cadangan JAKOA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar?

■1150

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan jalan perhubungan di kampung-kampung Orang Asli. Saya hendak sebut ini secara khusus lebih spesifik iaitu di Kampung Keruing iaitu di Pos Iskandar Bera ke Sekolah Kebangsaan Pos Iskandar Bera.

Di mana jalan ini sangat penting sebenarnya untuk menghubungkan di antara penempatan Kampung Keruing ini dengan Sekolah Kebangsaan Pos Iskandar ini kerana sekarang ini penduduk kampung ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah agak jauh kerana tidak ada jalan yang menghubungkan di antara sekolah ini. Jalan yang lebih baik yang boleh dilalui oleh kenderaan kereta dan sebagainya.

Jadi, saya mohon pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melihat supaya mereka boleh membina jalan ini dan bagi memudahkan urusan ibu bapa menghantar anak ke sekolah dan juga urusan-urusan yang lain di mana kita boleh mengurangkan jumlah keciciran pelajar-pelajar dan meningkatkan bagi menggalakkan pelajar-pelajar Orang Asli ini untuk pergi ke sekolah.

Seterusnya perkara yang kedua adalah berkenaan dengan PRK Chini baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua. Saya agak terkilang agak sedih juga apabila ada parti politik yang menggunakan orang kampung, Orang Asli dan Tok Batin untuk kepentingan politik mereka. Mereka interviu Tok Batin dan orang kampung mengatakan bahawa mereka menyokong kepada sesuatu parti politik kerana mereka memberi kita elektrik, ada kegunaan elektrik tunjuk ada elektrik walhal di kampung tersebut tidak ada elektrik.

Ini bagi saya satu tindakan yang tidak patut kita mempergunakan orang kampung yang mereka pun tidak tahu sebenarnya dan walhal di kampung situ tidak ada elektrik dan ini banyak berlaku. Kenapa kita sebenarnya boleh menggunakan kaedah yang lain apabila mereka tidak ada elektrik kita cuba interviu mereka dengan izin, temuduga mereka apa masalah di kampung mereka dan kita cuba selesaikan. Ini saya rasa lebih baik daripada kita cuba membuat video pendek yang mengatakan ada elektrik dan sebenarnya tidak ada elektrik di kampung tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pada tahun lepas ada mengunjungi sekolah di Ulu Tembeling di Kuala Lipis. Saya pergi ke sekolah tersebut dan hendak pergi ke sekolah tersebut Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini terpaksa menaiki bot untuk ke sekolah dan sekolah ini memang sangat cantik dan keadaan dia memang cantik, persekitaran dia memang cantik dan pelajarinya tidak ramai dan pelajar Orang Asli lebih kurang sebanyak 50 peratus dan lebih di Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini.

Akan tetapi apa masalah mereka adalah ada satu penempatan dipanggil Kampung Kuching di Ulu Tembeling ini, Kampung Kuching di mana Kampung Kuching ini adalah orang yang menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini tetapi masalah mereka ini mereka pergi ke sekolah menaiki bot dan sangat amat berbahaya sekiranya berlaku banjir dan apabila musim tengkujuh di Pantai Timur ini musim tengkujuh bulan November, dan juga bulan Disember.

Air sungai Tembeling ini memang sangat deras. Kalau hujan, kalau banjir memang sangat berbahaya untuk emak bawa pelajar-pelajar ini ke sekolah. Akan tetapi apa yang menghairankan sekolah dengan kampung ini atas daratan yang sama tetapi mereka tidak ada jalan darat ini yang pelik ini. Kalau macam saya daripada sini kena terpaksa naik bot itu

perkara biasa tetapi ini di atas daratan yang sama dan kampung ini hendak ke sekolah berjarak lebih kurang dalam enam ke tujuh kilometer sahaja tetapi tidak ada jalan darat.

Saya ada menghantar surat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa Kerajaan Pakatan Harapan tempoh hari. Mungkin belum sempat dibaca, jadi saya mintalah kerajaan yang baharu ini untuk melihat kembali untuk membuat jalan daripada Kampung Sungai Kuching ini ke Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini untuk hendak menggalakkan pelajar-pelajar ini datang ke sekolah dan bagi mengurangkan kos juga sebab kos pengangkutan bot-bot ini dibiayai oleh JAKOA dan ada juga selalunya bot-bot ini tidak mengambil pelajar-pelajar sekolah ini apabila sungai itu deras dan juga bot ini rosak Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya...

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Mohon mencelah. Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kampung Sungai Kuching agak terpencil merupakan kampung Orang Asli yang satu-satunya menggunakan perkhidmatan bot untuk menghantar pelajar ke sekolah.

Saya amat setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Manolan untuk membina jalan dan kita mencadangkan supaya JAKOA dapat membina jalan simen setidak-tidaknya kalau jalan *premix* itu lebih bagus dan jalan simen lebih kurang sebanyak tujuh, lapan kilometer mungkin anggaran dalam sebanyak RM400 ribu, ke RM500 ribu dan mohon kalau pihak Yang Berhormat bersetuju pandangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid sahabat saya. Saya memang bersetuju kalau dibina jalan simen di bandingkan jalan *premix* sebab kalau kita tengok sebagai contoh di Pos Lenjang Kuala Lipis di mana kos itu memang agak tinggi Tuan Yang di-Pertua untuk membina jalan simen dibandingkan dengan *premix* tetapi jangka hayat jalan tersebut lebih lama kalau dibandingkan dengan jalan *premix* jadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Isa.

Seterusnya berkenaan dengan adat dan budaya Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat satu aduan yang terbaharu dan sebenarnya sebelum ini juga ada aduan tetapi ini yang terbaharu berkenaan dengan pelantikan Batin. Batin dan juga Pengerusi MPKKOA. Akan tetapi yang saya hendak tekankan di sini adalah pelantikan Batin. Oleh kerana pelantikan Batin ini adalah iaitu warisan adat dan budaya masyarakat Orang Asli sejak

dahulukala lagi. Di mana Batin ini telah dipilih oleh anak buah dan dilantik oleh penduduk setempat situ.

Akan tetapi akhir-akhir ini dan yang berlaku terbaharu ini adalah pelantikan Batin Kampung Orang Asli Sungai Buah dan Bukit Tunggul di Sepang di mana Batin yang dipilih saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua adalah Batin Juli bin Blan. Beliau telah menang di dalam pemilihan Batin tersebut iaitu seramai empat orang Batin telah berminat untuk menjadi Batin maka JAKOA telah mengadakan satu pemilihan untuk memilih Batin di mana sepatutnya Batin ini adalah diwarisi turun temurun.

Akan tetapi disebabkan waris Batin yang terdahulu yang telah meninggal itu tidak mahu menerima jawatan Batin maka jawatan Batin itu dipertandingkan dan ada seramai empat orang Batin yang berminat untuk menjadi Batin. Maka, JAKOA telah mengadakan satu pemilihan undian untuk memilih Batin dan akhirnya yang menang adalah Batin Juli bin Blan ini. Akan tetapi baru-baru ini saya dapat maklumat bahawa JAKOA Daerah telah menghubungi beliau mengatakan jawatan Batin beliau telah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri dan saya pun terkejut.

Kenapa Yang Berhormat Menteri boleh menolak jawatan Batin? Batin ini adalah dipilih oleh orang kampung dan saya fikir kerajaan yang baharu ini sudah tersilap langkah kerana telah cuba untuk masuk campur di dalam adat dan budaya masyarakat Orang Asli iaitu pelantikan Batin. Jadi saya minta kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri untuk menjawab adakah benar yang dinyatakan oleh pegawai JAKOA ini bahawa Batin yang telah dipilih oleh orang kampung ini tidak dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri.

Memang Tuan Yang di-Pertua di dalam Akta 134 Akta Orang Asli 1954 bahawa Yang Berhormat Menteri itu berkuasa untuk melantik Batin tetapi Yang Berhormat Menteri itu tidak berkuasa untuk memilih Batin. Jadi itu kena jelas seperti kita yang tengok berlaku pada tahun 2017 di mana JAKOA telah memecat dua orang Batin daripada kampung di Ledang, Johor di mana Batin telah dipecat, dua orang Batin telah dipecat oleh JAKOA dan akhirnya dua orang Batin ini telah membawa kes ke mahkamah dan akhirnya JAKOA telah menarik semula pemecatan tersebut kerana mereka tidak ada peruntukan yang membolehkan JAKOA ini untuk memecat Batin. Jadi saya tidak mahu perkara yang sebegini akan berulang.

■1200

Seterusnya adalah berkenaan dengan bas sekolah Tuan Yang di-Pertua, iaitu di bawah Kementerian Luar Bandar juga. Bas sekolah ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pelajar-pelajar Orang Asli, JAKOA telah menyediakan bas iaitu pengangkutan van untuk mengangkut pelajar-pelajar Orang Asli ini ke sekolah ataupun ke asrama. Akan tetapi, kontraktor yang mendapat kontrak mengangkut pelajar-pelajar ini kadang-kadang banyak

masalah. Pertamanya, mereka tidak mendapat bayaran daripada JAKOA, ada yang sampai lima ke enam bulan tidak mendapat bayaran daripada JAKOA. Maka itu mereka terpaksa memberhentikan perkhidmatan dan tidak mengambil pelajar-pelajar ini. Jadi ini menyebabkan ramai pelajar-pelajar Orang Asli ini tidak hadir ke sekolah kerana pengangkutan bas ini tidak ada disebabkan pembayaran lambat.

Masalah yang kedua adalah bas-bas yang disediakan ini agak usang, uzur sudah lama. Saya pun tak pasti sama ada melepasi ujian PUSPAKOM ataupun tidak, ada yang tercabut. Yang Berhormat Datuk Razali pun gelak itu. Ada yang pintu bas pun tercabut. Jadi ini sangat berbahaya kepada pelajar-pelajar Orang Asli.

Jadi saya mohon Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melihat perkara ini dengan serius dari segi pembayaran kepada pengusaha-pengusaha bas ini dan juga dengan syarat mesti pihak JAKOA mengenakan syarat yang ketat. Bas atau van yang disediakan itu mesti dalam keadaan yang selamat. Kalau kita tengok di luar bandar, di kawasan pedalaman yang tidak boleh dilalui oleh bas dan juga van ini, pihak JAKOA telah menyediakan kenderaan pacuan empat roda. Ini lagi sangat daif dan berbahaya seperti pekerja balak hendak pergi sekolah, naik pacuan empat roda duduk di belakang pergi sekolah dan ini sangat berbahaya. Saya fikir supaya kenderaan ini lebih di selenggara dengan baik untuk menjamin pelajar-pelajar ini ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan dengan pindaan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 yang mana akta ini memang telah dimasukkan mengikut jawapan yang telah diberikan oleh kementerian, Jabatan Perdana Menteri pada masa itu kerana JAKOA di bawah Jabatan Perdana Menteri telah bersetuju untuk membuat pindaan kepada Akta 134 ini. Ini sebab akta ini dah lama dan memang perlu beberapa pindaan itu perlu dilakukan dan saya harap KPLB dan juga Kerajaan Perikatan Nasional melihat perkara ini dengan serius kerana banyak di dalam akta-akta ini yang perlu dipinda seperti pampasan yang tidak adil kepada Orang Asli.

Perkara ini mesti diambil serius kerana apabila pengambilan tanah adat Orang Asli, tetapi pampasan yang dibayar adalah mengikut pokok. Berapa batang pokok durian, berapa batang pokok rambutan, bagi saya ini tidak adil. Ini kerana sekarang ini tanah-tanah adat Orang Asli ini banyak yang dekat dengan bandar ataupun berdekatan dengan pekan-pekan. Jadi jumlah pampasan itu memang tidak setimpal dan tidak adil. Bukan saya tidak simpati tetapi tidak adil Tuan Yang di-Pertua kerana kita membayar mengikut harga pokok yang ada di atas tanah tersebut.

Akan tetapi nilai tanah tersebut tidak diambil kira. Kalau kita tengok nilai tanah tersebut kadang-kadang berjuta satu ekar, satu kaki persegi lagi mahal. Akan tetapi, apabila

pengambilan tanah Orang Asli ini, bayarannya memang tidak adil kepada Orang Asli. Orang lain jual tanah dia boleh jadi kaya raya, dia boleh beli tanah lain, boleh buat banglo, tetapi Orang Asli tanah dia hilang, dia bukan jadi kaya tetapi dia jadi papa kedana.

Jadi ini memang bagi saya akta ini perlu dipinda termasuklah Akta Pelantikan Batin dan Pemecatan Batin juga. Itu ada disebut di dalam akta tersebut di mana Menteri yang berkuasa melantik Batin Orang Asli. Menteri juga yang berkuasa menyatakan status Orang Asli tersebut, sama ada dia ini Orang Asli ataupun bukan Orang Asli yang menentukan adalah Menteri. Bagi saya ini tidak patut dan tidak adil yang hendak tentu. Sepatutnya yang menentukan adalah Lembaga Adat Orang Asli, dia ini memang Orang Asli, bukannya Menteri.

Bagi saya ini adalah satu dan banyak lagi perkara-perkara yang perlu diperhalusi dan saya yakin beberapa peguam sebenarnya sudah membuat draf pindaan ini dan saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengkaji semula supaya dapat dibawa di dalam Parlimen untuk membuat pindaan.

Seterusnya adalah berkenaan dengan perumahan Tuan Yang di-Pertua, yang mana rumah ini sangat penting apabila kita sebut rumah mampu milik. Rumah mampu milik ini, Orang Asli memang tidak ada di dalam senarai itu. Ini kerana tanah mereka ini tidak ada geran, mereka duduk di tanah warta, kalau diwartakanlah, kalau tidak pun mereka duduk di tanah kerajaan yang mereka hanya menumpang di tanah tersebut. Maka itu, bila kita sebut perumahan mampu milik ini, sebagai contoh Rumah Mesra Rakyat. Orang Asli ada yang mampu Tuan Yang di-Pertua, yang mampu untuk bayar bayaran bulanan RM100, RM200 mampu bayar. Akan tetapi mereka tidak boleh memohon program ini, kerana tanah mereka tidak ada geran.

Jadi saya cadangkan kepada kementerian supaya dalam kampung tersebut dibuat satu kawasan yang boleh diberi geran walaupun tanah tersebut rizab Orang Asli, tetapi geran untuk membina rumah itu boleh dikeluarkan. Pihak kerajaan negeri memang ada kuasa untuk memberi geran di dalam rizab Orang Asli. Dalam kawasan tersebut dibina rumah mampu milik untuk Orang Asli yang bekerja. Ramai Orang Asli yang bekerja yang dah keluar *graduate* yang tidak bekerja juga yang mampu untuk membayar RM100 sebulan dan RM200 sebulan dan mereka boleh memohon daripada program ini. Kalau kita bergantung kepada rumah PPRT.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit.

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Berkenaan dengan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya memang selalu ke lokasi Orang Asli dan saya lihat banyak perumahan yang sudah dibina oleh pihak kerajaan, khususnya Kementerian Luar Bandar. Cuma saya agak pelik, kerajaan dah bagi satu rumah sebagai contoh satu rumah, tetapi ada sebelah rumah yang kerajaan bagi tu ada lagi satu rumah yang mana yang dibina oleh Orang Asli yang menampakkan keaslian Orang Asli, keaslian orang asal.

Jadi apakah pembinaan rumah daripada pihak kerajaan tidak sesuai dengan kehendak Orang Asli itu sendiri. Fasal kerajaan dah bagi rumah, contoh rumah PPRT sebagai contoh kita tengok rumah itu kosnya lebih kurang dalam RM30 ribu tetapi tidak ada tiang. Ini sebab rumah Orang Asli ini dia ada *A-frame* Tuan Yang di-Pertua, macam rumah Negeri Sembilan, dia ada *A-frame*, dia ada tiang, cantik kalau kita tengok dari pandangan pelancongan.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, apakah kerajaan perlu membina rumah seperti mana rumah Orang Asli yang sedia ada? Tidak ubah. Untuk menghalang daripada Orang Asli yang dapat rumah, tetapi dia masih lagi masuk ke hutan.

■1210

Jadi, contoh di Terengganu kita ada satu perumahan Orang Asli di Sungai Berua, *government* kerajaan sudah menyediakan satu lokasi yang agak bagus. Akan tetapi dia masih Tuan Yang di-Pertua. Dia masih tinggal. Sampai satu ketika itu, sehingga tak sampai 10 peratus yang ada dekat perumahan itu dia masuk hutan juga. Jadi, apa sebenarnya keperluan Orang Asli ini supaya kita dapat mengumpul mereka setidaknya 80 peratus sentiasa dalam kawasan perumahan yang dibina oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat, pohon penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali ke atas keprihatinan berkenaan dengan masyarakat Orang Asli. Untuk pertambahan rumah, rumah yang dibuat di atas tanah rumah batu PPRT tetapi mereka membina juga rumah di sebelah rumah tersebut. Ini *renovation* nama dia.

Renovation dia macam kita juga, buat *renovation* tetapi dia di atas kemampuan mereka. Bagaimana mereka hendak tambah rumah mereka ini mengikut kemampuan mereka. Mereka menggunakan bahan-bahan dalam hutan dan keduanya mereka membina rumah di sebelah rumah tersebut bagi mereka itu adalah yang lebih selesa untuk mereka berehat pada waktu petang.

Ini kerana biasanya rumah yang dibina ini di sebelah rumah tersebut dia tidak berinding dan agak terbuka. Ini balai dan dia lebih juga bersangkut paut dengan adat masyarakat Orang Asli itu maka itu dibuat rumah sebelah itu dia hendak menunjukkan keaslian itu saya tidak pasti tetapi dia lebih ada hubung kait dengan adat dan kepercayaan mereka. Yang berpindah ini memang saya setuju Tuan Yang di-Pertua ada rumah yang telah dibuat oleh kerajaan dan mereka berpindah ke dalam hutan tetapi perpindahan ini hanya sementara sahaja. Macam kita *outstation* sebulan, *outstation* dua bulan tetapi mereka akan balik ke rumah tersebut kerana hutan itu pejabat mereka.

Kita Orang Asli, dengan kita yang duduk di Kuala Lumpur ini kita kena tengok satu keadaan yang berbeza sekali, tidak sama. Bagi kita pejabat itu adalah rumah yang ada *aircond* semua batu, bagi mereka pejabat mereka itu adalah hutan mereka. Hutan itu pejabat mereka. Mereka bangun pagi keluar mencari nafkah dan balik. Macam kita juga- bangun pagi mengharungi jem dan petang kita balik. Cuma bezanya itu satu di hutan di luar bandar, satu di bandar jadi itu.

Jadi seterusnya berkenaan dengan akta jadi itu...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Manolan bin Mohamad: Ada sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah 30 minit.

Tuan Manolan bin Mohamad: Lima minit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit simpulkan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, okey yang akhirnya berkenaan dengan JKPP, JKCOA di kampung Orang Asli ada sebanyak 205 sahaja tetapi jumlah batin ada 604. Jadi saya minta KPLB selaraskan, setiap yang ada batin ini mesti ada JPCKOA ini untuk memudahkan peruntukan menyalurkan bantuan kerajaan.

Seterusnya adalah berkenaan dengan Jawatankuasa Kabinet pada 12 Jun 2019 iaitu kabinet telah bersetuju dan kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai isu-isu masyarakat minoriti khususnya untuk Orang Asli. Jadi saya minta KPLB sama ada jawatankuasa ini diteruskan ataupun tidak.

Seterusnya berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan supaya ini Hospital Bera Tuan Yang di-Pertua. Ini saya kena sentuh sebab saya berasal daripada Bera. Hospital Bera ini di pecah tanah pada tahun 2007 iaitu telah disempurnakan oleh Almarhum Ayahanda Sultan Pahang pada tahun 2007. Sudah tiga kali PRU, sampai sekarang pun tak siap-siap lagi. Jadi saya minta Kementerian Kesihatan untuk memberi maklum balas, apa yang berlaku kepada hospital ini sebenarnya. Di mana orang Bera terpaksa pergi ke Hospital Temerloh untuk mendapatkan rawatan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia di mana banyak kampung Orang Asli yang tidak mendapat capaian Internet jalur lebar ini dan khususnya di sekolah-sekolah luar bandar supaya diperbanyakkan lagi. Salah satunya saya hendak sebut ini, Pusat Kecemerlangan Orang Asli Perak di Simpang Pulai, Perak. Pusat Kecemerlangan Pendidikan Orang Asli tetapi tidak ada capaian Internet, saya mohon supaya kerajaan dapat memasang membina di Pusat Kecemerlangan Orang Asli Perak ini.

Banyak kampung-kampung Orang Asli ini yang tidak ada Internet dan mereka terpaksa panjat bukit. Kalau di Sabah panjat pokok, di Semenanjung ini Orang Asli panjat bukit untuk dapatkan talian Internet. Jadi akhir sekali saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

12.16 tgh.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya doakan semoga Allah mempermudah segala urusan Tan Sri dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: *Insyaa-Allah.*

Puan Hajah Sabani binti Mat: Sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah yang telah disampaikan pada 18 Mei 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya di sini ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada barisan hadapan negara kita, di atas usaha keras mereka dalam memerangi wabak pandemik COVID-19 sehingga ke hari ini. Tidak juga dilupakan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam usaha membasmi wabak ini dari negara Malaysia yang tercinta. Tahniah dan syabas diucapkan di atas pengorbanan besar yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah menjelaskan sedikit sebanyak kronologi kemelut yang dialami oleh negara ketika kita dalam tempoh seminggu yang mendebarkan iaitu dalam tempoh peralihan kerajaan pada hujung bulan Februari 2020 dan ditamatkan dengan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin

bin Md. Yassin mengangkut sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelapan pada 1 Mac 2020.

Ini merupakan satu tragedi politik yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini. Akan tetapi dengan kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemelut politik ini akhirnya dapat diselesaikan dan kronologi yang dinyatakan secara jelas dan terang oleh Seri Paduka Baginda di dalam Titah Baginda yang disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi pada tahun ini telah berubah dengan secara mendadak. Pada awalnya tahun ini adalah dijangka sebagai tahun pemulihan yang sederhana. Namun kestabilan ekonomi global yang terganggu akibat meletus secara tiba-tiba wabak COVID-19 yang seterusnya menjadi krisis kesihatan global.

Meskipun kes-kes jangkitan telah reda di beberapa buah negara, pandemik ini semakin meruncing dan terus tersebar di beberapa negara yang lain seperti Amerika dan Brazil. Pihak berkuasa negara di seluruh dunia telah mengambil langkah-langkah yang belum pernah diambil untuk membendung pandemik ini termasuk sekata perjalanan masuk dan keluar negara.

Petunjuk ekonomi menandakan bahawa kadar aktiviti ekonomi di banyak negara sedang menguncup dengan ketara. Sementara prospek ekonomi negara maju pun semakin merosot. Keadaan ini menyebabkan berlaku pergolakan yang ketara dalam pasaran kewangan global lebih-lebih lagi dalam keadaan ketidakpastian dalam pasaran minyak global.

■1220

Kesan paling ketara COVID-19 terhadap ekonomi di seluruh dunia adalah perubahan harga minyak mentah dunia. Harga minyak dikeluarkan oleh macrotrends.net menunjukkan ia didagangkan pada USD11.69 setong pada Mei. Perkara ini membimbangkan terutamanya kepada pengeluar minyak dunia. Di Malaysia umpamanya, RON97 didagangkan pada harga RM1.55 seliter, terendah pernah didagangkan di Malaysia.

Jika harga ini terus menurun, ini akan memberi kesan paling mendalam terhadap syarikat-syarikat minyak di negara ini. Apa-apa pun, dengan penurunan harga minyak tersebut akan mengurangkan pendapatan negara kita. Tidak dapat dinafikan, wabak COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini telah memberikan impak negatif kepada sektor ekonomi khususnya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan penularan wabak COVID-19 ini, kerajaan telah melaksanakan usaha pemutusan rantaian jangkitan dengan melaksanakan PKP. Walaupun bukan mudah untuk kerajaan mengambil langkah ini memandangkan pelaksanaan ini memerlukan kos yang besar. Ini sudah tentu akan memberi kesan kewangan kepada negara.

Alhamdulillah, Kerajaan Perikatan Nasional telah bertindak dengan berani demi untuk kesejahteraan rakyat. Berkat dengan usaha tersebut, *alhamdulillah*, ia telah menunjukkan perkembangan positif dengan Malaysia diiktiraf sebagai negara yang berjaya mengawal penularan wabak ini. Walau bagaimanapun, terdapat impak *indicative* akibat pelaksanaan dasar ini kepada sektor ekonomi terutama kepada pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pandemik ini dan bagi hendak menstabilkan kedudukan sesebuah syarikat, syarikat telah melakukan pemberhentian sementara atau pemberhentian kekal terhadap sebilangan pekerja mereka dan yang ini sangat kita bimbang. Paling penting kita akan melihat bagaimana realiti ekonomi yang sangat teruk dapat dirasai selepas daripada tempoh moratorium yang ditetapkan oleh Bank Negara berakhir.

Justeru itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan angka pengangguran di negara ini tidak akan meningkat selepas tempoh moratorium yang ditetapkan oleh Bank Negara itu berakhir tidak lama lagi?

Tuan Yang di-Pertua, sektor yang paling terkesan juga semasa PKP adalah industri pelancongan dan perhotelan, tatkala pintu-pintu ekonomi mula dibuka selepas arahan PKP ditamatkan dan kita sekarang beralih kepada fasa PKPP tetapi sektor ini masih dalam suasana seolah-olah berada dalam PKP. Untuk makluman, industri pelancongan telah menyumbangkan sebanyak RM86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2019. Ini mengikut data daripada *Tourism Malaysia*.

Yang Berhormat Menteri pada 27 Jun 2020 dalam satu kenyataan telah menjelaskan bahawa, industri pelancongan dan budaya dianggarkan menanggung kerugian mencecah RM45 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kelompangan pendapatan sebanyak RM45 bilion ini pastinya akan menjejaskan syarikat-syarikat terlibat di dalam kedua-dua industri ini. Setakat 14 Mei 2020, terdapat sebanyak enam peratus, 70 buah hotel telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Ada di antara yang terpaksa ditutup akibat ketidakmampuan untuk menanggung kos operasi yang jauh lebih tinggi daripada pendapatan.

Selain itu, satu lagi kumpulan yang terkesan adalah agensi pelancongan. Dianggarkan antara 40 hingga 60 peratus syarikat pelancongan akan gulung tikar akibat COVID-19. Oleh itu saya ingin tahu, apakah perancangan daripada pihak kerajaan bagi membantu para pemain industri pelancongan dan perhotelan di negara ini daripada tidak '*gulung tikar*' sekiranya wabak COVID-19 yang melanda negara ini masih lagi berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, industri sistem penerbangan Malaysia juga berada di dalam keadaan tenat disebabkan kemerosotan permintaan penumpang sebanyak 39 peratus

dengan kerugian mencecah RM14.46 bilion. Sekiranya sekatan perjalanan antara negara diteruskan sehingga hujung tahun ini, sudah tentu memerlukan bantuan segera daripada kerajaan kerana ramai pekerja termasuk juruterbang, pramugari dan petugas lain telah terjejas teruk sama ada berdepan pembekuan gaji atau pemotongan yang tinggi.

Untuk itu, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan sebarang suntikan dana untuk menghidupkan kembali industri penerbangan di negara ini kerana industri penerbangan adalah salah satu bahagian yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Apakah bentuk kerjasama yang dilakukan oleh pihak kementerian bersama kementerian yang lain dalam usaha membantu pekerja dalam sektor penerbangan yang telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19?

Adakah kerajaan bercadang untuk mengecualikan sepenuhnya atau sebahagian cukai levi dan caj lapangan terbang serta *aeronautical* untuk tempoh tertentu supaya ia dapat membantu memulihkan sektor penerbangan di negara ini. Saya mohon kementerian berkenaan menjawab pertanyaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, berbicara tentang soal kesempitan hidup, saya ingin menyentuh satu golongan yang merupakan satu aset penting kepada negara iaitu golongan muda. Menurut angka yang diwartakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Statistik Pendidikan Tinggi 2019, sejumlah 307,818 orang pelajar yang menamatkan pengajian di pelbagai peringkat seperti ijazah, diploma, bidang-bidang kemahiran dan pelbagai lagi daripada IPTA mahupun IPTS serta pusat-pusat latihan serta kemahiran pada setiap tahun.

Graduan ini akan menyumbang kepada kenaikan tenaga buruh negara. Persoalannya, berapa banyak kah peluang pekerjaan yang sedia ada dan bakal dicipta oleh golongan ini ceburi dalam memastikan kadar pengangguran negara dapat dikawal?

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan warga asing tanpa kawalan di negara ini sudah sekian lama menjadi barah yang membangkitkan kemarahan rakyat. Kebanyakan warga asing yang berstatus pendatang asing tanpa izin (PATI) bukan sahaja masuk ke negara ini semata-mata untuk mencari pekerjaan, bahkan terdapat dalam kalangan mereka yang menjadikan negara ini sebagai transit untuk melakukan pelbagai jenayah terancang. Namun, hikmah di sebalik penularan pandemik COVID-19 negara ini memberi peluang kepada Kerajaan Perikatan Nasional untuk membersihkan golongan PATI di negara ini secara tegas bagi mengelakkan penularan pandemik COVID-19.

Mengikut satu rencana daripada Berita Harian bertarikh 14 Mei 2020, jumlah PATI yang ditangkap dan dihantar ke Depot Tahanan Imigresen untuk disaring COVID-19 menjangkau jumlah hampir seramai empat juta orang. Jumlah ini bukanlah satu nilai yang

kecil, apatah lagi apabila golongan ini menjadikan negara ini sebagai tempat perlindungan untuk mendapat pekerjaan dan melakukan jenayah.

Saya tidak sesekali menafikan manfaat kemasukan buruh asing di negara ini, malah mereka juga telah sekian lama menyumbang kepada pembangunan negara terutama dalam situasi tidak ramai rakyat tempatan berminat bekerja dalam sektor 3D, dengan izin- *dirty, dangerous and difficult*. Namun, di sebalik kebaikan tersebut, saya yakin wujudnya banyak elemen negatif sekiranya kebanjiran PATI ini tidak dikawal untuk tempoh mendatang.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengehadkan penggunaan tenaga buruh asing di negara ini mengikut sektor tertentu sahaja. Hal ini demi memastikan lebih banyak kekosongan pekerjaan di negara ini dapat diisi oleh warga tempatan bagi menjana ekonomi negara, masyarakat dan negara pada pasca COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu PATI juga amat sinonim dengan pemerdagangan manusia apatah lagi apabila segelintir warga tempatan yang layak digelar sebagai lanun ataupun penjenayah. Mereka sanggup bersekongkol dengan warga asing untuk menjalankan proses kemasukan warga asing ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah dengan bayaran yang cukup lumayan. Kebanyakan PATI yang terdesak demi mendapatkan sumber ekonomi yang lebih baik sanggup menghabiskan satu peruntukan yang besar untuk membayar kepada lanun-lanun yang berkenaan.

Justeru itu saya berharap, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain seperti PDRM, Maritim Malaysia berterusan menjalankan operasi penguatkuasaan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti dijadikan lorong tikus kemasukan PATI di negara ini tidak terkecuali juga di Kuala Perlis.

■1230

Selain daripada itu, Jabatan Imigresen juga perlu bekerjasama dengan pihak PBT dan juga MPKK serta penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI di kawasan masing-masing agar masalah PATI ini dapat ditangani dengan cara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kejadian memasang bendera terbalik dan songsang sudah kelihatan menjadi budaya sebahagian golongan tidak hormat kepada lambang negara ini. Jika 63 tahun yang lalu, rakyat negara ini bangga dengan turunnnya *Union Jack* dan dinaikkan bendera Malaysia, hari ini tanda hormat begitu hampir hilang bersama hilangnya jiwa patriotisme rakyat Malaysia. Sikap kurang ajar ini tidak akan berlaku sekiranya kerajaan menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang bagi menghukum golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini mempunyai banyak undang-undang yang mengawal selia peraturan mengenai penggunaan bendera dan lambang negara, antaranya ialah

seksyen 5, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 memperuntukkan penjara hingga tiga tahun dan denda hingga RM20 ribu bagi kesalahan penggunaan bendera Malaysia secara tidak wajar termasuk dengan maksud menghina dan merendahkan status bendera itu sebagai lambang negara.

Jika undang-undang ini benar-benar dilaksanakan dan menjadi keutamaan penguat kuasa undang-undang, saya percaya sekurang-kurangnya rakyat boleh dididik untuk menghormati lambang negara ini meskipun kerana takutkan hukuman yang berat. Saya mencadangkan supaya pihak polis dan pihak berkuasa tempatan perlu mengambil tindakan terhadap individu dan premis perniagaan yang melakukan provokasi sebegini serta membawa mereka yang ingkar ini ke muka pengadilan sebagai pengajaran kepada rakyat Malaysia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada undang-undang yang saya sebutkan sebentar tadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan undang-undang baru yang dikhaskan untuk penggunaan bendera dan lambang negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini wujud polemik mengenai dengan tulisan jawi, walaupun tulisan jawi ini sudah wujud lebih daripada 50 tahun di dunia Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa ketamadunan Melayu boleh disingkap rahsianya melalui manuskrip...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 50 tahun kah?

Puan Hajah Sabani binti Mat: 500 tahun, maaf Tuan Yang di-Pertua. Selama 500 tahun di dunia Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa ketamadunan Melayu boleh disingkap rahsianya melalui manuskrip lama dan kitab yang ditulis dalam tulisan jawi. Melalui penulisan inilah juga pastinya akan memudahkan generasi sekarang akan memahami segala unsur yang menjadikan jawi terbilang di negara ini suatu ketika dahulu.

Alhamdulillah, pemerksaan tulisan jawi ini sedang dilakukan di negara ini termasuklah juga ada sebilangan universiti dan IPT turut menjadikan ejaan jawi sebagai mata pelajaran pilihan. Selain daripada itu, peperiksaan ujian kelas KAFA juga turut mengekalkan tulisan jawi sebagai mata pelajaran wajib diambil dan turut dinilai.

Pernah tular pada tahun 2018 seorang pelajar bukan Melayu yang mengambil peperiksaan ini dan mendapat 'A' dalam subjek Jawi. Ini sudah tentu merupakan satu perkembangan yang positif. Cuma, apa yang diharapkan tidak perlulah sebahagian pihak mensensasikan berita tersebut dengan andaian yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan tulisan jawi, tidak dapat tidak ada pihak tertentu yang cuba membuat penentangan. Keadaan ini berlaku mungkin kerana mereka mendapat maklumat yang salah. Mereka seharusnya merujuk

kepada pihak-pihak yang mempunyai kepakaran untuk mendapat nasihat. Apa yang dibimbangkan, mereka ini akan dipengaruhi oleh orang yang berkepentingan politik dan ini akan memburukkan keadaan malah akan menjejaskan hubungan perpaduan di kalangan rakyat.

Kemungkinan apa yang mereka faham apabila memperkatakan tulisan jawi, ia adalah isu agama sedangkan isu ini adalah berkaitan dengan isu bahasa. Tidak perlu kaum lain menganggap tulisan jawi sebagai proses Islamisasi. Untuk memelihara keindahan bahasa Melayu ini, saya mencadangkan diwujudkan satu akta untuk tujuan memperkasakan tulisan jawi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala saya merasa pelik ada pihak yang cukup menentang penggunaan tulisan jawi tetapi dalam masa yang sama mereka sanggup pula menggunakan tulisan tersebut di produk-produk keluaran syarikat mereka. Perkara tersebut akan mengelirukan pengguna Islam kepada status halal sesuatu produk.

Untuk itu, sekiranya tentangan terhadap tulisan jawi ini berterusan, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya produk keluaran bukan Islam hendaklah dilarang sama sekali daripada menggunakan tulisan jawi pada bungkusan, iklan, papan tanda dan apa-apa juga label perniagaan bukan Islam. Untuk itu, saya menggesa kerajaan melaksanakan akta khas bagi melarang penggunaan tulisan jawi kepada pembungkusan produk bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai dengan isu Tabung Haji. Kenapa sehingga hari ini, dua tahun berturut-turut laporan kewangan Tabung Haji sepanjang Pakatan Harapan memerintah 2018-2019 tidak dikeluarkan dan dibentangkan di Parlimen. Apakah kewangan Tabung Haji telah diaudit? Barisan Nasional yang dituduh dan difitnah dengan bermacam-macam tidak pernah gagal membentangkan laporan kewangan yang diaudit setiap tahun yang berakhir pada bulan Disember.

Jadi di sini, saya ingin mendesak supaya pihak kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat segala salah laku serta kerosakan di Tabung Haji dan mengheret mereka yang curang ke muka pengadilan. Walaupun RCI mengenai Tabung Haji bukanlah sebahagian daripada janji Kerajaan Perikatan Nasional, namun rakyat berhak mendapatkan penjelasan yang tuntas dan telus mengenai pelbagai tuduhan penyelewengan yang digembar-gemburkan oleh Kerajaan PH sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang majmuk dan dapat hidup dalam sebuah negara yang aman damai. Selepas negara mencapai kemerdekaan hingga sekarang, berbagai-bagai akta dan dasar telah digubal dan disusun atur sehingga diwujudkan sebuah kementerian bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Makin lama makin cepat membaca itu.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Sedikit sahaja lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Cuba olah sedikit supaya sesuai dengan suasana dan dapat kita mendengar kebolehan berhujah.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Baik. Tidak dinafikan pewujudan Rukun Negara yang juga mempunyai matlamat yang sama ke arah untuk kita mencapai perpaduan. Sebaik mana pun dasar yang dilaksanakan, ia tidak akan mendatangkan hasil yang memuaskan seandainya masih ada rakyat yang tidak ikhlas serta tidak menghormati Perlembagaan negara di mana mereka sentiasa mengadakan provokasi dengan tujuan untuk menimbulkan kemarahan antara satu sama lain.

Sebagai pemimpin masyarakat, kita perlu menghayati saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bila mana baginda bertitah meminta Ahli-ahli Yang Berhormat perlu menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat. Perbezaan pendapat tidak seharusnya diakhiri dengan permusuhan, caci maki sebaliknya perbezaan itu haruslah dijadikan teladan kepada pencetus idea-idea baru untuk membangunkan dan menyatupadukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dinaikkan menjadi RM1,000. Saya menyokong pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga memohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memandang serius dakwaan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan di mana terdapat ahli politik yang mendalangi sindiket haram di negara ini. Saya yakin dan percaya, bekas Ketua Polis Negara ini tidak mengadakan ataupun tidak mengeluarkan kata-kata seandainya tidak ada bukti-bukti tertentu. Keadaan ini jika tidak dapat diatasi, ia akan memberikan kesan yang tidak baik khususnya bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Menyentuh tentang akses kesihatan. Kita tahu bahawa kerajaan telah membelanjakan satu peruntukan yang besar untuk tujuan mencegah dan merawat.

■1240

Akan tetapi tidak dapat dinafikan masih ada rakyat yang tidak pernah mengadakan pemeriksaan kesihatan. Apabila mereka datang membuat pemeriksaan, mereka sudah

sampai kepada *stage* yang teruk. Sepatutnya pemeriksaan kesihatan ini kita buat enam bulan sekali, sekurang-kurangnya. Untuk tujuan tersebut, saya ingin mencadangkan bagi membolehkan rakyat sentiasa membuat pemeriksaan kesihatan, kerajaan perlu mewajibkan setiap kali hendak memperbaharui lesen, umpama lesen memandu, mereka wajib disertakan dengan surat pemeriksaan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi saya hendak mohon untuk negeri saya. Satu, memohon Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk pembinaan Jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti yang ada mengalami mendapan yang tinggi setiap tahun. Ini sudah tentu mengganggu kelancaran perjalanan feri penumpang, kargo, kapal kargo dan bot-bot ikan. Pembinaan jeti ini juga dicadangkan tiga kilometer dari muara Kuala Perlis. Ini juga dapat berfungsi sebagai halangan kepada penyeludupan dan PATI.

Kedua, memohon Kerajaan Persekutuan membuka semula *free-flow* dua kilometer di sempadan Wang Kelian, Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang cukup rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa *free-flow* kerajaan- Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga, khususnya di Perlis dan di Selatan Thailand untuk berniaga.

Ketiga, mewujudkan pusat benih, khasnya di Arau bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih yang baru.

Keempat, ini isu siput gondang. Adalah merupakan ancaman utama, khasnya kepada penanam padi. Kadangkala kalau kita bubuh racun ataupun sembur racun pun, siput ini tidak mati. Akan tetapi dalam masa sama, Allah telah menghantar burung. Kalau kita *search* dalam Google, ikut apa yang dibagi pada saya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Othman Aziz, burung ini dikatakan burung hijrah, berasal daripada Thailand, Myanmar, Sri Lanka dan juga India yang dikenali nama *Asian Openbill Stork*. Tempat saya diberi nama "Burung Botak Upeh." Warna burung ini dikatakan bergantung...

Tuan Yang di-Pertua: Burung apa itu Yang Berhormat?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Burung apa itu? Pelik bunyinya.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Botak [*Ketawa*] Ya lah, orang kampung panggil Botak Upeh.

Tuan Yang di-Pertua: Botak Upeh?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tahan. Walau bagaimanapun, ada tiga minit lagi.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya, okey. Sikit lagi. Warna burung ini dikatakan bergantung kepada keadaan tempat dan mempunyai paruh yang tajam. Burung ini biasanya ada kelebihan iaitu ia dapat membantu para petani dengan memakan siput gondang. Bila siput gondang habis, ia pun akan hilang.

Cuma di sini saya mohon kepada kementerian berkenaan supaya dapat membuat kajian serta mencari kaedah yang sesuai untuk memastikan burung tersebut boleh ada di sini sepanjang masa. Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan. Dalam menghadapi kesan negatif ekonomi dalam landskap yang mencabar ini, perancangan pemulihan ekonomi memerlukan pemikiran strategik, keberanian dan pemikiran di luar kotak serta model yang mapan.

Untuk itu, saya begitu yakin Kerajaan Perikatan Nasional mampu untuk melaksanakan. Untuk itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

12.44 tgh.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam negaraku, salam persidangan Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan Yang di-Pertua tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Susan Chemerai Anding: Jutaan terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan kepada saya untuk serta mempersembahkan satu ucapan menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini.

Dengan kesempatan ini, terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan ucapan syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam usaha sama mengekang penularan wabak COVID-19. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memperkenalkan langkah-langkah segera yang telah membantu mengekang penularan wabak ini dengan berkesan dan bantuan-bantuan yang diberikan yang meringankan beban di bahu rakyat dalam menghadapi wabak tersebut.

Begitu juga kepada barisan hadapan ataupun *frontliners*, dengan izin, yang telah tanpa mengenal penat lelah, siang dan malam dalam membantu rakyat Malaysia menghadapi ujian yang melanda. Begitu juga wira yang tidak di dendang atau *unsung hero*, dengan izin, yang turut membantu barisan hadapan menghulurkan tangan tanpa mengharap apa-apa

balasan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati penduduk luar bandar di Sarawak adalah kumpulan yang sangat terkesan ketika penularan wabak COVID-19 melanda negara.

Ketiadaan akses Internet dan talian telefon telah menyebabkan sumber maklumat berkaitan COVID-19 tidak sampai kepada mereka. Masyarakat luar bandar juga terputus hubungan dengan ahli keluarga mereka seperti anak-anak mereka yang merupakan sebahagian daripada sistem sokongan dari segi keperluan dan kewangan selama ini.

Bencana ini menunjukkan betapa pentingnya kerajaan merancang lagi pembangunan di kawasan luar bandar, terutama dari segi kemudahan telekomunikasi, pengangkutan, jalan raya dan perkhidmatan seperti perbankan dan hospital dan klinik kesihatan. Bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan memerlukan mereka yang hidup dalam kesusahan seperti petani yang tua, berbekal RM1, RM2, dia perlu menghadapi perjalanan jauh nun dari hulu sungai seawal 5 pagi untuk pergi ke bank.

Jadi, ada juga yang bermalam di bandar, di kaki lima dan di stesen bas. Kemudian untuk beratur beratus meter panjang di luar bank di bandar terdekat. Ketiadaan kemudahan telekomunikasi yang baik, bermakna apabila kerajaan menyalurkan bantuan semasa COVID-19 melanda, mereka yang tinggal jauh di pedalaman tidak tahu bahawa ada bantuan dari segi pemberian wang dan makanan.

Oleh sebab itu, mereka tertinggal dan bantuan-bantuan kerajaan tidak sampai kepada mereka. Ada ibu tunggal misalnya, tidak mengetahui wujud bantuan *one-off*, dengan izin, dan hanya mengetahuinya selepas tarikh tutup disebabkan tidak ada *internet coverage*, dengan izin, di kawasan mereka. Itu sebabnya kemudahan telekomunikasi harus dipercepatkan secara berlipat kali ganda. Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, yang mana 636 tiang telekomunikasi baru telah dirancang dan 977 *transmitter* yang sedia ada akan dinaik taraf di Sarawak.

■1250

Ini sudah pasti merupakan satu berita baik dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan membaiki kekurangan infrastruktur telekomunikasi di Sarawak. Saya berharap agar perancangan ini akan membantu meningkatkan kebolehcapaian Internet terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh berkenaan dengan isu kemiskinan yang sudah beberapa kali dibahas di Dewan ini. Saya pasti kerajaan komited dan serius dalam menangani isu kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, menaikkan kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) itu adalah satu langkah yang baik yang diambil oleh kerajaan. Akan tetapi, saya tidak dapat mengelak

daripada menyedari ada kelemahan dari segi pemantauan berkenaan dengan isu kemiskinan ini.

Sejak tahun 2005, pendapatan garis kemiskinan (PGK) pada kadar RM980 telah mencatat sejumlah 16,653 isi rumah yang dikategorikan sebagai kategori miskin. Jumlah isi rumah tersebut telah memberikan gambaran bahawa negara kita tidak mengalami masalah yang berat dalam isu kemiskinan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 had PGK telah disemak semula dan dinaikkan kepada RM2,208. Dengan kenaikan yang mendadak ini, jumlah isi rumah yang tergolong dalam kategori miskin telah melonjak dari 16,653 kepada 405,441 isi rumah. Satu angka yang besar secara *overnight*, dengan izin.

Persoalannya, mengapa petunjuk-petunjuk dan kriteria baharu tidak dimasukkan lebih awal dan kadar PGK dikaji lebih kerap supaya dapat diubah dengan cara yang tidak begitu mendadak? Saya khuatir jika pendekatan ini tidak diambil dalam masa 10 tahun hingga 15 tahun ke hadapan, setelah kita berjaya menurunkan angka kemiskinan, petunjuk-petunjuk baharu bakal mengejutkan kita sekali lagi dan kita akan terkejar-kejar untuk memperbetulkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan kepada cara kita mengukur kemiskinan ini menuntut perancangan semula strategi dan pelan tindakan yang lebih efektif. Angka yang lebih tinggi ini bermakna akan wujudnya penggunaan sumber yang tidak dirancang dan sudah pasti sistem sosial kita akan terbeban secara mendadak dalam usaha kita berperang dengan kemiskinan. Sekiranya kita gagal dalam mencapai objektif menurunkan kadar kemiskinan, ini juga pasti ada implikasi ekonomi dan sosial masa hadapan, selain memerangkap golongan yang dikategorikan miskin ini yang hampir berjumlah setengah juta dalam kancah kemiskinan yang berterusan.

Perancangan yang lebih terancang perlu diambil oleh pihak kerajaan dalam mengendalikan isu kemiskinan. Umpamanya, jangan hanya merancang untuk memberi perancangan yang membolehkan mereka supaya dapat berdikari tanpa bantuan juga. Kalau tidak, ia akan menjadi sekadar satu intervensi dan pemberian bantuan oleh kerajaan yang bersifat sementara dan tidak ada penyelesaian yang sebenar. Perancangan untuk ini hendaklah holistik dan menyeluruh yang mana petunjuk dan kriteria penetapan standard hendaklah mengikut perubahan masa dan disemak secara berterusan oleh pengubah dasar dan semua yang berperanan memerangi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melawat ke rumah panjang di kawasan pedalaman Sarawak, saya nampak banyak hasil kraf tangan yang dihasilkan oleh wanita di sana. Dengan lebih 27 suku etnik berbilang kaum yang ada di Sarawak, sudah tentu kraf tangan yang dihasilkan adalah pelbagai, unik dan penuh seni. Kraftangan-kraftangan ini terhasil daripada

pelbagai jenis bahan seperti yang diperbuat daripada kain, rotan, manik-manik, kayu, timah dan lain-lain dihasilkan menjadi tikar, anyaman, bakul, beg, rantai, manik termasuk yang tradisional dan moden, seni baju tradisi, kain dan pakaian tradisional serta juga moden, tenunan, ukiran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil seni yang unik ini dihasilkan oleh kaum hawa bertujuan untuk menampung pendapatan keluarga. Walaupun tidak seberapa, ia merupakan sumber pendapatan yang penting. Kebiasaannya, pelanggan adalah kawan-kawan dan keluarga terdekat sahaja. Kalau ada telefon bimbit mereka menggunakan platform media sosial atau aplikasi WhatsApp untuk memasarkan produk-produk mereka. Pemasaran produk mereka agak terhad sedangkan pemasaran di luar sana jauh lebih besar.

Sehubungan dengan ini, saya mohon agar Menteri di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk menyatakan perkara berikut:

- (i) apakah strategi-strategi yang dirancang untuk melatih dan memperkasakan wanita-wanita kita dalam memelihara hasil seni?;
- (ii) sejauh manakah keberkesanan program-program latihan yang telah dilaksanakan dalam melatih kemahiran dalam menghasilkan produk kraf tangan yang lebih bermutu?;
- (iii) dengan kemahiran yang ada, berapakah statistik wanita-wanita yang telah mengikuti program-program latihan yang telah dijalankan sebelum ini berjaya meningkatkan ekonomi dan pendapatan mereka melalui penjualan barangan kraf tangan?;
- (iv) apakah strategi pihak kementerian untuk membawa hasil kraf tangan Malaysia terutamanya hasil kraf tangan Sarawak yang dihasilkan di luar bandar dan pedalaman di persada dunia?;
- (v) adakah strategi-strategi yang dirancang oleh pihak kementerian bagi membantu wanita-wanita luar bandar dan pedalaman terutamanya di pedalaman Sarawak yang mempunyai kekangan akses Internet atau kurang literasi digital untuk memasarkan produk-produk mereka?; dan
- (vi) adakah pihak kementerian telah menyediakan satu platform pengumpulan dan pemasaran berpusat hasil kraf tangan ini untuk dijual di pasaran tempatan dan juga antarabangsa?

Latihan dan pendedahan pengetahuan yang berterusan amat diperlukan bagi memastikan hasil produk tempatan kita dapat kekal bersaing dengan produk-produk kraf tangan yang lain. Saya berpendapat sudah tiba masanya Kraftangan Malaysia memainkan peranan yang lebih besar dan efektif dalam membantu mereka, sekali gus memartabatkan

lagi seni kraf tangan khususnya dan Sarawak yang kaya dengan budaya dan hasil kraf tangan serta menaikkan lagi seni kraf tempatan di persada dunia.

Bagi memenuhi trend dan kehendak pemasaran global, kraf tangan tempatan yang dihasilkan sudah tentu memerlukan penambahbaikan dari segi kualiti dan reka bentuk. Kraftangan Malaysia perlu lebih giat lagi melibatkan diri dengan program-program di kawasan pedalaman dan bekerjasama dengan biro-biro wanita di rumah panjang di Sarawak untuk mengajar cara-cara pengkomersilan dan sebagainya serta ia perlu lebih tenaga pelatih.

Kraftangan Malaysia boleh berkongsi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam menunjukkan pukul 1, adakah mahu disimpulkan ucapan itu atau kalau sedikit lagi hendak ditambah boleh dibuat selepas jam 2.30 petang. Yang Berhormat sudah pun memakan masa 15 minit, jadi ada lagi baki sedikit. Mahu disambung selepas ataupun pada 2.30 petang?

Puan Susan Chemerai Anding: Ya, saya mohon disambung selepas pukul 2.30 petang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita sambung perbincangan pada jam 2.30 petang. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah*, kita sambung perbincangan dan dijemput semula Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding. Saya ingin mengingatkan bahawa lantaran terpaksanya kita mengenakan tempoh, maka diminta supaya dengan hormatnya kita memperakukan dan mematuhi masa selama 20 minit lebih kurang bagi seseorang pengucap. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kraftangan Malaysia boleh berkongsi kepakaran dan pengetahuan mengenai cara-cara untuk memulakan perniagaan *online* yang dapat dijual ke luar negeri. Pemberian geran bagi tujuan membantu memulakan perniagaan atas talian ini akan sedikit sebanyak membantu pengusaha-pengusaha kraftangan ini.

Promosi produk-produk tempatan juga perlu diadakan dan diperhebat lagi dan platform e-dagang juga perlu diwujudkan. Sehubungan dengan itu, satu sistem koordinasi dari pihak pembuat kraf tangan sampailah ke pemasaran peringkat antarabangsa oleh pihak kementerian diperlukan untuk mencapai matlamat ini.

Kraftangan Malaysia perlu berperanan lebih meluas dan efektif dalam membantu penggiat industri kraf tangan meningkatkan lagi kebolehan dan kemahiran mereka agar mereka tidak ketinggalan dari aspek teknik pembuatan, sumber bahan, trend rekaan terkini dan maklumat pasaran. Bantuan dari Kraftangan Malaysia adalah diperlukan memandangkan industri ini bersifat kreatif dan dinamik dan sentiasa berubah dan kemahiran perlu tinggi dan terkini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lega bahawa dengan peralihan kuasa di peringkat Persekutuan, hubungan di antara Sarawak dan Kerajaan Persekutuan telah pulih dan baik semula. Kita sangat mengalu-alukan penubuhan satu portfolio yang baharu di Jabatan Perdana Menteri yang akan berperanan meneliti dan menjaga kepentingan Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Saya yakin portfolio ini akan memainkan peranan yang begitu penting dan akan melihat dengan lebih teliti hak-hak Sarawak yang sudah terhakis dan belum dikembalikan dan perkara-perkara yang tidak menepati Perjanjian Malaysia 1963 dan juga hak-hak dalam konteks Perlembagaan Malaysia. Saya berharap portfolio ini akan memastikan ketidakadilan di mana pembangunan tidak seimbang yang lebih berat kepada semenanjung yang mengakibatkan perbezaan pembangunan yang sangat ketara antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak lagi berlaku.

Saya mencadangkan satu *cash up plan*, dengan izin, dirangka khusus untuk Sabah dan Sarawak agar jurang pembangunan dapat diseimbangkan dan dipercepatkan dengan lebih tersusun dan tersasar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita bersyukur dan boleh menarik nafas lega sebab banyak perkara yang dahulunya masih tertangguh sudah selesai seperti penyelesaian di mahkamah kepada tuntutan *sales and service tax Sarawak* terhadap Petronas baru-baru ini. Saya yakin juga bahawa portfolio ini akan memastikan kesesuaian polisi kerajaan dan peruntukan yang lebih adil daripada Kerajaan Persekutuan kepada Sarawak.

Sebaik-baiknya Sarawak diberikan autonomi dalam hal pendidikan dan kesihatan. Namun demikian, selagi autonomi ini belum diberikan, Kerajaan Persekutuan tetap bertanggungjawab melaksanakan pembangunan di Sarawak seperti yang termaktub dalam konteks Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Dalam melaksanakan pembangunan, Kerajaan Persekutuan hendaklah mengamalkan kesamarataan dan kesaksamaan dari segi pendidikan, kesihatan, peluang-peluang pekerjaan, kewangan, perniagaan dan akses kepada kemudahan pentadbiran dan servis kerajaan dan lain-lain lagi. Umpamanya, jika seorang cikgu untuk 30 orang murid di Kuala Lumpur, standard yang sama sebaiknya diguna pakai juga di Sarawak.

Kalau seorang murid di Kuala Lumpur dapat menggunakan kemudahan Internet 4G untuk pembelajaran, kemudahan yang sama sepatutnya diberi kepada murid di pedalaman Sarawak. Jika kosnya terlampau tinggi, ini tidak sepatutnya dijadikan sebagai alasan. Ini kerana penilaian dan prinsip keadilan dan kesaksamaan berkehendakkan kita sebagai kerajaan membayar kos tersebut untuk mencapai satu sistem pendidikan yang adil dan saksama yang menjadi teras kepada Wawasan Kemakmuran Bersama.

Jadi, seharusnya tidak ada kekurangan dari segi kemudahan yang dinikmati oleh pelajar di Sarawak juga. Kalau tidak, ia seolah-olah membawa makna yang nilai keperluan pembelajaran seorang murid di pedalaman Sarawak adalah kurang nilai dari keperluan pembelajaran seorang murid di Semenanjung. Sebaiknya, semua kekurangan ini hendaklah dimasukkan dalam perancangan untuk 10 ke 15 tahun ke hadapan sehingga kesamarataan dalam pembelajaran ini dapat dicapai.

Prinsip dan lunas kesaksamaan juga seharusnya terpakai dalam peruntukan lain dan sektor seperti kesihatan. Kalau di sini, contohnya, nisbah seorang doktor untuk 150 orang penduduk, begitu juga bagi Sarawak sebaik-baiknya kita mempunyai nisbah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Duli Tuanku memberi Titah- Baginda menyebut khusus bahawa pembangunan di Sabah dan Sarawak harus dirancarkan dan diseimbangkan.

■1440

Dengan ini, saya berharap kerajaan akan menjunjung Titah Duli Tuanku dan melaksanakan obligasi kewajipan Kerajaan Persekutuan terhadap Sabah dan Sarawak dengan berprinsipkan kesaksamaan dan kesamarataan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh buat kesimpulan sebab campur dengan masa yang telah digunakan sebelum makan tengah hari, dengan ini sudah hampir 28 minit.

Puan Susan Chemerai Anding: Okey, ya. Saya ada satu isu sahaja. Saya akan simpulkan. Izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan keharmonian dan perpaduan. Kita semua menghargai keamanan, perpaduan dan kita mahu hidup dalam suasana harmoni. Namun, sedih kita melihat dunia masih ada peperangan, ketegangan dan pergaduhan. Manusia bergaduh disebabkan perbezaan politik, ideologi dan perbezaan disebabkan warna kulit, agama, budaya dan sebagainya.

Maka untuk mencapai keharmonian, kita harus tidak terjerumus ke dalam perangkap atau debat yang mengatakan agama ini baik, yang itu tidak baik, yang kamu betul, yang saya betul, yang kamu salah. Ini kita jangan sentuh sebab ia sensitif dan tidak ada yang salah atau yang betul sebab ini semua kepercayaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tidak buat bising atau senyap semasa ada perbalahan agama dan sebagainya itu bukan bererti kita lemah malahan sebaliknya ia bererti kita kuat, ia bererti kita lebih mementingkan sikap toleransi, bererti kita lebih suka kepada nilai persahabatan.

Jadi, kita masyarakat di Sarawak umpamanya terbentuk dari kaum dan suku etnik yang berbagai-bagai walaupun kita rupa hampir sama, kampung dekat-dekat namun bahasa tidak sama, agama kita berlainan. So, di dalam satu *extended family*, dengan izin, sudah menjadi satu kebiasaan ada penganut berlainan kita berkahwin dengan kaum lain. Jadi, kita lebih suka dan senang untuk menghargai dan merayakan perbezaan kaum.

Oleh itu, saya amat mengalu-alukan sekiranya Jabatan Perpaduan Negara merancang program-program yang menyemarakkan lagi rasa patriotik dan program-program yang berlandaskan Rukun Negara supaya dapat diketengahkan lagi seperti di peringkat sekolah, kolej, universiti, pejabat kerajaan dan swasta. Saya juga mohon supaya program-program yang melibatkan rakyat berbagai-bagai kaum, budaya dan kepercayaan diberi penekanan yang lebih serius oleh pihak kementerian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menutup dengan serangkap pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Susan Chemerai Anding:

*Gah sungguh Dewan Negara;
Ahlinya cantik, segak dan tampan;
Mari hayati Rukun Negara;
Malaysia harmoni santun dan aman.*

Dengan itu, saya akhiri ucapan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada dalam senarai ini tidak kurang 10 lagi Ahli Yang Berhormat yang telah memberi isyarat akan bersama berhujah dan membuat ucapan. Saya sekali lagi mohon supaya seboleh-bolehnya cuba kita berdebat dan menyampaikan ucapan dengan menggunakan nota tetapi cara kita berdebat dan menyampaikan pandangan.

Saya sukacita memberi laluan kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

2.44 ptg.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita baharu sahaja telah melalui satu peperangan di mana musuh tidak kelihatan dan musuh tersebut bukan menyerang infrastruktur negara, pun bukan menyerang loji, pun bukan menyerang pertahanan negara tetapi menyerang tubuh badan kita. Badan kita yang rapuh tetapi amat berharga.

Jadi, akibat daripada penularan wabak COVID-19 pergerakan kita telah terkawal dan banyak perniagaan telah ditutup kecuali perniagaan-perniagaan penting. Begitu juga ekonomi kita telah jatuh sangat teruk sekali berbanding dengan kegawatan pada tahun-tahun yang lepas.

Kita berharap bahawa detik hitam telah berlalu dan kita bolehlah melangkah tetapi tetap penuh berwaspada. Saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada barisan hadapan negara yang telah mempertaruhkan nyawa untuk mempertahankan, untuk menjaga keselamatan, kesihatan kita dan juga kepada rakyat jelata yang telah patuh kepada peraturan Perintah Kawalan Pergerakan dan khususnya kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang telah mendemonstrasikan kemahiran kepimpinan, keprihatinan dan juga ketabahan sehingga berjaya membendung penularan COVID-19 dan juga telah berjaya memandu arah negara melalui kegawatan ekonomi yang sangat teruk.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan daripada Bank Negara Malaysia baru-baru ini laporan pada pertengahan pertama tahun ini menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar telah menguncup 17.1 peratus lebih teruk daripada penguncupan yang dialami semasa kita dilanda krisis kewangan pada tahun 1997 dan 1998 di mana Keluaran Dalam Negara Kasar pada ketika itu hanya menguncup sebanyak 11.2 peratus.

Walau bagaimanapun, di celah-celah kegelapan kesemua sektor ekonomi kita, sektor pertanian telah memberi sinaran yang amat kita hargai kerana telah merekodkan pertumbuhan sebanyak satu peratus walaupun ia satu pertumbuhan yang marginal tetapi amat kita alu-alukan dan pertumbuhan tersebut adalah dipacu oleh minyak sawit.

Pengeluaran minyak sawit mentah negara sehingga bulan Julai tahun ini mencatatkan penurunan kira-kira 700 ribu tan berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu satu penurunan 5.9 peratus dan begitu juga *volume* eksport turut menurun sebanyak 11.9 peratus kepada 9.6 juta tan berbanding 10.9 juta tan pada tahun lepas.

Namun Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kenaikan harga sawit yang agak kukuh pada tahun ini iaitu sekitar RM2500 setan pendapatan negara daripada minyak sawit mentah telah meningkat sebanyak 1.1 peratus iaitu hampir RM26 bilion berbanding tahun lepas. Kalau kita lihat dari segi keseluruhan produk minyak sawit, pendapatan yang dijanakan oleh produk minyak sawit pada tahun ini adalah hampir RM39 bilion berbanding RM37 bilion pada tempoh yang sama tahun yang lepas.

Ini merupakan satu pertumbuhan yang marginal kurang daripada satu peratus. Tindakan kerajaan untuk membenarkan aktiviti berkaitan dengan perladangan dan juga hiliran sawit telah mengelak sumber pendapatan ketiga terbesar negara daripada pertukaran asing menyusut dan membendung pertumbuhan ekonomi daripada kejatuhan yang lebih teruk.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, industri sawit negara juga menghadapi peperangan dan peperangan itu semakin menjadi-jadi sejak tiga ataupun empat tahun kebelakangan ini. Minyak sawit seperti yang disebutkan di dalam ucapan Baginda Tuanku Agong ya, minyak sawit dikaitkan dengan penebangan hutan dan pelepasan gas kaca dan kempen untuk memburuk-burukkan minyak sawit oleh pelobi anti sawit, khususnya di negara Eropah. Pelobi antisawit ini sangat berpengaruh sehingga menundukkan Parlimen Eropah dan akhirnya Parlimen Eropah telah meluluskan perintah tenaga boleh baharu yang kedua pada tahun 2018 yang mengharamkan minyak sawit mentah sebagai bahan api bio bagi *European Union* secara berperingkat-peringkat sehingga sifar pada tahun 2030.

Pada tahun lepas Perancis juga telah mengharamkan minyak sawit daripada menjadi bahan api bio. Mulai pada tahun ini dan baru-baru ini lebih seminggu yang lepas Kerajaan *Great Britain* telah menjemput pendapat awam untuk memberi pendapat ke atas cadangan kerajaan untuk mengharamkan komoditi hutan, yang dikatakan komoditi hutan yang diperolehi, yang dikeluarkan secara haram daripada diimport ke *Great Britain*. Sesiapa yang hendak mengimport komoditi hutan tersebut hendaklah membuat *due diligence* sebelum pengimportan itu dilakukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah implikasi pengharaman minyak sawit di sekutu Eropah ke atas minyak sawit kita, industri minyak sawit kita di Malaysia. Kalau kerajaan tidak membuat intervensi yang sesuai, yang strategik, mungkin kita bakal kehilangan salah satu pasaran yang terbesar bagi minyak sawit kita iaitu hampir dua juta tan setiap tahun.

Untuk menangani masalah ini, Malaysia melalui Majlis Sawit Negara iaitu *Malaysian Palm Oil Council* telah melaksanakan pelbagai strategi iaitu melobi negara-negara tertentu, menyuarakan pendapat kita, pandangan kita di samping membetulkan maklumat-maklumat palsu yang disebarkan oleh pelobi anti sawit dan menggembeleng sokongan daripada

pengamal-pengamal industri termasuk memperkenalkan MSPO iaitu skim Minyak Sawit Mampan Malaysia demi mengatasi tuduhan bahawa kita tidak mengeluarkan sawit secara lestari ataupun secara mampan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada tiga, saya mengambil kesempatan ini untuk menyebut tentang tiga tohmahan yang dibawa oleh pelobi-pelobi anti sawit untuk makluman kita semua sebab bagi industri yang ketiga terbesar negara ini, kita hendaklah sama-sama bertanggungjawab untuk mempertahankan industri kita. Tohmahan yang pertama mereka adalah sawit melibatkan penebangan hutan. Jadi saya boleh bercakap bagi pihak kami di Sarawak kerana di sana ramai penanam sawit persendirian, lebih kurang 40 ribu orang dan di sana kami tidak menebang hutan dara tetapi sebaliknya kami menggunakan hutan sekunder iaitu tanah adat yang telah diterokai oleh nenek moyang kami berpuluh-puluh tahun yang dahulu.

Kedua, tohmahan mereka bahawa masyarakat orang asal tidak menentang industri sawit kerana menindas mereka. Tuan Yang di-Pertua, *numbers do not lie* ya. Jadi kita lihat daripada masyarakat khususnya masyarakat di luar bandar di mana ramai kaum asal bumiputera duduk, daripada 40 ribu penanam sawit persendirian lebih kurang 95 peratus iaitu bersamaan dengan sekitar 38 ribu orang adalah masyarakat bumiputera.

Jadi mereka tidak menentang industri sawit sebaliknya mereka menanam sawit menggunakan modal tanah yang mereka ada. Banyak tanaman yang mereka telah cuba, lada, koko dan getah tetapi sawit sahajalah yang telah terbukti dapat memberikan pendapatan yang stabil kepada mereka. Walaupun harga turun-naik tetapi pendapatan tetap ada. Jadi tohmahan masyarakat barat bahawa masyarakat bumiputera menentang industri sawit adalah tidak betul sama sekali.

Ketiga mengikut mereka industri sawit ini mengikis cara hidup orang asal dan juga mengikis sumber hutan. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, ternyatalah betapa hipokritnya pelobi-lobi sawit ini. Adakah mereka- mereka seolah-olah *meromantismakan* kehidupan semasa masyarakat masih daif, tidak berpendidikan, hidup kais pagi makan pagi, bergantung kepada sumber hutan semata-mata, tiada akses kepada pembangunan, air bersih, elektrik, Internet dan tiada sumber kewangan untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka. Adakah itu yang mereka hendak kita lakukan? Mereka hendak kita seperti binatang dalam zoo, supaya bila mereka datang ke sini, mereka seronok melihat kita masih melalui dan menjalani cara kehidupan yang semasa kita belum membangun dahulu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi yang menunjukkan betapa hipokritnya negara Eropah adalah berkenaan dengan penanaman *soybean*, minyak soya. Di mana kawasannya adalah lebih daripada kawasan untuk tanaman sawit. Indonesia dan Malaysia

keluasan kawasan penanaman sawit adalah lebih kurang 20 juta hektar berbanding dengan 130 juta hektar untuk penanaman *soybean* di seluruh dunia khususnya negara pengeluar utama adalah di Amerika Syarikat, Brazil, Argentina dan Paraguay. Namun sekutu Eropah tidak pula menyasarkan *soybean*, negara-negara pengeluar kacang soya, tidak menyasarkan, tidak pula mendiskriminasikan negara-negara pengeluar.

Jadi kita sudah tahu, musuh kita tahu, agenda mereka kita sudah tahu, jadi Tuan Yang di-Pertua bagi penduduk orang asal di Sarawak yang merupakan pengamal industri sawit, saya berharap Majlis Sawit Negara memberikan ruang untuk orang asal bersuara mungkin melalui dokumentari ataupun video mereka, *Greenpeace* telah menggegarkan dunia dengan video *Orang Utan in the room*. Jadi saya rasa sudah tiba masanya untuk kita juga memberikan suara kepada orang asal untuk menceritakan apa yang sebenarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, demi memenuhi kehendak pasaran antarabangsa yang berkehendakkan sawit mampan, Malaysia telah memadatkan supaya semua penanaman dan rantaian bekalan sawit mematuhi piawaian kemapanan yang telah ditetapkan oleh *skim Malaysian Sustainable Palm Oil* ataupun Minyak Sawit Mampan Malaysia dan sehingga kini sebanyak 85 peratus keluasan kawasan telah disijilkan.

Kecuali satu perkara yang agak kurang memberangsangkan adalah peratus pensijilan di kalangan pekebun kecil persendirian yang kurang lancar, di mana berdasarkan kenyataan akhbar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Yang Berhormat Tuan Willie Mongin baru-baru ini dipetik menyatakan bahawa hanya 45 peratus daripada pekebun kecil persendirian di Sarawak telah mendapatkan sijil MSPO, walaupun tempoh untuk mendapatkan sijil tersebut telah berlalu iaitu pada 31 Disember pada tahun yang lepas.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menceritakan perkara yang sebenarnya apa yang berlaku di peringkat akar umbi. Saya mohon maaf kalau saya memberikan penekanan kepada Sarawak. Mungkin pekebun kecil sendiri di Semenanjung ini tidak mengalami masalah yang serupa. Akan tetapi, seandainya di sini pun ada mengalami masalah yang serupa, jadi izinkan lah saya walaupun tidak sepertinya, turut bersuara kepada saudara-saudari sekalian, pengamal industri sawit.

Jadi, masalah yang di akar umbi, ramai pekebun kecil persendirian yang menghadapi kesulitan daripada segi dokumentasi. Maklumlah ramai orang kampung, susah hendak menyediakan dokumen, hendak mengumpulkan dokumen dan sebagainya. Seperka lagi, tidak tahu bagaimana hendak menggunakan alat GPS untuk memberikan maklumat tentang lokasi kebun masing-masing. Dalam kalangan mereka yang celik iaitu khususnya daripada

kalangan ahli-ahli Persatuan Penanam Kelapa Sawit Dayak Sarawak (DOPPA), ramai telah menghantar borang untuk mendaftar, memohon untuk di audit sebelum disijilkan tetapi belum menerima maklum balas.

Jadi, pada pendapat saya, pada masa sekarang terdapat seramai 32 pengurus SPOC. SPOC itu adalah *Sustainable Palm Oil Cluster* yang mana satu SPOC itu dipengerusikan oleh seorang Pengerusi. Dia akan membimbing pekebun kecil di kawasan tersebut supaya mendapatkan pensijilan. Di Sarawak cuma ada seramai 32 orang *SPOC Manager* dan yang mengurus seramai hampir 40 ribu pekebun kecil persendirian. Jadi kalau kita lihat nisbah adalah seorang *SPOC Manager* kepada lebih kurang seramai 1200 orang pekebun kecil persendirian.

Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah amat rumit dan adalah amat sukar untuk seorang pengurus mengurus sehingga kesemua mereka yang di bawah jagaannya mendapatkan pensijilan. *It takes at least about three to five years and not two to three years.* Jadi, di sini saya lihat memang ada kekangan. Jadi, cadangan saya adalah seperti berikut; Pertama, meminta *Ministry* ataupun MPOB menambah dan menubuhkan lebih banyak lagi SPOC di Sarawak demi mempercepatkan pensijilan pekebun sawit persendirian.

Keduanya, berkenaan dengan masalah dokumentasi adalah dengan menggunakan saluran pejabat daerah menghubungi ketua-ketua kaum supaya ketua-ketua kaum itu akan menguruskan penanam-penanam, pekebun-pekebun di bawah jagaan masing-masing membimbing mereka untuk mengisi borang dan menyerahkan kepada MPOB. Bahkan MPOB boleh memberi taklimat kepada ketua-ketua kaum tentang pengisian borang dan sebagainya. Setakat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai hendak habis. Tolong gulung dalam tempoh tiga ke empat minit.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua. Seperkara lagi adalah kekurangan ketelusan memberi harga buah tandan sawit. Ini adalah satu perkara yang amat besar bagi *smallholders* di Sarawak yang mana pihak pengurus pusat timbang dan pengilang mengenakan harga buah tandan segar yang tidak dibuat secara telus. Tidak memberi lembaran pengiraan harga.

Kita lihat satu harga sahaja diberi. Adakah itu harga yang terendah? Adakah itu harga yang purata? Adakah isirong sawit juga turut dibayar harganya? Gred diberi, tetapi OER ataupun kadar perahan minyak tidak dinyatakan dan begitu juga jika kilang itu tidak dapat beroperasi kerana rosak dan sewenang-wenangnya ada kilang yang menurunkan OER yang sepatutnya diberikan.

Jadi, ini telah menimbulkan banyak rungutan di kalangan pekebun kecil. Jadi, cadangan saya kepada MPOB adalah untuk mengawal selia harga buah tandan sawit seperti berikut. Cadangan ini bukan untuk menetapkan harga minyak sawit mentah, kerana itu memang hendaklah mengikut pasaran berdasarkan permintaan dan bekalan.

Akan tetapi, kawalan yang kita pohon ini adalah ke atas pengenaan harga buah tandan sawit kerana pada masa sekarang MPOB memang ada membuat panduan harga harian buah tandan sawit dan bagi sesetengah saya rasa di Semenanjung Malaysia memang menggunakan harga itu sebagai panduan. Akan tetapi, di Sarawak ramai yang tidak menggunakan itu.

Jadi, ini menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan penanam sawit. Jadi, kita minta lah MPOB mengawal selia dan mengenakan harga asas berdasarkan harga panduan harian BTS MPOB mengikut wilayah. Daripada segi Akta Lembaga Minyak Sawit, memang MPOB mempunyai kuasa yang luas untuk mengawal selia industri sawit dan begitu juga dia boleh menyelia daripada segi segala kegiatan berhubung dengan penjualan pembelian dan pengilangan sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila buat kesimpulan.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyimpulkan ucapan saya, jadi saya berharap kementerian-kementerian berkaitan mengambil berat akan rungutan-rungutan ini dan juga memberikan bantuan yang sewajarnya kepada pekebun kecil persendirian khususnya daripada segi pembangunan infrastruktur. Dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya dan saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Penelitian saya ialah Yang Berhormat dianggap sebagai salah seorang yang pakar dalam hal ehwal kelapa sawit. Saya pun hairan kenapa orang yang di sana itu tidak mahu ambil Yang Berhormat untuk duduk di panel dan beri pandangan seperti yang diujahkan di sini. Sangat baik bagi negara kita. Terima kasih. Yang Berhormat, sekarang ialah kita panggil Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop. Silakan, selama 20 minit kita beri. Jadi, tiga minit sebelum habis saya akan peringatkan untuk buat gulungan. Kita ada lapan orang lagi untuk bercakap.

3.08 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'alamin.* Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat ke seluruh isi alam.

Alhamdulillah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk turut sama terlibat dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Patik merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana Tuanku telah sudi mencemar Duli bagi merasmikan Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, serta menyampaikan Titah Diraja yang saya percaya menjadi, dengan izin *guiding ideas* kepada Ahli Parlimen di Dewan Negara, baik juga di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, Baginda menitikberatkan tentang kematangan berpolitik yang berpaksikan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

■1510

Baginda menegaskan prinsip ini harus dihormati serta difahami kerana ia telah menjadi tunjang amalan demokrasi di negara kita. Sehubungan dengan itu, institusi Parlimen yang selalu kita sebut dengan ungkapan Dewan yang mulia seharusnya kekal progresif sebagai sebuah institusi semak dan imbang terhadap dasar dan polisi kerajaan untuk memastikan keadilan dari segi sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil seperti rakan-rakan yang lain untuk mengambil peluang ini mengucapkan tahniah secara peribadi hari ini kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara Ke-18...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Yusop: Kena sebut Tuan Yang di-Pertua. Sejajurnya saya amat menghargai ucapan ulung Tuan Yang di-Pertua pada 2 September, dengan izin saya anggap itu sebagai *your maiden speech* di Dewan Negara ini setelah dilantik sebagai Yang di-Pertua apabila Tuan Yang di-Pertua menyentuh soal isu mengangkat harakat dan darjat Dewan yang mulia ini sebagai Dewan yang tertinggi di Parlimen Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Yusop: Saya amat bersetuju sekali dengan seruan Tuan Yang di-Pertua untuk mengembalikan kedudukan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992, agar kita dapat membezakan agihan kuasa dan agihan entiti di antara tiga komponen yang mentadbir negara kita. Pastinya hasrat untuk mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen adalah sesuatu yang dinanti-nantikan khususnya oleh mereka yang sedang berkhidmat di Parlimen Malaysia ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sejak pertengahan 2018 yang lalu dalam usaha untuk mempertingkatkan serta membina keyakinan rakyat terhadap institusi

ini telah melakukan banyak agenda-agenda untuk membina persepsi yang lebih positif khususnya di Dewan Negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan saya kepada mantan Yang di-Pertua Dewan Negara yang lepas, Tan Sri S.A. Vigneswaran di atas keberanian dan kesungguhan serta komitmen beliau untuk memartabatkan institusi Dewan ini dan saya percaya usaha dinamik yang dilakukan itu pastinya akan lebih bersemarak di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Insyah-Allah.*

Tuan Ismail bin Yusop: Hal ini amat penting bagi saya kerana prinsip untuk memastikan institusi Dewan ini terus dapat berfungsi dengan lebih baik berpandukan asas Perlembagaan Persekutuan, dalam usaha kita menghakiskan persepsi negatif terhadap Dewan Negara termasuk kredibiliti dan tanggungjawab Ahli-ahli Dewan yang sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi suara-suara sumbang dekat luar sana yang menyebutkan Dewan Negara ini sebagai *rubber stamp*, dengan izin. Lantikan ke Dewan Negara ini sebagai *political gift* untuk ahli-ahli politik.

Barangkali peringatan Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan ulung tempoh hari, jangan jadikan kedudukan di Dewan ini sebagai batu loncatan merupakan satu peringatan yang baik bukan sahaja untuk kita dalam Dewan ini tetapi untuk masyarakat di luar sana melihat integriti Dewan yang mulia ini.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Yusop: Mencelah tapi jangan curi masa saya lah. Kena tambah masa itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Betul. Cepat sedikit.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Mungkin kita ingin sampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua, kita bukan *rubber stamp*. Kita pernah menolak rang undang-undang berhubung *fake news*, itu merupakan pertama kali kita tolak rang undang-undang. Kita harap rakyat di luar sana tidak mengecap kita sebagai *rubber stamp*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan sambung.

Tuan Ismail bin Yusop: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana. Saya masukkan pesanan Laksamana itu dalam sebahagian daripada ucapan saya. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Yusop: Kerana itu Tuan Yang di-Pertua, semua yang telah dicapai dan yang akan terus kita bina untuk mengangkat harakat dan darjat Dewan Negara ini adalah kerana permuafakatan kita di kalangan Ahli-ahli anggota di Dewan yang mulia ini yang merentas parti serta fahaman politik. Memang ada perbezaan pendapat, namun ia merupakan perkara biasa yang harus ditangani dengan berhemah untuk memastikan Dewan ini terus membawa aspirasi suara rakyat terbanyak dalam menjamin keadilan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat terus dibela.

Saya hendak menyorot sedikit tentang akta Parlimen yang disentuh oleh Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan ulung tempoh hari kerana bagi saya akta Parlimen bukanlah satu-satu yang pelik dan baharu bagi mana-mana institusi Parlimen di seluruh dunia.

Antara contohnya Akta Perkhidmatan Parlimen yang digubal seperti di *United Kingdom*. Terdapat *House of Commons (Administration) Act 1978*, dengan izin, diikuti dengan akta tambahan pembaikan sebagai *House of Commons Commission Act 2015*. Di Australia Tuan Yang di-Pertua, terdapat *Parliamentary Service Act 1999*, sementara di negara India *Lok Sabha Secretariat (Recruitment and Conditions of Service) Rules, 1955*, dengan izin, dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kehendak untuk mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu berserta dengan penambahbaikan adalah manifestasi pemisahan kuasa di antara cabang-cabang kerajaan iaitu badan eksekutif, legislatif dan kehakiman. Hal ini dapat dilihat contohnya dalam Akta Perkhidmatan Parlimen 1999 di Australia yang secara terang dan jelas menyatakan dalam seksyen 9(2), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*The Parliamentary Service serves the Parliament by providing professional support, advice and facilities to each House of the Parliament, to parliamentary committees and to Senators and Members of the House of Representatives, independently of the Executive Government of the Commonwealth.*"

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa pilihan khas bersama di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat seharusnya diwujudkan bagi membincangkan rangka Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu.

Peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua ada dalam Peraturan Mesyuarat 79 yang menyebutkan "*Bila-bila Majlis memutuskan hendak melantik sebuah jawatankuasa pilihan bagi mengkaji dan membuat penyata atas apa-apa perkara yang perlu ditanya fikiran Dewan Rakyat berkenaan dengannya atau bila-bila Majlis memutuskan hendak melantik sesebuah jawatankuasa bersama tetap bagi mengkaji perkara-perkara mengenai kebajikan perjalanan urusan hal ehwal dalam kedua-dua Majlis, maka ia boleh ditubuhkan.*"

Tuan Yang di-Pertua, frasa “*mengkaji perkara-perkara mengenai kebajikan perjalanan urusan hal ehwal dalam kedua-dua Majlis*” boleh ditafsirkan bagi tujuan mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen memandangkan akta yang bakal diwujudkan ini akan diguna pakai bagi Dewan Negara dan juga di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berada di proses awal pasca COVID-19 apabila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilanjutkan sehingga hujung tahun ini seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Isu daya tahan serta pemulihan ekonomi menjadi tunjang bagi memastikan keadilan ekonomi serta kesejahteraan rakyat terus tercapai. Tidak dinafikan dana PRIHATIN besar nilainya.

■1520

Pelbagai pakej rangsangan, bantuan dan inisiatif seperti bantuan PRIHATIN untuk B40, M40 dan juga untuk PKS, golongan belia, wanita, pesara dan ramai lagi yang mendapat manfaatnya. Namun begitu, sekali lagi isunya ialah ketelusan dari segi kaedah pelaksanaan dan pendekatan perlu dititikberatkan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, bantuan PRIHATIN secara amnya bagi saya bukanlah suatu inisiatif baharu kerana bagi saya ia adalah penjenamaan semula kepada bantuan-bantuan yang pernah diberikan. Umpamanya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) satu ketika dulu dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

Dalam keadaan suasana ekonomi yang lebih membimbangkan jika dibandingkan dahulu, saya bersetuju dengan kenyataan bahawa langkah kita sekarang tidak boleh lagi langkah biasa. Tuan Yang di-Pertua sebut jangan lagi ikut normal tetapi norma baharu. Jadi melalui persidangan di Dewan Rakyat tempoh hari, saya mendengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyebutkan, dengan izin, *new normal is not bringing back the old norms*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *new normal* adalah peluang besar kita untuk melaksanakan anjakan yang sebenar.

Saya juga ambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri Kabinet pada hari Isnin yang lepas. Satu pengiktirafan sebenarnya kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Bahkan saya kalau boleh hendak mencadangkanlah kalau di Dewan Rakyat masa bersidang Kabinet boleh tangguh mesyuarat hari Rabu bawa hari Jumaat. Jadi masa kita bersidang di Dewan Negara ini Kabinet juga boleh tangguhkan mesyuarat Kabinet bawa pada hari Jumaat supaya Menteri-menteri boleh hadir. Terima kasih ada Menteri seorang wakil hari ini dapat bersama dengan kita. Kena bagi kreditlah yang hadir... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, merujuk laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia berkaitan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 menunjukkan nilai Pekali

Gini ataupun nilai ketidaksamarataan yang dikira berdasarkan pendapatan kasar meningkat sebanyak 0.008 mata kepada 0.407 mata pada tahun 2019 berbanding dengan 0.399 pada tahun 2016.

Peningkatan ketidaksamarataan ini memberi kesan terhadap jurang pelebaran golongan yang kaya dan miskin turut semakin jelas. Hal ini juga telah disentuh dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peningkatan ketidaksamarataan sebanyak 0.029 untuk etnik India adalah peningkatan yang paling tinggi disusuli dengan etnik kaum Tionghoa sebanyak 0.006 dan etnik bumiputera 0.004.

Apa maknanya angka-angka ini Tuan Yang di-Pertua? Laporan ini jelas menunjukkan bahawa isu jurang pendapatan harus ditangani dengan pendekatan merentasi etnik dan kaum. Kita tidak sepatutnya mengabaikan kos yang semakin meningkat disebabkan oleh inflasi dan kadar pertumbuhan gaji yang perlahan. Kita meminta pembangunan ekonomi yang berstatus negara maju, namun persiapan dari segi infra dan teknikalnya kita lihat masih banyak kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti isu kemiskinan, ketirisan, teknologi baharu, pendidikan, peluang pekerjaan untuk golongan belia dan juga isu alam sekitar.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan, apakah ada kajian yang telah dibuat dalam mengkaji berkaitan pelaksanaan khususnya bantuan secara *one-off* seperti bantuan PRIHATIN dalam memberi impak yang baik untuk mendukung inisiatif dan perancangan dasar untuk jangka panjang. Kalau ada laporannya kita harap dapat dibentangkan. Saya bersetuju juga dengan pandangan agar kerajaan harus pelbagaikan lagi sistem R&D, penyelidikan yang melibatkan institusi-institusi penyelidikan dan institusi pendidikan tinggi dalam membantu mengkaji pelaksanaan dasar mahupun juga inisiatif kerajaan.

Selain daripada itu, saya bersetuju pihak kerajaan juga perlu pelbagaikan medium perbincangan bersama golongan yang mengaut kekayaan besar di negara ini untuk turut sama memberikan pulangan dan mengagihkan kekayaan kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan cara yang terbaik. Ini termasuklah juga dalam isu yang memberi peluang *upgrading education and skills*, dengan izin. Ini juga bagi saya adalah norma baharu dan anjakan yang perlu dijadikan nilai dalam pasca COVID-19. Pendekatan yang menyeluruh dan berani serta komitmen untuk memastikan keadilan ekonomi dapat di rasa nikmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu ekonomi ini, golongan *middle class income* harus dipandang berat kerana majoriti rakyat Malaysia terdiri dari golongan ini. Terperangkap dalam *middle income group* merupakan isu yang harus ditangani secara komprehensif. Saya bangkitkan hal ini kerana berkait rapat dengan perkembangan terkini di negara kita. Dua

pertiga rakyat Malaysia sekarang tinggal di bandar. Jumlahnya semakin bertambah. Peluang juga jika tidak dibantu makin terhad. Kos sara hidup semakin meningkat tanpa mengetepikan warga di luar bandar. Kebimbangan saya ialah *urban poverty*, kemiskinan bandar ini akan menjadi norma baharu yang terpaksa dipikul bebannya oleh kerajaan jika tidak ditangani dengan segera.

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada Menteri Hal Ekonomi ada atau tidak laporan atau kajian berkenaan jumlah golongan yang berpendapatan rendah, pertengahan dan tinggi dari tahun 2016 hingga 2019 terhadap peningkatan atau penurunan untuk setiap kelas pendapatan yang dinyatakan sepanjang tempoh berikut. Saya juga ingin bertanya, berapakah jumlah kadar kemiskinan yang tinggal di bandar yang mendorong kepada peningkatan terhadap kadar peratusan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diumumkan baru-baru ini. Ini kerana hal ini sangat berkait rapat dengan pentakrifan golongan B40 dan M40.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu yang berkaitan dengan izin, *mismatch job skills* di mana pilihan pekerjaan yang ditawarkan di pasaran tidak seiring dengan pendidikan serta sijil yang diperoleh. Hal ini akan mengakibatkan golongan yang tersasar sukar untuk meningkatkan taraf hidup mereka kerana terkesan dengan peluang *in upgrading skills* dan pendapatan atau gaji yang tidak setimpal.

Laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysia's Labor Markets and Job Creation* di bawah *Economic Transformation Programme- ETP 2015-2019* mendapati meskipun tahap pendidikan tenaga kerja semakin meningkat namun peluang pekerjaan yang tersedia dalam kerangka ekonomi negara masih tertumpu pada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana. Saya ingin bertanya kepada Menteri Sumber Manusia adakah atau tidak kajian terhadap situasi yang dinyatakan? Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengatasinya?

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Masa menggulung Yang Berhormat sudah sampai.

Tuan Ismail bin Yusop: Sangat cemburu masa ini Tuan Yang di-Pertua ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah 25 minit.

Tuan Ismail bin Yusop: Sikit sahaja lagi saya hendak sentuh tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong gulung dalam masa yang terhad itu.

Tuan Ismail bin Yusop: Okey. Saya hendak sentuh juga sedikit tentang isu komoditi ini juga. Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong turut Bertitah untuk membangunkan industri komoditi yang berasaskan pertanian dan juga untuk meningkatkan permintaan pasaran.

Oleh sebab itu kerajaan harus juga melihat pembangunan secara menyeluruh iaitu termasuk kebajikan petani-petani dan pekebun di luar sana. Baru-baru ini kita terpaksa mengharungi keadaan kadar harga getah yang paling rendah sejak sembilan tahun yang lepas. Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) bagi membantu serba sedikit untuk bagi duit lebih kepada pekebun kecil menampung perbelanjaan harian yang terjejas akibat impak kejatuhan harga getah di pasaran.

■1530

Anehnya Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh COVID-19, permintaan getah di pasaran meningkat secara drastik ketika ekonomi COVID-19. *Top Glove*, syarikat gergasi pengeluar sarung tangan getah yang beroperasi di negara kita, untung sebanyak 300 persen kerana permintaan sarung tangan getah tetapi penoreh getah kita di kampung masih juga tidak cukup makan.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya bangkitkan kerana saya dipilih mewakili Dewan Undangan Negeri Perak. Isu kebajikan dan nasib pekebun-pekebun getah ini adalah agenda utama yang perlu ditangani, khususnya bagi kami di negeri Perak. Ini kerana saya ingin berkongsi di Dewan yang mulia ini, sebanyak 30 peratus guna tanah di negeri Perak iaitu sebanyak 631,552 hektar adalah kawasan pertanian. Dari jumlah itu, sektor penanaman getah merangkumi sebanyak 205,764 hektar. Jangan lupa, industri getah bermula di negeri Perak pada tahun 1877, di Kuala Kangsar.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, isu ketidakstabilan politik harus ditangani. Provokasi perkauman harus dihentikan.

Saya sempat memetik ucapan Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, antaranya menyebutkan, *“Amat mustahak bagi kita semua untuk cuba sedaya upaya untuk hidup bersama-sama dan cuba memahami antara satu sama lain dengan semangat persefahaman dan hormat-menghormati agar kita dapat memelihara keharmonian dan keamanan”*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu perbezaan pendapat atau ideologi, tidak bermakna kita bermusuh. Mari sama-sama kita raikan perbezaan, *let's celebrate the diversity*, dengan izin, dan kita uruskan perbezaan ini dengan kebijakan. Meneliti perbahasan di Dewan Rakyat, pelbagai insiden yang secara peribadi amat melukakan hati. Oleh kerana seolah-olah melihat bahawa kedudukan yang disebut Dewan yang mulia ini, tercemar dengan beberapa pendekatan yang di luar adab dan akhlak tatasusila kita.

Saya sangat-sangat berharap, ini saya tujukan kepada semualah. Tidak kira pembangkang ataupun kerajaan. Budaya ini kita kena hentikan. Kebenaran, realiti, aspirasi

dan isu rakyat perlu dijelaskan, benar dan nyata. Budaya mempolitikkan isu sensitif ini harus kita hentikan. Akhirulkalam- tadi akhir, ini akhirulkalam. Sikit lagi *[Ketawa]*

Saya menaruh harapan yang sangat-sangat tinggi semoga perubahan landskap budaya politik di Malaysia terus mencorakkan sistem demokrasi yang lebih baik dan memberikan keadilan ekonomi kepada rakyat keseluruhannya. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, amat tersentuh dengan madah indah Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan ulung tempoh hari. Izinkan saya sebut balik pantun Tuan Yang di-Pertua itu....

Seorang Ahli: ...Tambah tiga minit.

Tuan Ismail bin Yusop:

*Terang bulan di Malaya;
Kilatnya sampai ke hujung tanjung;
Berkhidmat tidak minta dibayar;
Berjuang tidak minta disanjung.... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Tuan Ismail bin Yusop: Di kesempatan ini, izinkan saya juga Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain untuk menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua *frontliners* yang telah bertungkus-lumus dalam menangani penularan wabak COVID-19 sehingga ke hari ini.

Bagi merealisasikan pemulihan dan perkembangan negara yang baik, saya menyeru kepada Eksekutif kerajaan untuk terus turut sama dengan keberanian serta komitmen yang tinggi membantu negara menghadapi pasca COVID-19. Ini adalah masa anda sebagai *frontliners* yang membantu memulihkan ekonomi negara serta membantu kesejahteraan rakyat. Saya mendoakan agar kita terus menjadi sebuah negara yang makmur serta harmoni dengan keadilan ekonomi serta kesejahteraan rakyat yang menyeluruh. Suara rakyat, suara keramat.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Ini sebab perkara yang disentuh semua di dalam Dewan ini tentunya mencerminkan masa depan kita. Jadi, ada banyak perkara dan faktor relevan yang terus boleh kita pakai untuk meninggikan imej kita tadi, sebahagian disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat.

Saya berharap, Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa menumpukan juga kepada cara kita di Dewan ini memperjuangkan hak-hak yang asas kepada Legislatif kita.

Dengan sebutan itu, saya dengan segala sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Tolong iktiraf masa selama 20 minit dan tiga minit sebelum habis, saya akan memperingatkan.

3.36 ptg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya melibatkan diri dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin mulakan perbahasan hari ni dengan perbincangan berkenaan dengan pengurusan Dewan Negara. Dengan lantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan yang baharu, kita ada peluang untuk menjadikan Dewan Negara lebih relevan dalam proses politik dan proses penggubalan dasar kerajaan.

Pertama sekali, saya ingin membincangkan isu sesi soal jawab. Saya terlibat dalam perbincangan dengan mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md. Yusof dalam pelaksanaan peraturan enam minit untuk setiap soalan pada tahun 2018.

Setiap soalan perlu dijawab dalam masa enam minit serta dua soalan tambahan. Dalam erti kata, soalan asal perlu dijawab oleh ahli pentadbiran dalam masa dua minit 30 saat dan dua soalan tambahan tidak boleh melebihi 30 saat. Kalau setiap soalan boleh dijawab dalam masa enam minit, Dewan boleh selesaikan 15 soalan dalam tempoh masa satu jam 30 minit.

Untuk ahli pentadbiran, sekiranya Dewan boleh menetapkan sebanyak tujuh kementerian sehari, maka setiap kementerian akan mengetahui masa mereka, bila mereka perlu datang ke Dewan untuk jawab dua soalan dalam satu sesi dalam masa selama satu jam 30 minit setiap pagi. So, biasanya kalau Isnin adalah untuk tujuh atau lapan kementerian, mereka akan tahu dan mereka akan datang pada hari itu. Setiap minggu, dia sudah ketahui bila dia kena datang.

Adalah penting untuk Ahli-ahli Dewan diberikan peluang untuk tanyakan dua soalan tambahan. Oleh kerana soalan pertama biasanya diberikan kepada mereka yang menanyakan soalan asal dan soalan kedua memberikan peluang kepada yang lain melibatkan diri supaya memberikan peluang kepada mereka menanya ahli pentadbiran. Ini juga satu cara kita menilai ahli-ahli pentadbiran supaya mereka boleh jawab secara *impromptu*.

Kedua, saya ingin membincangkan isu sistem *Senate Estimates*. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong beritahu apa kaitannya dengan Yang di-Pertuan Agong, dengan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda?

Tuan Liew Chin Tong: Bukan, ini adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tanya, tolong jawab [*Ketawa*]

Tuan Liew Chin Tong: Okey. Soalan- apa, ucapan...?

Tuan Yang di-Pertua: Apa kaitannya soal prosedur kita menjawab ini dengan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Tuan Liew Chin Tong: Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merangkumi semua subjek, dan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah peluang untuk kita bincangkan semua subjek di bawah Kerajaan Malaysia, dan untuk Dewan Negara, Dewan Negara ialah sebahagian daripada proses politik kita. Adalah penting untuk kita ada satu Dewan Negara yang memberikan peluang kepada semua.

Saya rasa dengan lantikan Tuan Yang di-Pertua, kita ada peluang untuk cipta satu imej atau menambahbaik imej Dewan Negara.

Isu kedua yang saya hendak ingin bincangkan dengan Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli di sini yang saya hormati ialah isu *Senate Estimates*. Kita boleh ambil iktibar daripada sistem Jawatankuasa *Senate Estimates* yang digunakan dalam *Senate Australia*. *Senate Estimates* telah jadi satu institusi yang penting, di mana belanjawan kerajaan diberikan semakan secara terperinci.

■1540

Maka Jawatankuasa *Senate Estimate*, Jawatankuasa Belanjawan di *Senate*- di Dewan Negara Australia bersidang hampir 100 hari setahun untuk menyemak belanjawan kerajaan secara terperinci. Maka dia bukan sahaja sidang bersama tetapi ada sidang jawatankuasa dan meneliti dan juga panggil pegawai untuk memberikan keterangan tentang setiap butiran belanjawan. Saya rasa ini akan menambah baik imej Dewan Negara.

Ketiga, saya ingin mencadangkan kewujudan *Senate Foreign Affairs and Defense Committee*. Usul berkenaan dengan isu tuntutan Filipina terhadap Sabah yang berlangsung semalam menunjukkan keperluan untuk melibatkan Dewan Negara dalam isu antarabangsa dan strategik. Tadi kita dengar tentang isu sawit, ada banyak isu sebenarnya kalau Dewan Negara ada satu Jawatankuasa *Senate Foreign Affairs and Defense Committee*, maka Ahli-ahli Dewan Negara boleh melibatkan diri dalam jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua yang dahulu sebagai mantan Menteri Luar Negeri juga boleh memberikan input, memberikan cadangan dan pandangan supaya kita boleh memberikan *Senate* setanding dengan Senat Filipina dan dalam isu menangani soalan seperti semalam

yang kita bicara di sini, *The Senate Committee* boleh sebenarnya adalah institusi yang setanding dengan *Senate Committee* di Filipina.

Jawatankuasa Dewan Negara ini boleh memainkan peranan di arena antarabangsa dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli, dalam Dewan Rakyat adanya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan hal-ehwal dalam negeri dan pertahanan yang menumpukan perhatian terhadap isu keselamatan dan pengurusan yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan.

Saya cadang *Senate Foreign Affairs and Defense Committee* boleh tumpukan aspek strategik geopolitik yang melibatkan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri. So, daripada segi pengurusan kementerian, dari segi pengurusan keselamatan dia boleh tertumpu kepada jawatankuasa di Dewan Rakyat dan jawatankuasa di Dewan Negara boleh tumpukan isu-isu strategik geopolitik.

Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop tadi bahawa satu jawatankuasa pilihan bersama di antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menangani isu pengurusan Dewan dan juga *Parliamentary Service Commission* boleh ditubuhkan dan harus ditubuhkan.

Akhir dari segi bab Dewan Negara, saya cadang kita perlu tingkatkan Jawatankuasa Hak terutamanya kita sudah tengok insiden Veveonah ini, ada baik memang kita ada ahli pentadbiran dari Dewan Rakyat seperti kakak Menteri Perpaduan yang sudi datang sini. Ini memang satu teladan yang baik... [*Tepuk*] Akan tetapi saya rasa kalau ahli-ahli pentadbiran yang memberi maklumat palsu di sini perlu ditangani oleh Jawatankuasa Hak seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri KKMM harus diberikan amaran oleh Jawatankuasa Hak dan juga dikendalikan oleh Jawatankuasa Hak.

Saya hendak masuk ke isu-isu pertahanan dan keselamatan. Sebagai mantan Timbalan Menteri Pertahanan, saya akan tumpukan ucapan saya terhadap beberapa isu berikut:

- (i) isu kesesakan penjara;
- (ii) isu perolehan Kapal Tempur Persisir Pantai, *Littoral Combat Ship* (LCS) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia;
- (iii) keperluan pendekatan baru pembangunan industri pertahanan tempatan; dan
- (iv) agenda kesejahteraan veteran Angkatan Tentera Malaysia.

Sebelum saya mula bab ini saya hendak mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Prebet Abdul Aziz Aznam seorang anggota lain-lain pangkat Tentera Darat yang baru meninggal pada 6 September yang lalu. Saya berharap Kementerian Pertahanan dan

Angkatan Tentera Malaysia akan beri kerjasama penuh kepada polis dan juga menjalankan siasatan dalaman dan menegakkan keadilan untuk arwah.

Berkenaan dengan isu kesesakan penjara. Pada 7 September 2020 iaitu semalam, Ketua Pengarah Kesihatan melaporkan terdapat 50 kes baharu positif COVID-19 yang dikesan di Kluster Benteng Lahad Datu, Sabah. Jumlah kes kluster ini adalah 66 kes berdasarkan maklumat semalam. Keadaan ini berpunca daripada ruang lokap yang sempit dan sesak serta penjarakan fizikal yang sukar diamalkan.

Sebenarnya pada 16 April saya telah tulis satu rencana berkenaan dengan isu kesesakan dalam penjara dan saya juga petikkan perbincangan saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawat jawatan Menteri Dalam Negeri. Perbincangan saya dengan Tan Sri ialah pada 23 Disember 2019 berkenaan dengan isu kesesakan dalam penjara.

Penjara kita sebenarnya ada 74 ribu banduan dalam sistem penjara kita tetapi kapasiti hanyalah 52,850 orang. So, maka sebenarnya kita sudah 1/3 melebihi kapasiti yang sedia ada dan menurut Perdana Menteri, pada masa perbincangan dia Menteri Dalam Negeri, bahawa hampir 70 peratus dalam penjara terlibat dalam penggunaan dadah.

So, sebenarnya dalam KDN di bawah Kementerian Dalam Negeri sudah ada jawatankuasa apabila Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin menjadi Menteri Dalam Negeri untuk mengkaji kaedah supaya kita kurangkan banduan di sistem penjara kita dengan *decriminalization* atau dekriminalisasikan penggunaan dadah. Ini sebenarnya telah ada banyak perbincangan, jawatankuasa tersebut telah ada banyak perbincangan tetapi saya rasa tidak ada kesungguhan politik yang bersedia untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa.

Saya harap Kementerian Dalam Negeri dan juga kerajaan mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di Lahad Datu yang juga berlaku di lokap imigrasi dan juga tempat lain. Saya memang bimbang, saya ada banyak perbincangan dengan pegawai penjara dan mereka sebelum COVID-19 mereka sudah takut tentang batuk tibi. Mereka takut mereka kata, *"This is a silent killer"*.

Ramai pegawai penjara sudah beritahu saya dan selepas ini dalam keadaan COVID-19 memang kalau berlakunya penularan di suasana penjara memang kita akan mengalami keadaan yang agak susah. So, saya harap kerajaan mengambil iktibar dari apa yang berlaku dan melaksanakan *decriminalization* atau dekriminalisasi penggunaan dadah secepat mungkin.

Saya hendak masuk tentang isu perolehan LCS ataupun *Littoral Combat Ship*. Baru-baru ini, mendapat perhatian berita apabila laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1

berkenaan dengan aktiviti Kerajaan Persekutuan diterbitkan dalam beberapa minggu lepas. Dalam laporan tersebut telah mendedahkan bahawa kapal pertama LCS daripada enam kapal keseluruhan sudah pun melangkaui kelewatan sebanyak 245 hari pada bulan Disember 2019. Walaupun 63.8 peratus daripada harga siling, RM1.5 bilion untuk kapal ini telah pun dibayar. Kemajuan yang tercapai ialah hanya 42.7 peratus.

Pada asalnya, kapal pertama LCS sewajarnya dilancarkan dengan lengkapnya pada bulan April tahun lepas dan kapal-kapal lain dalam siri tersebut sepatutnya telah memasuki perkhidmatan setiap enam bulan selepas itu.

■1550

Apatah lagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri Ketiga telah menekankan kekurangan aset merupakan salah satu faktor yang telah menghindari TLDM daripada menjalankan tugas perondaan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan menegakkan keutuhan wilayah negara kita dengan sempurna.

Oleh itu, sangat jelas bahawa ada keperluan pada saat ini untuk kita tidak lagi berdiam diri dan sebaliknya mencari jalan penyelesaian agar TLDM mendapat kelengkapan yang sewajarnya agar dapat menjalankan fungsi demi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu tekankan di sini bahawa apa yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara hanya merupakan isu permukaan sahaja atau *the tip of the iceberg*. Sebenarnya permasalahan program LCS ini lebih mendalam.

Pertama sekali, program LCS merupakan satu projek yang didorong oleh vendor pada pentadbiran Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib pada mula-mulanya pada tahun 2008, 2009 yang dicadangkan oleh vendor. Projek tersebut telah diberikan secara rundingan terus kepada syarikat Boustead Heavy Industries Corporation Sdn. Berhad, pada tahun 2011 yang seterusnya telah membentuk usaha sama- *joint venture* di antara anak syarikatnya, Boustead Naval Shipyard (BNS) dengan syarikat Perancis, DCNS. DCNS merupakan pihak berkuasa kepada reka bentuk kapal jenis *Goldwin*. *The design authority*.

Projek-projek vendor *driven* ini secara amnya telah banyak merugikan kerajaan dan tidak memenuhi keperluan Angkatan Tentera Malaysia mengikut masa seperti mana kita lihat dengan kelewatan projek LCS itu sendiri. Sewajarnya Kerajaan Perikatan Nasional iktiraf fakta ini dan tidak lagi membenarkan apa-apa perolehan terutama sekali yang berkaitan dengan keselamatan negara yang hanya memanfaatkan vendor.

Permasalahan ini seterusnya telah mendorong Kerajaan Pakatan Harapan untuk mewujudkan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang.

Projek LCS merupakan antara projek pertama yang disiasat oleh jawatankuasa ini dan pada 11 Februari 2020 iaitu tahun ini, pasukan Tan Sri Ambrin Buang telah menemui beberapa perkara yang kurang disenangi dan telah membentangkannya kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Saya bersama dengan mantan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Mat Sabu hadir pada mesyuarat tersebut.

Pertama, apa yang ditemui oleh jawatankuasa Tan Sri Ambrin Buang ialah sebanyak RM1 bilion daripada RM5.94 bilion yang telah dibayar dahulu tidak boleh dikesan.

Kedua, kebanyakan kelengkapan kapal-kapal LCS ini telah pun menjadi usang dan warantinya sudah luput walaupun belum dipasang. Kenapa belum dipasang? Sebab, butiran reka terperinci- *detail design* yang diperlukan untuk padankan sistem elektronik kepada badan kapal belum lagi disiapkan oleh BNS dan belum disahkan oleh *design authority* iaitu DCNS dari Perancis.

Ketiga, baki siling sebanyak RM3 bilion dan dana tambahan yang diminta oleh BNS sebanyak RM1.9 bilion disyaki tidak mencukupi untuk menampung kos kesemua kapal memandangkan kedudukan kewangan BNS yang tidak meyakinkan terutamanya dengan liabiliti bernilai RM1.758 bilion berdasarkan laporan JKSTUPKK iaitu jawatankuasa Tan Sri Ambrin Buang.

Saya bukannya hendak mempertikaikan keperluan kapal berkeupayaan LCS. Sebaliknya, keperluan kapal ini jelas termaktub dalam Program Pembangunan Keupayaan TLDM iaitu *15 to 5* atau 15 kelas kurang ke lima kelas dan membangunkan lima kelas kapal-kapal untuk daya keupayaan TLDM selepas ini. Akan tetapi, kemajuan projek perolehan itu perlu diberi perhatian dan kelemahan di dalam sistem perolehan perlu diperbaiki agar nilai kepada rakyat dan TLDM terjamin.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar audit forensik dijalankan untuk mengesan ke mana perginya RM1 bilion ini dan sebaik-baiknya jumlah ini dikembalikan untuk membiayai kos perolehan kapal-kapal ini. Cadangan ini merupakan syor yang telah diberikan oleh Tan Sri Ambrin Buang dan dipersetujui oleh mantan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mat Sabu serta mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir ketika mesyuarat khas berkenaan isu LCS pada 11 Februari yang lalu.

Pada masa yang sama, adalah sangat penting untuk Kerajaan Perikatan Nasional untuk telus dan bertanggungjawab kepada rakyat tentang perkara ini memandangkan kos projek tersebut bukanlah nilai yang kecil. Sebaik-baiknya laporan terkini jawatankuasa Tan Sri Ambrin Buang berkaitan isu ini sewajarnya didedahkan agar rakyat sendiri dapat menilai pengendalian projek oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu.

Kerajaan Pakatan Harapan telah pun bertindak demikian dengan isu pertukaran tanah sebelum ini iaitu Kementerian Pertahanan di bawah pimpinan Yang Berhormat Tuan Mat Sabu telah mengumumkan 16 laporan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan balik masa ya tapi hujah yang tadi itu menarik. Saya berpandangan sangat kenapa SPRM tidak dihubungi jika sudah sedemikian besar hal yang bermuslihat dalam kementerian tersebut?

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ringkas ialah dalam mesyuarat 11 Februari tahun ini, Perdana Menteri pada masa itu telah mengarah kementerian dan juga mereka yang terlibat dalam mesyuarat itu untuk buat laporan SPRM dan juga mengarahkan siasatan. Akan tetapi, selepas 'Langkah Sheraton', saya tidak pasti apa yang telah dilakukan oleh kementerian dan juga mereka yang terlibat. Akan tetapi, memang Perdana Menteri pada masa itu sudah memberikan amaran atau membuat keputusan pada mesyuarat 11 Februari untuk siasatan lanjut oleh SPRM.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila gulung.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua muka surat sahaja lagi. Kalau boleh dibenarkan saya baca semua.

Tuan Yang di-Pertua: Gunakan seni inovasi.

Tuan Liew Chin Tong: [*Ketawa*] Okey, terima kasih. Pada hemat saya, pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri baru-baru ini di mana beliau mencadangkan tiga cadangan untuk menyelesaikan isu LCS.

Pertama, melantik syarikat Perancis Naval Group atau DCNS untuk menyelesaikan masalah ini sebagai kontraktor penyelamat.

Cadangan kedua Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri ialah untuk membenarkan BNS untuk teruskan projek ini dengan baki siling dan sekurang-kurangnya dua kapal disediakan.

Ketiga, menamatkan projek tersebut dan mencari jalan penyelesaian lain.

Saya rasa ketiga-tiga cadangan ini walaupun kementerian belum buat keputusan tetapi saya berpandangan bahawa ketiga-tiga cadangan ini tidak semestinya menyelesaikan masalah-masalah hakiki. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menerima pandangan kami. Kementerian telah meletakkan sasaran kapal siap yang terlalu rendah. Sekurang-kurangnya dua buah kapal tidak memadai memandangkan hampir 67 daripada baki siling telah dibayar.

Bagi saya, dengan nilai ini, kerajaan sepatutnya menerima sekurang-kurangnya empat buah kapal. Kalau bukan enam, sekurang-kurangnya empat buah kapal harus diberi kepada TLDM. Dan ini sebenarnya sudah mengganggu program-program TLDM dan perancangan TLDM.

Saya rasa memang Yang Berhormat Laksamana akan setuju dengan saya bahawa kalau tidak ada empat buah kapal, tidak mencukupi untuk TLDM...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah melampaui.

Tuan Liew Chin Tong: Okey, saya baca semua satu muka surat sahaja Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1600

Kedua, saya tidak yakin baki siling merupakan nilai yang cukup untuk menyiapkan kapal-kapal selebihnya, biar pun dua pun, mahupun empat pun. Pandangan kami ialah bahawa siasatan perlu diambil supaya yang RM3 bilion asal itu mesti disiasat dan RM1 bilion yang tidak dikesan lagi, mesti disiasat. Kalau kerajaan hendak bantu harus bantu selepas siasatan ataupun selepas tindakan diambil dan program ini dikira sebagai program yang memerlukan bantuan dan juga penyelamatan oleh kerajaan.

Saya gulung dengan pandangan bahawa kita sebagai satu negara tidak kira parti, tidak kira kerajaan yang mana, yang penting ialah kita mesti memastikan program-program pertahanan tidak diganggu oleh apa-apa sahaja rasuah, kontraktor, lobi ataupun vendor. Apa yang penting ialah kita mesti ada pertahanan yang baik berasaskan keperluan dan berasaskan *strategic guidance* kita supaya kita tidak didorong oleh vendor sahaja. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

4.01 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya berucap pada petang ini dan tahniah atas pelantikan Tan Sri sebagai Yang di-Pertua Dewan.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam titah Baginda telah memberi tumpuan utama dalam isu ekonomi. Hari ini Malaysia masih bergantung sebahagian besar kepada hasil pendapatan minyak dan gas. Kebergantungan tinggi pada hasil minyak dan gas ini amat tidak sihat dan berisiko tinggi. Negara Nauru sebuah negara kepulauan kecil di Pasifik sejak tahun 1970-an pun telah mempelbagaikan kebergantungan daripada hasil fosfat sebagai persediaan masa hadapan apabila hasil mineral fosfat sudah tiada lagi.

Malaysia seperti negara-negara lain telah dikejutkan dengan impak kejatuhan harga minyak baru-baru ini sehingga sampai kepada USD10 dan malahan pernah mencecah-USD30 seketika. Ini sepatutnya menjadi satu *wake up call* untuk kita semua. Industri pelancongan adalah industri yang *sustainable* yang boleh diberi perhatian sebagai alternatif, baik dalam usaha kita mempelbagaikan sumber pendapatan kita.

Bukan sahaja industri pelancongan *sustainable*, ia merupakan alternatif yang boleh merakytakan penglibatan seluruh warga Malaysia. Wujudnya begitu banyak warisan pelbagai kaum di Malaysia ini merupakan satu aset unik dalam negara kita. Bagaimanapun untuk industri pelancongan berkembang maju, ia memerlukan kestabilan politik dan juga keamanan negara, lebih-lebih lagi dalam suasana wabak COVID di mana ekonomi dunia terjejas teruk dan tidak nampak penghujungnya.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi seluruh dunia amat *fragile* atau rapuh hari ini. Dalam suasana muram hari ini, kita perlu lebih prihatin dan berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan untuk memelihara harmoni di antara kaum dan agama di Malaysia ini. Janganlah ada pihak yang menyentuh isu-isu sensitif antara agama dan kaum. Ini adalah tidak bijak dan akan menjejaskan suasana dan prospek ekonomi dan industri baik pelancongan atau sebagainya.

Menyentuh dan merendahkan agama lain secara terbuka tidak mengikut ajaran Islam yang sebenarnya. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ada menyentuh tentang isu-isu sensitif agama yang patut dijaga. Ini adalah masalah rakyat Malaysia yang perlu kita berhati-hati untuk menjaga suasana dan keharmonian negara. Industri pelancongan adalah industri yang tidak boleh diganti dengan *automation* atau peralatan atau mesin-mesin dan sebagainya.

Ini akan menjamin peluang pekerjaan berterusan yang banyak untuk semua lapisan masyarakat, tidak kira usia dan kemahiran. *Domestic tourism* atau pelancongan tempatan hendaklah diberikan prioriti utama oleh kerajaan dengan lebih insentif dan pinjaman yang senang oleh kerajaan. Oleh kerana pelancongan merupakan industri hospitaliti, budaya dan adat resam pelbagai kaum menjadi aset utama masyarakat kita.

Multiplier effect atau kesan berganda kepada ekonomi dan pendapatan masyarakat umum amatlah tinggi di mana setiap lapisan masyarakat termasuk pembuat kuih-muih di rumah, penarik beca, peniaga restoran dan pengusaha *homestay* di kampung-kampung, boleh menikmati hasil industri pelancongan yang sihat.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting kita memelihara suasana muhibah di antara kaum untuk kemakmuran bersama kita. Kita telah lihat negara maju seperti Amerika Syarikat pun dilanda masalah perkauman yang besar pada hari ini. Sebagai wakil rakyat dan

Senator, sepatutnya kita lebih bertanggungjawab dan menjadi sumber inspirasi dan perpaduan dan bukan memecah belah kaum dan masyarakat dengan kenyataan-kenyataan kontroversi serta provokatif.

Dalam suasana ekonomi yang terjejas teruk kesan wabak COVID-19, usaha untuk memiliki rumah, keperluan asas menjadi lebih rumit dengan terjejasnya peluang pekerjaan dan pendapatan individu. Kerajaan Malaysia pada hari ini perlu meningkatkan lagi usaha membolehkan lebih ramai dan lebih mudah rakyat menduduki rumah-rumah mampu milik. Segala usaha untuk menurunkan kos menyewa dan membeli rumah bagi mereka yang kurang mampu, mesti dilakukan secara terancang dan bersegera.

Cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membina unit-unit rumah baharu mampu milik yang minimumnya dicadangkan 1,000 kaki persegi untuk memberi lebih keselesaan, eloklah ditangguhkan dahulu dan dikaji semula. Ini didapati tidak sesuai dan tidak akan membantu menurunkan kos pembinaan unit-unit rumah, memandangkan pada situasi ekonomi hari ini.

Kami berpendapat keluasan 700 hingga 800 kaki persegi boleh menyesuaikan untuk mereka yang berpendapatan rendah. Dalam suasana ekonomi yang muram ini dan *post* COVID-19 yang agak lama, kita perlulah memberi tempoh yang lama bagi rakyat mencari pendapatan yang lebih lumayan untuk dapat membeli rumah-rumah yang lebih selesa.

Pada waktu ini saya rasa tumpuan ke arah pembinaan *compact home* atau rumah yang lebih padat atau *capsule home* perlu diberi perhatian, terutamanya untuk mereka yang ingin tinggal di pusat-pusat bandar, terutamanya anak-anak muda. Banyak model perumahan yang inovatif di luar negara perlu dikaji. Anak-anak muda adalah teras utama untuk Malaysia maju ke hadapan. Ada mereka yang perlu tinggal lebih dekat di pusat bandar untuk tujuan pekerjaan.

Tinggal jauh dari pusat bandar ke tempat kerja mereka akan menaikkan kos perjalanan mereka dan juga hilangnya waktu kerja berharga ataupun produktiviti dalam perjalanan dan pulang dari kerja. Kerajaan patut mengkaji opsyen-opsyen baharu. Satu contoh yang boleh dikaji adalah di Barcelona, di mana kerajaan telah mengambil *lease*. Kerajaan di Sepanyol mengambil *lease* rumah yang tidak boleh disewa atau di jual daripada pemaju dengan harga yang murah untuk disewa kembali pada mereka yang kurang mampu.

Ini mungkin satu model yang kita boleh kaji dengan lebih rapi dan diubahsuai untuk situasi di Malaysia. Malaysia mempunyai begitu banyak rumah-rumah yang tidak dapat dijual. Ini adalah satu kajian model yang kita harus kaji untuk diubahsuai, untuk manfaat generasi-generasi muda yang amat memerlukan tempat tinggal.

Dalam waktu ancaman global ekonomi yang mungkin akan berterusan agak lama lagi, satu pendekatan baharu perlu di ambil. Kita perlu *think outside the box*. Ini adalah satu usaha yang kita perlu tangani bersama dan memberi sumbangan idea-idea yang bernas kepada kerajaan yang khususnya kepada KPKT.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ada juga menyebut tentang masalah pelarian dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang tertindas di seluruh dunia. Malaysia telah menjadi penyokong tradisi setia kepada warga Palestin sejak mereka dijajah oleh Israel.

Oleh itu, sokongan berterusan Malaysia atas perjuangan mereka amatlah kritikal. Jalinan hubungan rasmi di antara negara UAE dan Israel telah mengejutkan banyak pihak terutamanya rakyat Palestin sendiri dan juga dunia-dunia Islam. Sebelum ini, dua jiran Palestin juga iaitu Mesir dan Jordan telah mengadakan hubungan yang rasmi dengan Israel. Ramai rakyat Palestin sudah tentu merasa mereka telah dilupakan dan dikhianati atau ada menyatakan mereka telah ditikam dari belakang oleh sahabat-sahabat mereka yang lama.

Hari ini juga, kerajaan Arab Saudi yang dahulu pernah menjadi penyokong setia pada rakyat Palestin telah membenarkan penerbangan komersial di antara negara UAE dan Israel melalui ruang udara Arab Saudi. Ini adalah petunjuk bahawa banyak petanda yang menunjukkan Arab Saudi makin mesra dengan Israel dan kegusaran rakyat Palestin. Di sinilah saya rasa perlunya Malaysia sebagai negara yang selalu memberi sokongan kuat moral kepada Palestin memberi kata-kata semangat dan sokongan.

Semua ini Tuan Yang di-Pertua, berlaku dengan restu Presiden Trump iaitu Presiden Amerika Syarikat yang juga...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat boleh minta laluan?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Ada benarkah rakyat Palestin dan Yahudi *Jewish* ada keturunan dari Abraham itu orang Palestin melalui Ismail dan Yahudi melalui *Issac*. So, kalau itu betul itu bermakna orang Palestin sama orang Yahudi ada hubungan adik-beradik.

Lagi satu saya hendak tanya Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator bersetujukah di dalam kehidupan sesuatu orang, ia boleh pilih kawannya tetapi dia tidak boleh pilih adik-beradiknya?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Baik Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bila saya sebut Israel, saya lebih *refer* atau merujuk kepada *the Zionist regime* bukan sebagai bangsa ya kerana kalau kita lihat semasa Perang Dunia Kedua

yang melakukan kezaliman adalah *The Nazi Germany* bukan rakyat Jerman sebagai satu kaum.

Itu yang saya mesti beri penjelasan di sini ya. *I was referring more the Zionist regime rather than Israel as a race because* memang betul ramai orang-orang Yahudi yang tinggal di Israel tidak bersetuju dengan apa yang berlaku oleh kerajaan mereka sendiri ya. Itu adalah satu penjelasanlah yang saya ingin beri mungkin tidak ada keterangan yang terperinci di situ.

Kalau saya boleh serahkan isu ini sedikit lagi ya saya teruskan sedikit. Dalam waktu yang sama, memanglah negara seperti Palestin ini memerlukan banyak sokongan moral kerana mereka menjalani kurungan lebih lama daripada kita yang sudah merungut apabila menjalani kurungan COVID-19 *lockdown* dan sebagainya. Bayangkan mereka yang tidak berdosa tidak ada penyakit pun dikenakan perintah berkurung begitu lama dan begitu ketat.

Inilah penderitaan yang kita tidak boleh bayangkan kalau kita lima, enam bulan berkurung sudah rasa begitu seksa ini adalah satu kejadian yang lebih orang kata kronik dan lebih dahsyat. Di sini saya ingin menyatakan sini juga di waktu inilah rakyat Palestin yang sudah lama dijajah dan dizalimi oleh *Zionist* Israel memerlukan sokongan moral dari sahabat-sahabat tradisi mereka seperti Malaysia.

Saya ingin ulangkan juga di sini bahawasanya, sebenarnya ramai juga orang-orang yang tinggal di Israel tidak bersetuju dengan *the partitioning of Jerusalem* dan sebagainya dan juga pengisytiharan *Jerusalem* atau Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel tetapi mereka sebagai rakyat tidak boleh melakukan apa-apa selagi *the Zionist regime dominates the government*.

Malangnya sehingga hari ini kerajaan Malaysia tidak memberi apa-apa kenyataan tentang perkembangan terakhir ini ya. Saya rasa ramai juga rakyat Malaysia tertanya-tanya apakah pendapat kalau tidak pendirian pun Kerajaan Malaysia hari ini. Apakah pendirian yang kita ada di dalam kerajaan yang memerintah hari ini? Perlu diingatkan Malaysia hari ini mempunyai Duta Khas ke Timur Tengah yang boleh memberi tumpuan khusus nasib peminggiran dan pembelaan kaum Palestin ini.

Rakyat Malaysia juga perlu tahu pandangan dan pendirian Kerajaan Malaysia kerana kita perlu ingat kerajaan Malaysia di antara pengasas *Organization of Islamic Cooperation* (OIC) daripada tahun 60-an dahulu lagi dan Malaysia juga telah terkenal sebagai negara yang sentiasa membela mereka yang tertindas seperti rakyat Palestin, Rohingya dan dahulunya rakyat di Afrika Selatan ya.

Kita perlu memelihara imej kita sebagai negara yang sentiasa prihatin atas penderitaan rakyat di seluruh dunia terutamanya yang di Palestin kerana diskriminasi. *This is a form of upper side* ya. Kita menentang *apartheid* di Afrika Selatan kerana polisi

diskriminasinya *racism* bukan atas keturunan Afrika atau sebagainya tetapi polisi yang diamalkan yang ditekan di atas rakyat-rakyat etnik di Afrika Selatan.

Begitu jugalah di Palestin kita perlu kata membezakan penentangan kaum dan penentangan sistem yang mengamalkan diskriminasi yang keterlaluan. Di sinilah kita perlu memelihara keistimewaan imej Malaysia di mata dunia Islam sebelum ini yang selalunya mencerminkan diri sebagai pembela mereka yang tertindas sejak penubuhan OIC lagi.

Jadi dengan berlalunya masa yang begitu lama, peranan Malaysia dalam OIC tidak begitu menyerlah lagi dan kalau kita terus berdiam diri apabila mereka yang tertindas ya di Palestin- bukan hanya orang Islam apabila saya sebut Palestin termasuk juga orang Kristian sebahagian juga orang Yahudi yang tidak sehaluan dengan rejim *Zionist* Israel. Ini adalah pendirian kita yang lama yang kita perlu teruskan demi menjaga martabat dan juga nama baik Malaysia sebagai negara yang membela mereka yang tertindas.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan saya mohon menjunjung kasih dan menyokong ucapan Tuanku yang tersebut. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah. Terima kasih banyak atas ucapan tadi.

Sekarang saya persilakan pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Dipersilakan.

4.18 ptg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nastain... [Kata-kata aluan dalam Bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* walaupun pada ketika ini kita masih berada dalam tempoh kawalan pergerakan pemulihan atau PKPP, Allah SWT yang Maha Mengatur telah mengizinkan untuk kita bersama-sama berada di Dewan yang mulia ini bagi meneruskan perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi sesi Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, tahun 2020.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya dan *insya-Allah* saya akan membahaskan beberapa perkara penting untuk kita bersama-sama mendapatkan solusi sekitar isu dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat kita.

■1620

Sebelum itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua *frontliners* negara yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan kesejahteraan rakyat negara kita, *alhamdulillah* semasa musim COVID-19 dan masih lagi kita berada di suasana ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama *alhamdulillah* saya gembira melihat perkembangan Mahkamah Syariah yang tidak ketinggalan memperkenalkan inovasi-inovasi bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan kelancaran pengurusan pentadbiran mahkamah seperti pengenalan sistem *i-Tray*, dan *i-Post* di Terengganu yang dibuat bagi mempercepatkan penyerahan dokumen dan perintah mahkamah.

Namun begitu, saya juga melihat bahawa selain daripada Mahkamah Syariah institusi bukan kehakiman juga amat penting dalam memastikan wanita dan anak-anak yang terlibat dalam sesuatu perbicaraan mendapat bantuan dan perlindungan yang sewajarnya. Contohnya di Tunisia dan Mesir, sistem sokongan seperti tabung keluarga dan Bank *Al Nasr* di Mesir telah diperkenalkan bagi kemudahan pembayaran nafkah kepada anak-anak yang tidak mendapat pembelaan nafkah.

Di Malaysia, kita ada banyak institusi bukan kehakiman yang menyediakan khidmat untuk membantu golongan wanita yang berurusan di Mahkamah Syariah seperti Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Agama Islam, *Malaysia Mediation Center* dan lain-lain lagi. Namun begitu, tiada penyelarasan menyeluruh antara semua badan-badan ini menyebabkan golongan wanita yang memerlukan bantuan, mereka terpaksa pergi dari satu tempat ke satu tempat dan terpaksa pulang dengan hampa jika mereka tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Saya melihat bahawa hal ini boleh diatasi dengan wujudnya satu pusat keluarga bagi menyelesaikan keluarga di luar sistem kehakiman yang mana para wanita yang teraniaya mendapat akses kepada semua *options* yang boleh membantu menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Dalam hal ini, saya melihat bahawa Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) boleh dinaiktarafkan bagi menjadi pusat yang dapat membantu isteri dan anak-anak yang tidak mendapat pembelaan nafkah. BSK juga boleh bertindak sebagai satu badan bertindak menasihati dan membantu untuk memulakan tindakan bagi anak-anak yang tidak mempunyai kapasiti untuk membuat tuntutan di mahkamah.

Dalam kes nafkah anak yatim contohnya, walaupun wujudnya peruntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam yang membenarkan tuntutan nafkah anak yatim ke atas ahli waris, kajian akademik terkini menunjukkan tiada satu pun perintah nafkah ke atas ahli waris

yang direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Selangor. Hal ini kerana, ibu tiada pengetahuan mengenai hak dan peruntukkan undang-undang yang ada.

Bagi pihak ahli waris pula, kesedaran untuk memberikan sokongan daripada segi material ia ini nafkah ataupun moral selepas anak-anak yatim diserahkan ke rumah jagaan anak-anak yatim adalah sangat tidak memuaskan. Tiada penguatkuasaan dan tiada daripada aspek undang-undang yang dilakukan terhadap mereka walaupun mengikut undang-undang, ahli waris yang gagal membayar nafkah boleh dikenakan saman dan penjara.

Walaupun peranan sebenar BSK adalah menuntut pengabaian nafkah daripada bapa kandung, peranan ini boleh diluaskan kepada ahli waris terutamanya dalam kes anak yatim sebagai pihak yang kurang lantang bersuara dan lemah dalam membuat tuntutan kerana kekangan yang pelbagai. Tuntutan nafkah tersebut boleh dibuat melalui persetujuan bersama ahli waris, anak yatim dan pihak BSK ataupun melalui pemotongan gaji. Oleh itu, BSK sangat sesuai untuk menjadi badan yang boleh bertindak untuk menasihati dan membantu pihak ibu dan penjaga anak yatim untuk memfailkan tuntutan nafkah anak yatim ke atas ahli waris sebagaimana polisi dan amalan perundangan sejumlah 34 negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Fungsi BSK juga boleh dikembangkan dengan menyediakan kaunselor kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan urusan di Mahkamah Syariah yang mana kaunseling boleh di adakan di mana-mana peringkat semasa prosiding mahkamah berjalan seperti yang dilaksanakan di Singapura.

Pada waktu ini tiada sebarang undang-undang yang menjadi punca kuasa khusus kepada pelaksanaan dan pengoperasian BSK. Walaupun ada yang menghujah bahawa bidang kuasa BSK negeri adalah menurut seksyen 3(1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri atau Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu melalui bidang kuasa *bailiff* ia sangat terhad dan tidak mencerminkan proses kerja BSK pada masa sekarang. Keseluruhan proses kerja BSK pula lebih banyak berpandukan kepada Garis Panduan BSK JKSM yang bersifat pentadbiran semata-mata.

Struktur BSK dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah pula terdiri daripada tiga unit utama yang menjalankan tiga fungsi berbeza. Ia adalah, runding cara melalui khidmat nasihat perundangan, penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah melalui unit penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dan pendahuluan dana nafkah anak melalui unit pengurusan dana. Melihat kepada fungsi yang dijalankan oleh BSK ini, ramai silap faham bahawa fungsi BSK adalah untuk menuntut nafkah bagi pihak isteri, sedangkan BSK hanya bertindak untuk menuntut hutang sahaja.

Hal ini bermaksud BSK boleh membantu para ibu menuntut nafkah apabila ibu memenuhi dua kriteria, iaitu apabila mahkamah telah memutuskan jumlah nafkah dan kedua apabila defendan gagal membayar jumlah yang telah ditentukan oleh mahkamah. Dalam situasi ini, barulah BSK boleh mewakili klien. Itu pun saya difahamkan bahawa kes-kes yang boleh diwakili pula terhad kepada kes tuntutan hutang nafkah isteri, nafkah *iddah*, nafkah anak dan Mutaah sahaja. Hatta dalam kes tuntutan bahagian harta sepencarian pun khidmat BSK tidak lagi ditawarkan. Fungsi BSK yang terhad dalam kes-kes yang tertentu adalah kerana BSK tiada punca kuasa di sisi undang-undang dan hanya berdasarkan kepada arahan bahagian pentadbiran sahaja.

Pada pendapat saya, BSK boleh dinaiktarafkan tanpa mengambil kuasa negeri-negeri kerana struktur BSK daripada awal lagi diletakkan di bawah Persekutuan yang mana pegawainya di lantik di bawah Persekutuan ia itu di bawah JKSM sebelum diletakkan di bawah negeri-negeri. Struktur ini sudah cantik untuk diteruskan. Jadi, kerajaan hanya perlu menggubal satu akta yang terpakai kepada semua pegawai BSK seluruh negara dan tidak perlu sehingga mewujudkan enakmen bawah negeri-negeri. Melalui akta yang khusus juga, kerajaan boleh memberikan peruntukkan yang lebih kepada BSK.

Jadi, BSK boleh meneruskan dan menambah baik fungsinya untuk membantu menyara isteri dan anak-anak dalam tempoh enam bulan sepanjang kes berjalan. Termasuklah apabila isteri dan anak-anak itu kehilangan tempat tinggal, BSK boleh menyewakan hotel. Contoh yang benar-benar terjadi- sebelum bercerai isteri tinggal di Kuala Lumpur dan kemudiannya pulang untuk tinggal dengan keluarga di Kedah. Apabila isteri mahu memohon saman penghutang penghakiman atau mahu membuat permohonan mengubah jumlah nafkah, isteri perlu turun dan failkan kes di Kuala Lumpur.

■1630

Untuk membuat permohonan sahaja, isteri perlu menanggung sendiri kos tiket bas, penginapan, makan minum sedangkan isteri tiada punca pendapatan. Lama-kelamaan isteri pun tidak mahu tuntutan tunggakan nafkah sebab isteri yang tidak menerima nafkah ini tidak ada lagi duit untuk ke Kuala Lumpur bagi meneruskan kes. Bekas isteri juga perlu mengeluarkan duit sendiri bagi tujuan pemfailan kes di mahkamah kerana BSK tidak mendapat pengecualian fi mahkamah seperti Jabatan Bantuan Guaman. Soalan saya, adakah kerajaan bersedia untuk melakukan kajian bagi menggubal satu akta khusus bagi memberi punca kuasa, struktur dan kerangka undang-undang yang lebih baik kepada BSK pada masa akan datang.

Kedua, Akta Perikanan 1985. Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya juga ingin menyentuh mengenai Akta Perikanan 1985 yang baru sahaja dipinda pada tahun lepas. Saya menyokong pindaan tersebut yang telah menaikkan nilai penalti maksimum bagi pemunya

atau nakhoda vessel asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta selain penalti bagi tiap-tiap kru juga dinaikkan daripada RM100 ribu kepada RM600 ribu. Namun, persoalannya sejauh manakah ketegasan penguatkuasaan akta ini dilaksanakan oleh pihak berkenaan untuk melindungi hasil laut negara agar tidak dirompak oleh kerajaan asing.

Berdasarkan satu laporan daripada Astro Awani bertarikh 6 Julai 2020, teknik penyamaran sebagai nelayan tempatan dengan menggunakan nombor pendaftaran palsu di kesan sebagai modus operandi yang digunakan oleh nelayan asing bagi mengelirukan pihak maritim negara. Di samping itu juga, terdapat juga segelintir pemilik bot warga tempatan yang tidak bertanggungjawab telah memajak bot mereka kepada nelayan dengan nilai pajakan setiap bot tidak kurang daripada nilai RM200 ribu. Justeru ingin saya tegaskan di sini sekiranya tanpa penguatkuasaan yang tegas daripada pihak berkuasa, kes-kes melibatkan nelayan warga asing yang menceroboh perairan negara untuk merompak hasil laut ini akan memberi impak negatif yang amat signifikan terutama kepada nelayan-nelayan tempatan dan juga kepada pengguna-pengguna.

Ketiga, pelancong asing yang tinggal di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin ketengahkan berkenaan pelancong asing yang tidak meninggalkan Malaysia. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3 yang dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas mengesahkan seramai 214,398 daripada 912,374 orang warga asing tidak mempunyai rekod keluar dari Malaysia sehingga 15 April lalu.

Hal ini dilaporkan kesan gangguan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) antara tahun 2016 hingga 2018. Sistem MyIMMs yang kerap mengalami *downtime*, dengan izin, atau tidak aktif ini yang menyebabkan berlakunya isu teknikal pengoperasian sistem yang boleh menjejaskan integriti data bagi rekod pergerakan keluar atau masuk di pintu sempadan negara. Bayangkan dalam tempoh antara tahun 2016 hingga 2018 dilaporkan berlakunya sistem *down* sebanyak 4,489 kali, *masya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya isu permasalahan teknikal ini membawa kesan yang amat besar kepada negara. Lambakan warga asing yang tinggal di negara ini tanpa dapat dikesan menatijahkan mereka, menjadikan negara ini sebagai lubuk mendapatkan wang untuk dihantar pulang kepada keluarga di kampung halaman. Kesannya aliran tunai wang keluar negara bakal meningkat sekali gus akan memberi kesan kepada kitaran ekonomi negara.

Lebih-lebih lagi besar kemungkinan terdapat juga segelintir warga asing tersebut yang menjadikan negara ini sebagai transit untuk melakukan jenayah secara terancang tanpa dapat

dikesan. Di samping itu, kelemahan sistem imigresen ini memberi gambaran bahawa sistem kemasukan sempadan negara begitu mudah untuk dibolosi. Kesannya, kedaulatan negara mungkin terancam sekiranya terdapat mana-mana organisasi yang menyasarkan negara ini sebagai *target* untuk aktiviti jenayah dan sebagainya.

Justeru saya amat berharap pihak berkenaan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi mengesan dan menghantar pulang warga asing yang masih berleluasa di negara ini. Semua pihak yang berautoriti terutamanya seharusnya perlu bekerjasama dalam memastikan warga asing yang datang ke negara ini tanpa dokumen yang sah pulang ke negara asal masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang keempat saya memberi sokongan sepenuhnya kepada hasrat Yang di-Pertuan Agong bagi meneruskan usaha untuk membangunkan industri komoditi berasaskan pertanian secara lestari. Umum mengetahui sektor pertanian telah memainkan peranan yang utama dalam perkembangan tamadun dunia dengan sebahagian besar penduduk dunia mengusahakan pertanian sehingga bermulanya revolusi perindustrian.

Malah sejarah turut membuktikan sektor pertanian Malaysia telah pesat maju bermula daripada waktu Malaysia mencapai kemerdekaan 63 tahun yang lalu. Oleh itu, usaha kerajaan dalam membangunkan industri ini wajar disambut baik oleh segenap peringkat masyarakat. Di sini saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pertanian iaitu berkenaan revolusi pertanian moden serta pertanian bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui revolusi pertanian moden berteraskan teknologi yang maju setanding dengan pembangunan negara mampu meningkatkan hasil dan kualiti produk asas tani sekali gus bukan hanya mampu memenuhi keperluan rakyat tempatan malah permintaan pasaran dunia. Saya mencadangkan agar penggunaan teknologi dron diperluaskan. Teknologi ini penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi pertanian yang mapan untuk merealisasikan salah satu matlamat pembangunan negara iaitu meningkatkan status pendapatan petani, nelayan, penternak, dan usahawan tani.

Penggunaan dron juga dapat mengoptimumkan rawatan tanaman secara teliti sekali gus dapat meningkatkan kualiti pengeluaran, meningkatkan hasil dan mengurangkan kos. Selain itu, kaedah penyemburan racun yang dilakukan menggunakan dron juga dapat menentukan jumlah optimum bahan semburan diperlukan serta memastikan semburan dibuat secara rata pada tanaman.

Justeru, saya mencadangkan agar penggunaan teknologi dron ini diperluaskan lagi dengan menyediakan teknologi tersebut kepada para petani melalui bantuan kerajaan. Saya percaya ia akan menelan kos yang besar, namun kita juga akan mendapatkan hasil yang

banyak dan tidak mustahil keluaran yang berjaya dihasilkan bukan sahaja memenuhi keperluan dalam negara, malah boleh memenuhi pasaran luar negara, *insya-Allah*.

■1640

Langkah ini adalah salah satu usaha memajukan industri pertanian selari dengan galakan yang diajarkan oleh Islam untuk mengecap hasil bumi seperti mana yang disebutkan oleh Al-Quran yang berbunyi... [*Membaca Surah Al-Mulk ayat 15*] Bermaksud, "*Dialah yang menjadikan bumi itu mudah untuk hidup padanya. Maka, pergilah ke semua kawasan termasuk ceruknya dan ambillah bahagian daripada rezeki yang diberikan-Nya. Akan tetapi sentiasa ingatlah bahawa kepada-Nya kamu semua akan dibangkitkan*".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetengahkan berkenaan revolusi pertanian bandar. Usaha kerajaan dengan menyalurkan RM10 juta di bawah PENJANA bagi program pertanian bandar wajar disambut baik oleh semua pihak terutama penduduk-penduduk di sekitar bandar. Sehingga kini, seramai 124,988 orang melibatkan 5,065 lokasi telah terlibat dalam pelbagai program dan kategori melalui pengamalan teknologi pertanian moden dan konvensional semenjak tertubuhnya Bahagian Pertanian Bandar di Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2014.

Apa yang paling penting, langkah ini juga mampu menjamin kualiti dan keselamatan makanan negara selain mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil luar negara. Malah, kajian juga menunjukkan impak yang paling ketara adalah penjimatan yang besar turut berlaku sehingga mencecah RM108 sebulan melalui pertanian bandar.

Oleh itu saya berharap, agar kerajaan melaburkan lebih banyak peruntukan dalam memajukan pertanian bandar dan berharap agar kempen berterusan mendapatkan peserta dapat dilaksanakan. Usaha ini mampu memberi impak yang besar dalam memastikan bekalan keperluan makanan yang mencukupi.

Seterusnya yang kelima, Institut Pendidikan Guru. Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya berkenaan Institut Pendidikan Guru (IPG). IPG memainkan peranan penting untuk menjayakan wawasan negara. Dalam Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016–2025, antara yang digariskan untuk dilaksanakan ialah memupuk budaya intelektual dan keserjanaan di IPG sebagai sebuah institut pengajian tinggi dan menggilap identiti IPG sebagai peneraju pendidikan guru.

Oleh itu, saya ingin bertanyakan beberapa perkara. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bercadang menaikkan taraf Institut Pendidikan Guru kepada Universiti Pendidikan Guru? Hal ini kerana sejak tahun 2008 lagi, IPG telah menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan difahamkan akan menawarkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Malaysia mulai tahun 2021 dan ijazah kedoktoran mulai tahun 2023.

Selain itu, apakah usaha KPM untuk menaiktarafkan kemudahan rangkaian capaian Internet di IPG seluruh negara setaraf dengan kemudahan di IPTA pasca COVID-19 yang memerlukan pelajar dan pensyarah di IPG melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian? Selain itu, adakah kerajaan akan memberikan kenaikan gred gaji untuk pemegang ijazah kedoktoran kepada pensyarah IPG? Bagaimana status gred DG56 untuk warga KPM seperti yang telah diputuskan sebelum ini?

Seterusnya saya juga mendapat maklumat bahawa Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan telah menghantar tuntutan denda kepada penerima biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan dalam negara dan luar negara peringkat kedoktoran walaupun mereka telah menyempurnakan pengajian mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan telah kembali berkhidmat dengan kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh KPM. Mereka juga telah melebihi tempoh kontrak perkhidmatan selepas tamat cuti belajar dan menyumbangkan kepakaran kepada KPM.

Saya melihat Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan terkhilaf dalam mentafsir tempoh kursus dalam perjanjian cuti belajar. Tempoh kursus adalah sepatutnya merujuk kepada tempoh pengajian yang dibenarkan oleh pihak universiti. Ia adalah berbeza sama sekali dengan tempoh penajaan.

Hal ini adalah tidak adil kepada mereka yang telah berjaya menyempurnakan pengajian dengan jayanya dan memperoleh ijazah doktor falsafah. Hanya sebilangan kecil dan amat sedikit bilangan yang mampu menyiapkan pengajian kedoktoran dalam tempoh tiga tahun atau empat tahun dengan sebab tidak menyempurnakan pengajian dalam tempoh cuti belajar, mereka dikenakan denda mungkir perjanjian.

Hakikatnya, mereka telah mencapai hasrat dan matlamat Hadiah Latihan Persekutuan dan telah menyumbang kepakaran mereka kepada KPM. Saya berpandangan bahawa perkara ini perlu disemak kembali. Oleh itu saya memohon penjelasan berkaitan perkara tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah. Mohon laluan, Yang Berhormat Senator.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Asmak binti Husin: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, apabila bercakap tentang IPG, saya melihat institut perguruan ini secara asasnya berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Akan tetapi apabila melihat kepada perkembangannya, ia mula menuju ke arah sebuah IPT ataupun IPTA dan di mana *niche* IPT ini sebenarnya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi saya mohon pandangan

daripada Yang Berhormat Senator, apakah sebenarnya kedudukan IPG ini? Oleh sebab ia sebenarnya akan memberi *effect* daripada sudut KPI, pembangunan dan sebagainya.

Kedua, sebenarnya IPG di Malaysia ini, kita mengikut model dari mana iaitu institusi perguruan dari negara mana? Ini disebabkan ia seakan-akan keliru antara dua bidang kuasa. Saya mohon- kepada Yang Berhormat Senator. Sekian.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Asmak di atas dua soalan tadi. Kedua-dua soalan itu pun saya tuju kepada pihak KPM untuk menjawabnya ya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tentang pendaftaran sesebuah pertubuhan. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang berfungsi untuk menyelia pendaftaran sesebuah pertubuhan agar mana-mana pertubuhan yang didaftarkan tidak menyeleweng daripada peraturan-peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya iaitu Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 yang dikuatkuasakan oleh jabatan. Sehingga kini, berdasarkan carian di laman web JPPM, bilangan permohonan untuk mendaftar di bawah JPPM pada bulan Julai 2020 ialah sebanyak 1,625 permohonan.

Namun, baru-baru ini saya kerap mendapat aduan- hari ini pun dapat juga aduan daripada beberapa wakil masyarakat yang menyatakan rasa tidak gembira berhubung permohonan untuk menubuhkan NGO yang ditolak oleh JPPM tanpa diberitahu alasan dan sebab permohonan tersebut ditolak. Sedangkan setiap kali permohonan dibuat, terdapat yuran yang perlu dilunaskan.

Namun, bukan sahaja soal bayaran yuran yang sudah dijelaskan tetapi juga berkenaan prosedur permohonan pendaftaran di bawah JPPM yang agak rumit dan memakan masa.

■1650

Justeru, saya ingin bertanya, adakah pihak JPPM bersedia untuk merombak kembali polisi yang lebih memudahkan urusan kelulusan pendaftaran mana-mana pihak yang memohon dengan syarat yang telah dipenuhi? Saya juga ingin bertanya, kenapa dalam sesetengah permohonan, pihak JPPM tidak memaklumkan apakah syarat-syarat yang tidak dipenuhi sehingga menyebabkan sesuatu permohonan itu ditolak?

Sehingga pihak pemohon tidak tahu apa yang perlu diperbaiki agar permohonan dapat diluluskan. Saya mohon JPPM untuk memaklumkan kepada pemohon sebab sesuatu permohonan itu ditolak dengan jelas agar hak pemohon untuk berpersatuan seperti yang dijamin oleh Perlembagaan dapat dipermudahkan.

Penubuhan mana-mana NGO untuk tujuan aktiviti kesukarelawanan seharusnya disokong oleh semua pihak. Perkara ini juga selari dengan matlamat JPPM sendiri yang kini giat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan berpersatuan melalui Program ROS-CARE. Tahniah saya ucapkan. Oleh itu, saya mengharapkan agar pihak bertanggungjawab untuk memudahkan urusan kelulusan permohonan pendaftaran mana-mana pihak yang memohon dengan syarat yang telah dipenuhi. Seterusnya, isu yang ketujuh iaitu yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator sebelum saya tadi- Dato' apa sebelum saya tadi?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah, minta maaf Dato' Senator.

Okey, iaitu tentang- sedikitlah bersangkutan paut juga iaitu isu perjanjian damai di antara UAE dan Israel.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 Ogos yang lepas umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia dikejutkan dengan tindakan normalisasi hubungan dua hala yang ditandatangani oleh UAE, sebuah negara Arab dengan negara haram, Israel. Rancangan normalisasi ini sebenarnya telah wujud di dalam pelan damai *the Deal of the Century*, dengan izin, yang dibentangkan oleh Donald Trump pada Januari yang lalu.

Di kesempatan ini, saya dengan ini bersama-sama dengan rakyat Palestin dan umat Islam seluruh dunia mengecam tindakan UAE yang tidak wajar ini. Sejak negara haram, Israel ditubuhkan pada 1948, dunia Islam tidak pernah berputus asa berjuang bersama-sama rakyat Palestin bagi menuntut hak dan tanah air mereka.

Sehingga hari ini, keluarga dan tanah air mereka dijajah, dirampas dan hak mereka dinafikan oleh rejim Israel. Bagaimana UAE yang dipimpin oleh pemimpin Muslim dan majoriti penduduknya beragama Islam sanggup menghulurkan tangan dan berjabat mesra dengan rejim Israel dan Zionis yang penuh dengan darah dan air mata rakyat Palestin yang sejak sekian lama dizalimi, ditindas dan dinafikan hak-hak mereka.

Sekali lagi, saya mengecam tindakan UAE kerana ia adalah suatu tindakan yang tidak bertanggungjawab serta tidak relevan dengan keadaan semasa di Palestin yang begitu memerlukan pembelaan dan sokongan umat Islam pada ketika ini. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah usaha yang telah kerajaan lakukan untuk membantu membela Palestin dalam isu ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir iaitu isu perubahan Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Akta Perubahan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] yang ada menyatakan secara jelas perubahan Islam termasuk dalam definisi

amalan perubatan tradisional dan komplementari, seiring dengan perubatan tradisional Melayu, Cina, India, homeopati dan terapi.

Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, Darussyifa' merupakan badan pengamal pengubatan Islam berdaftar yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Persoalan yang ingin saya tujukan kepada KKM ialah, mengapa sehingga sekarang Darussyifa' ini masih belum dapat beroperasi di fasiliti hospital kerajaan seperti mana praktik badan pengamal perubatan yang lain yang telah pun lama berada di unit-unit PTK di 14 hospital awam?

Saya amat berharap pengubatan Islam ini tidak didiskriminasikan dalam hal ini kerana pengiktirafannya sudah pun termaktub dalam warta Akta 775 pada 10 Mac 2016. Sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak kerana memberi laluan kepada saya dan buat akhirnya, saya mohon menyokong. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waálaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Saya nampak bahan-bahan yang baik, yang di-*prepare* dengan teratur. Kita selamilah apa ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, syabas ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Silakan.

4.56 ptg.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Selamat petang dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Rais bin Yatim, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara atas pelantikan baharu ini.

Saya penuh yakin bahawa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara akan membawa Dewan Negara ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang. Kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan ke atas Titah Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengutarakan pandangan serta beberapa isu yang penting, yang perlu diberikan perhatian demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pandemik COVID-19 menyelubungi dunia akhir Disember 2019, industri pelancongan dunia berkembang pesat. Akan tetapi pada hari ini, setelah hampir lapan bulan penularan pandemik COVID-19, banyak pemilik pusat pelancongan dalam dan luar negara yang terpaksa mengambil keputusan menutup kedai

masing-masing. Hal ini terus menjejaskan pemain dalam industri ini, terutama yang bekerja dengan syarikat penerbangan, perhotelan dan pelancongan.

Beberapa buah hotel dan syarikat pelancongan berjenama besar di Malaysia telah mengumumkan menutup operasi masing-masing kerana tiada mahu menanggung kerugian yang lebih besar akibat ketiadaan perdagangan.

Kira-kira satu juta pekerja sektor pelancongan di Malaysia dijangka hilang pekerjaan pada tahun ini susulan penularan jangkitan COVID-19 yang memberi kesan kepada ekonomi dunia. Dalam masa sama, bukan sekadar pemain industri dan negara hilang sumber pendapatan ini, malah rakyat yang bekerja secara kecil-kecilan di bawah aktiviti pelancongan seperti makcik jual nasi lemak dan pakcik jual aiskrim di kawasan rekreasi, terus hilang pendapatan.

■1700

Bagaimana sekiranya perusahaan mikro berkenaan hanya bergantung pendapatan menerusi jualan kecil-kecilan ini pasti terpaksa mengikat perut. Melihat kepada perkembangan kes penularan COVID-19 yang semakin menurun, kerajaan mengambil langkah dengan membenarkan pelancongan domestik beroperasi semula dan ternyata mampu memberi nafas kepada banyak pihak.

Industri pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada pendapatan Malaysia iaitu 15.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Memandangkan industri pelancongan memainkan peranan yang begitu penting dalam ekonomi negara, maka kerajaan harus memandang berat dan berusaha lebih giat lagi membantu semua perusahaan sektor pelancongan di Malaysia. Saya mencadangkan agar kerajaan menyalurkan peruntukan untuk mempromosikan tempat-tempat menarik di seluruh Malaysia serta menggalakkan rakyat jelata melancong di negara kita mengikut norma baharu dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Pelepasan cukai pendapatan individu yang lebih besar iaitu melebihi RM1,000 diberikan ke atas perbelanjaan melancong dalam negara bagi menggalakkan lebih ramai orang melancong di dalam negara. Selain itu, saya juga mencadangkan agar diberikan pengecualian pembayaran fi lesen bagi menguruskan perusahaan-perusahaan pelancongan dan pemandu pelancong yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] selama dua tahun. Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya selama tiga tahun juga diharapkan demi membolehkan pengusaha pelancongan menarik nafas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kehadiran pandemik COVID-19, jumlah pengangguran yang dihadapi oleh Malaysia iaitu sebanyak 778,800 orang adalah yang paling tinggi sejak 34

tahun dahulu. Kadar pengangguran tertinggi pernah dicatatkan di Malaysia adalah pada kadar 7.4 peratus pada tahun 1982.

Penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa krisis wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan yang menyebabkan pencari kerja merasakan sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Pekerja yang paling terjejas adalah di sektor pembuatan dan perkhidmatan. Memandangkan masalah pengangguran merupakan satu isu yang serius dan perlu diatasi dengan segera kerana ia boleh menyebabkan kepada masalah sosial lain yang lebih besar. Kehilangan pekerjaan di saat krisis ekonomi pasti akan memberikan kesan yang sangat besar kepada seseorang individu.

Keadaan yang terdesak memungkinkan peningkatan masalah sosial dan kadar jenayah yang berlaku di negara kita. Jika keadaan ini berlaku, maka rakyat pasti hidup dalam keadaan yang sentiasa ketakutan dan risau. Saya penuh keyakinan bahawa kerajaan yang prihatin dan peka akan nasib yang menimpa rakyatnya tidak akan membiarkan rakyatnya menanggung derita keseorangan. Rakyat Malaysia sendiri juga berusaha mencari jalan membuat perubahan sendiri demi mengatasi krisis ini.

Kini ramai juga yang mengusahakan perniagaan atas talian dan ada juga yang memilih untuk menjadi pemandu *e-hailing* atau menghantar barang. Saya berharap agar kerajaan dapat memberikan lebih banyak bantuan kepada golongan ini, iaitu golongan peniaga atas talian, pemandu *e-hailing* dan penghantar barang dari segi bantuan insentif atau pelepasan cukai yang lebih tinggi.

Program Pengekalan Pekerja yang dilaksanakan oleh PERKESO dalam tempoh wabak COVID-19 juga amat berkesan dalam usaha mengatasi masalah pengangguran. Jadi adalah diharapkan program ini dipanjangkan tempohnya serta peruntukan yang lebih besar dapat disalurkan untuk memperbesarkan program ini demi memanfaatkan lebih ramai rakyat Malaysia.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk melanjutkan tempoh Perintah Pengawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember 2020. Jadi saya dengan besar harapan agar kerajaan dapat memanjangkan tempoh bantuan yang diberikan oleh PERKESO sehingga 31 Disember 2020 juga.

Selain itu, saya ingin mencadangkan kerajaan mempertimbangkan pembukaan semula sempadan antarabangsa secara berperingkat, khususnya sempadan negeri Johor dan Singapura. Langkah pembukaan sempadan ini akan dapat memacu aktiviti ekonomi, memudahkan pergerakan tenaga buruh dan membantu mengatasi masalah pengangguran.

Di Tambak Johor, sebelum ini terdapat lebih banyak 250 ribu orang tenaga buruh yang berulang alik bekerja di Singapura setiap hari. Akan tetapi disebabkan penutupan sempadan

ini, 100 ribu orang tenaga buruh telah kehilangan mata pencarian mereka. Secara langsung ekonomi di negeri Johor khususnya Johor Bahru telah merosot dengan teruk.

■1710

Saya sendiri kira dan dapati hampir 30 hingga 40 peratus kedai perniagaan di Johor Bahru telah ditutup. Adakah kerajaan turun padang pergi siasat dan tengok sehingga kini berapa banyak kedai dan perniagaan yang telah tutup akibat wabak COVID-19 ini?

Maka dengan ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee atas ucapan yang baik tadi.

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu. Silakan.

5.11 ptg.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas petang ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Tan Sri di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ke-18.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaren yang telah menjalankan tugas beliau sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan penuh dedikasi sebelum ini.

Dalam membantu rakyat mendepani cabaran kehidupan norma baharu susulan COVID-19, saya pasti peranan dan tanggungjawab kerajaan semakin bertambah dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial. Namun, realitinya segenap rakyat bergantung sepenuhnya kepada keprihatinan kerajaan bagi kelangsungan kehidupan harian. Sehubungan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara melalui ucapan saya.

Dari aspek ekonomi, kajian tenaga buruh telah mendapati bahawa kadar pengangguran negara telah meningkat pada suku tahun kedua bagi tahun 2020 serta diketahui umum bahawa keadaan ini menyukarkan masyarakat untuk terus menjalankan kehidupan harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini dan amat menghargai segala inisiatif proaktif Kementerian Sumber Manusia dalam mendekati masalah pengangguran. Program Subsidi Upah PERKESO yang bertujuan untuk memastikan para majikan dapat

membayar pekerja mereka dengan bantuan bernilai RM600 ke RM1,200 bergantung kepada saiz perusahaan masing-masing.

Inisiatif berkait dengan proses pemulihan seperti yang diumumkan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), contohnya peningkatan kemahiran ataupun *upskilling* dilaksanakan di bawah HRDF untuk membantu meningkatkan kebolehan dan kemahiran tenaga kerja negara dapat memudahkan serba sedikit beban rakyat kita susulan COVID-19 baru-baru ini. Tambah lagi, pengumuman program i-Lestari juga membolehkan pencarum mengeluarkan RM500 dari Akaun 2 KWSP bagi 12 bulan berturut-turut.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya juga ingin menyentuh beberapa inisiatif kerajaan yang membantu untuk memulihkan sektor ekonomi seperti Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) di bawah TEKUN Nasional dan Geran Prihatin Khas (GKP) di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Saya percaya inisiatif jangka masa pendek untuk sektor ekonomi mikro seperti CBRM TEKUN Nasional harus dilanjutkan supaya ia dapat membantu lebih ramai usahawan kecil. Ini kerana CBRM TEKUN Nasional mempunyai proses permohonan dan kelulusan yang lebih mudah serta singkat berbanding dengan pinjaman-pinjaman lain.

Selain itu, saya juga ingin menyarankan kepada pihak LHDN supaya memberi perhatian dalam proses pemberian bantuan bernilai RM3,000 melalui insentif GKP. Ini kerana saya difahamkan bahawa ada syarikat-syarikat yang tidak layak menerima bantuan. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat yang tidak beroperasi juga telah mendapat bantuan tersebut dengan hanya sekadar mempunyai SSM.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya inilah masanya untuk agensi-agensi pelaksana yang terlibat untuk menilai semula kaedah pelaksanaan sesebuah dasar agar tiada lagi wujud elemen-elemen seperti ketirisan dan pembaziran kepada negara.

Dalam kesempatan ini, saya menyarankan agar Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah Kementerian Sumber Manusia akan mewujudkan tabung kecemasan dari hasil kutipan levi dari syarikat swasta. Kemudiannya, hasil tabungan kecemasan tersebut akan disalurkan balik kepada syarikat-syarikat yang telah membayar levi bagi menguruskan sebarang krisis pada masa-masa akan datang.

Contohnya, PSMB kini mengutip levi sebanyak satu *percent* dari jumlah upah bulanan pekerja syarikat. Saya menggalakkan supaya PSMB tambah lagi 0.5 persen dan jadikan jumlah kutipan sebanyak 1.5 persen dari jumlah upah bulanan. Kutipan tambahan sebanyak 0.5 peratus tersebut dapat disalurkan dalam tabung kecemasan dan dapat membantu syarikat-syarikat yang bayar levi terus kekal dan mengatasi krisis di kemudian hari nanti.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengetahui, sejauh manakah proses pemutihan pekerja asing membantu masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*? Adakah Kementerian Dalam Negeri melantik atau melibatkan syarikat-syarikat swasta dalam proses pemutihan pekerja-pekerja asing? Sekiranya ada, berapakah syarikat swasta yang terlibat dalam proses pemutihan?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya melawat ke kawasan Hulu Selangor dan mendapati pembinaan beberapa kemudahan asas yang masih tertanggung menyebabkan masyarakat tempatan berasa kurang puas hati. Contohnya, saya ingin menarik perhatian pihak berkuasa mengenai pembinaan PUSPAKOM di kawasan Bukit Beruntung. Pada 14 Januari 2020, pihak PUSPAKOM telah melawat tapak di Bukit Beruntung. Untuk makluman, majoriti penduduk Hulu Selangor terpaksa ke kawasan Batu Caves untuk urusan PUSPAKOM. Saya ingin bertanya, apakah kemajuan dalam perkara ini?

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan tentang perkembangan terkini mengenai cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Sentosa yang sudah lama menjadi harapan penduduk sekitar. Hampir 10 ribu keluarga bakal mendapat manfaat sekiranya Klinik Kesihatan Bukit Sentosa menjadi kenyataan. Untuk rekod, bekas Timbalan Menteri Kesihatan telah melawat tapak pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Sentosa pada 11 Januari 2019 dan memaklumkan pembinaan akan dijangka bermula pada tahun 2020.

Selain itu, pembinaan sekolah Tamil yang baharu di Serendah telah tertanggung sejak 10 tahun lalu dan ini menyebabkan penduduk tempatan terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah SJK(T) Rawang yang terletak lebih kurang 20 kilometer jauh dari tempat tinggal. Pembinaan SJK(T) Ladang Escot di Hulu Bernam juga tertanggung sejak lima tahun terdahulu.

Tambah lagi, pembinaan perumahan Bukit Beruntung yang tertanggung sejak 15 tahun walaupun bekas pekerja-pekerja ladang Bukit Beruntung telah membayar wang pendahuluan kepada syarikat pembinaan terlibat. Apakah langkah-langkah kerajaan tempatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Sama juga dengan pembinaan kawasan perumahan Bukit Tagar yang mana dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional kepada pekerja-pekerja ladang.

■1720

Adakah kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memulakan pembinaan kawasan perumahan ini? Dengan ini saya amat berharap agar pihak kerajaan dapat memberi fokus dan mengatur strategi bagi menyelesaikan isu-isu pembinaan yang tertanggung tersebut. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan yang saya ingin tujukan kepada Kementerian Pendidikan iaitu semasa Kerajaan Barisan Nasional, lebih kurang 42 sekolah SJK(T) telah diberi kelulusan

untuk membina bangunan baharu di lokasi baharu atau blok tambahan di sekolah yang sedia ada. Di sini saya ingin hendak tahu apakah status kelulusan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang perkembangan politik di negara kita. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini telah menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun. Bilakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan had umur pengundi 18 tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya semasa Kerajaan Pakatan Harapan, saya pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya mencantumkan kedai-kedai nombor empat ekor seperti *Damacai*, *Toto*, *Magnum* dan sebagainya dalam satu gabungan. Ini kerana kita ambil contoh, Mutu, Lim dan sekarang pula saya tengok Abu pun sudah masuk, masuk kedai nombor empat ekor itu.

Kita sebenarnya hendak hapuskan kalau boleh pembelian nombor ekor itu tetapi memang ia sukarlah hendak hapuskan. Apa salah kerajaan cantumkan ketiga-tiga nombor ekor ini kepada satu. Ini membolehkan Mutu dan Lim dapat berjimat dengan mengambil di satu tempat sahaja. Ini Tuan Yang di-Pertua kerana apa saya kata, dia kalau tengok memang dia ada lesen tiga.

Orang-orang hendak pergi labur itu, makna kata dia pergi labur dekat *Magnum* RM100 lepas itu dia pula hendak tengok nasib dia dekat *Toto*, lepas itu dia pergi pula dekat, lagi satu apa, *Damacai*. So, jadi dia terpaksa kena labur tiga tempat. Kalau disatukan, so jadi dia boleh laburlah satu tempat kalau tengok nasib dia dapat, dia dapat. So, jadi dia boleh save 200 persen yang dia labur.

So, jadi saya minta kerajaan tengok macam mana, kalau boleh disatukan dengan satu lesen sahaja. Cantuman itu pernah jadi. Macam sebelum ini bank-bank pun pernah dicantumkan. Berbagai-bagai cantuman sebelum ini diadakan. So, jadi saya minta kerajaan tengok macam mana boleh atasi masalah ini. Di sini juga saya nampak- saya hendak tanya tentang langkah-langkah diambil oleh kerajaan dalam hal untuk mencegah atau mengurangkan judi haram yang melambak ini.

Dengan ini saya mengakhiri perbahasan pada hari ini dengan harapan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin bersama dengan Menteri-menteri dan petugas-petugas barisan hadapan akan terus memikul tanggungjawab dan akan bijak menguruskan pandemik COVID-19 ini. Terima kasih kepada mereka. Dengan ini saya menyokong penuh Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput seorang lagi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Silakan pula Yang Berhormat Senator Datuk Ismail bin Ibrahim.

5.24 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk turut sama membahaskan ucapan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Mengambil kesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan tahniah, terima kasih dan penghargaan di atas jasa dan bakti kepada seluruh barisan *front liners* yang telah gigih dan tekad berkhidmat semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP yang akan terus berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020. Kepada ahli keluarga dan waris-waris barisan hadapan ini yang telah gugur semasa melaksanakan tugas diucapkan takziah dan kami doakan semoga rohnya dirahmati Allah.

Tuan Yang di-Pertua pada 29 Ogos 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan tempoh PKPP dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Dengan demikian kita perlukan rakyat benar-benar mematuhi ketetapan PKPP agar usaha kerajaan membendung penularan pandemik COVID-19 dapat dioptimumkan.

Justeru saya ingin memohon kerajaan menyatakan sejauh mana Kementerian Kesihatan Malaysia bersiap siaga dan bersedia menghadapi cabaran penularan pandemik COVID-19 ini memandangkan sesi persekolahan sudah mula beroperasi penuh dan kebimbangan terhadap kejadian bencana banjir dan musim hujan yakni tengkujuh akan meningkatkan kadar penularan COVID-19 ini.

Seterusnya, apakah langkah-langkah yang telah dirancang dan bakal diambil dalam menyelaraskan kemungkinan-kemungkinan bencana banjir dan apakah persiapan NADMA dan MKN dalam menghadapi situasi ini dan apakah SOP kendalian bencana ini telah diwujudkan.

Ketiga, bagaimanakah Kementerian Kewangan memperuntukkan bajet kewangan luar jangka yang diperuntukkan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir dan musim tengkujuh agar jentera kerajaan lebih bersedia dan penyelarasan dapat dibuat dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, pematuhan kewajipan pemakaian pelitup muka apabila berada di kawasan tumpuan awam dan penjarakan fizikal merupakan norma baharu yang mesti dipraktikkan oleh semua rakyat. Justeru, sudah sampai masanya kerajaan mencari formula baharu agar jualan pelitup muka berkualiti tidak dijual pada harga yang membebankan rakyat. Mengikut semakan saya di pasaran *Shopee* dan *Lazada*, jualan pelitup muka ini dijual pada harga antara RM13 hingga RM16 bagi 100 keping pelitup muka yakni tiga lapis.

Oleh itu purata harga terkini adalah antara 20 sen sekeping. Soalan saya kepada kerajaan yakni Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, pertama, sejauh manakah kerajaan dapat memastikan bahawa penjualan pelitup muka ini tidak diambil keuntungan yang berganda dan ianya tidak membebankan rakyat apabila kuat kuasa mewajibkan pemakaiannya di tempat awam?

Kedua, bagaimanakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat membuat semakan harga siling minimum agar pelitup ini dikawal harga agar tiada peniaga yang mencatut harga di pasaran selama tempoh PKPP berkuat kuasa sehingga 31 Disember?

Tuan Yang di-Pertua, PENJANA telah dimulakan pada Jun 2020, merupakan inti pati Kerajaan Perikatan Nasional memperkasakan rakyat. Dalam tempoh sukar pasca COVID-19, Unit Perancang Ekonomi iaitu EPU telah mengumumkan kenaikan paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kebangsaan 2020 dinaikkan dari RM980 ke RM2,208. Pengumuman saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengusulkan kenaikan kadar bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari RM300 ke RM1,000 membuktikan agenda membela rakyat dalam PENJANA bakal diberi keutamaan.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, pertama, berapakah jumlah bilangan isi rumah yang terkesan dengan penokokan pendapatan garis kemiskinan RM2,208? Apakah usaha yang akan diperkenalkan kerajaan dalam memastikan keluarga miskin desa yakni luar bandar dan miskin bandar terus dibela melalui program pembasmian kemiskinan yang bersesuaian dengan cabaran ekonomi selepas COVID-19?

Sejauh manakah perancangan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk merancang imbalan pembangunan ekonomi di wilayah-wilayah dan koridor pembangunan ekonomi luar bandar agar kumpulan rakyat yang terkesan COVID-19 diberi perhatian yang serius?

Seterusnya, bagaimanakah usaha menarik pelaburan asing dan menggiatkan pelaburan swasta dalam negara secara pakej lebih menarik dan patriotisme agar kesepaduan dalam membina dan menjana semula ekonomi negara pasca COVID-19 mendapat sambutan yang wajar serta menggalakkan dan akan menyumbang kepada penambahan guna tenaga manusia?

■1730

Tuan Yang di-Pertua, prestasi semasa keuntungan bank utama untuk suku kedua tahun 2020, Malaysia membuktikan bahawa kesan moratorium bayaran balik pinjaman perumahan dan sewa beli kereta tidak menggugat operasi kewangan dan perbankan negara.

Justeru, kita perlukan semangat patriotisme agar tawaran moratorium ini diteruskan sehingga 31 Disember 2020, seiring dengan tempoh PKPP yang dikuatkuasakan.

Justeru, semasa pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Julai 2020, pakej moratorium bersasar telah ditawarkan kepada individu yang terkesan. Soalan saya kepada Menteri Kewangan, pertama, sejauh manakah pelaksanaan moratorium yang dinikmati oleh sebilangan rakyat menjadi peminjam telah menyumbang kepada pengurangan moratorium perbelanjaan isi rumah rakyat semasa tempoh PKPB dan juga PKPP.

Sehingga Ogos 2020, berapakah jumlah permohonan yang dibuat oleh peminjam untuk meneruskan moratorium pembayaran pinjaman perumahan dan sewa beli kenderaan serta jumlah moratorium yang dijangkakan terlibat? Bagaimanakah sambutan oleh bank-bank utama di Malaysia dalam memastikan kebersamaan mereka meneroka satu semangat patriotisme menjana dan membangunkan semula negara akibat COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, kawalan lebih ketat di sempadan negara akan membantu Malaysia bebas sepenuhnya masalah lambakan pendatang asing tanpa izin (PATI). Kita perlu bertindak tegas terhadap individu atau kumpulan pelancong yang tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan oleh imigresen Malaysia.

Kita juga perlu akur untuk tidak lagi menerima pelarian Rohingya memandangkan kedatangan mereka mengundang perliputan kes-kes COVID-19. Soalan saya kepada Kementerian Dalam Negeri, pertama, sehingga akhir Ogos 2020, berapa ramaikah bilangan pendatang tanpa izin yang direkodkan masih berada di seluruh depot tahanan imigresen.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi? Hendak bagi peluang esok sambung.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Lima minit? Sila.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua, sejauh mana operasi tangkapan PATI dilakukan bersama antara Jabatan Imigresen dan PDRM agar semua PATI berada dalam negara diburu. Seterusnya, berapakah ramai sebenar pelancong China dan India yang gagal dikesan keluar semula melalui pintu CIQ utama negara dan sejauh mana keupayaan imigresen mengesan mereka dalam situasi PKPP sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sempena sambutan hari ulang tahun Kemerdekaan Malaysia yang ke 63, amat bangga kerana perpaduan dan semangat patriotisme yang digandingkan oleh semua rakyat membuktikan kita boleh hidup aman damai dalam keadaan Malaysia berbilang bangsa dan budaya. Justeru, keutamaan kerajaan perlu diperkasakan, terutama dalam memastikan martabat Bahasa Melayu dan simbol kedaulatan negara tidak mudah dipermainkan. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan.

Pertama, sejauh mana perancangan kerajaan agar institusi Dewan Bahasa dan Pustaka dikaji semula agar institusi ini diperuntukkan bidang kuasa yang lebih bermakna dan peranannya lebih luas agar martabat Bahasa Melayu terus diperkukuhkan.

Kedua, penggunaan Bahasa Melayu dan penguasaan Bahasa Melayu perlu ditekankan agar kedudukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan terus terpelihara.

Justeru, adakah kerajaan dapat merangka satu polisi lebih bermakna bagi memastikan setiap individu warga negara diwajibkan menguasai sepenuhnya Bahasa Melayu dan diwajibkan calon lulus di peringkat SPM, sekurang-kurangnya apabila mereka hendak menjadi calon Ahli Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri.

Sejauh manakah kerajaan mengambil maklum dan tindakan tegas ke atas perlakuan individu yang tidak menghormati bendera Malaysia, simbol dan kedaulatan negara serta lagu Negaraku agar kebebasan dan kedaulatan bendera, simbol atau lambang dan lagu rasmi Negaraku atau lagu rasmi negeri tidak dipermainkan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah menyebabkan implikasi besar terhadap fiskal negara. Sentimen pasaran modal yang tidak menentu dan pengaruh ekonomi global dalam sektor pelancongan menyebabkan kita berhadapan ketidakpastian dalam anggaran pendapatan Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Justeru pada Ogos lalu, Kementerian Kewangan telah menaikkan had statutori pinjaman kerajaan daripada 55 peratus kepada 60 peratus nilai KDNK. Soalan saya kepada Menteri Kewangan, sejauh manakah perancangan dibuat oleh kerajaan dalam menentukan fokus Bajet 2021? Apakah rangkuman yang boleh dibuat bersama dengan semua pemilik taruh utama agar Bajet 2021 seiring dengan kehendak dan keutamaan dalam PENJANA 2020 bagi membina semula negara.

Kedua, sejauh manakah langkah-langkah yang perlu diambil kerajaan dalam memastikan pelaksanaan hutang kerajaan dijana secara dalaman? Bagaimana unjuran bayaran dividen yang boleh dikemukakan agar pelabur-pelabur mempunyai minat dan keyakinan tinggi untuk membuat pelaburan dalam keadaan ekonomi semasa ini? Apakah langkah terbaik bagi memastikan bantuan dan pakej institusi PRIHATIN dapat diteruskan pada 2021 bagi memerangi ekonomi dan merencanakan pertumbuhan ekonomi yang terencat semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP.

Tuan Yang di-Pertua, semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP, sektor pendidikan menerima kesan yang amat signifikan dan usaha yang disumbangkan oleh golongan pendidik iaitu guru, pensyarah ataupun pegawai latihan vokasional, benar-benar membantu kesinambungan aktiviti pembelajaran anak-anak di rumah.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan maklum balas dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan, bagaimanakah pengubahsuaian tempoh pengajian dan semester, bilamana PKP dilaksanakan di sekolah atau institusi pendidikan telah mula beroperasi telah menyebabkan perubahan norma baharu yang sangat besar?

Bagaimana imbangan dapat dilakukan agar teras pembelajaran pelajar tidak terganggu? Sejauh manakah kawalan dan langkah pencegahan yang diambil bagi memastikan gejala COVID-19 ditangani baik terutama bagi institusi yang menawarkan penginapan berasrama penuh? Seterusnya, sejauh manakah implikasi kewangan yang terbit dari skim perolehan darurat bagi pembelian alatan dan juga bahan pakai buang seperti *sanitizer*, alatan cucian dan *mask* agar tahap keselamatan dan kesihatan pelajar diberi jaminan penjagaan yang-

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Perikatan Nasional yang wujud ekoran krisis pengunduran Perdana Menteri Ke-7 membuktikan bahawa kita telah berjaya meneruskan agenda negara kerana mempunyai jentera Perkhidmatan Awam yang cekap dan prinsip Keluhuran Undang-undang dan Perlembagaan.

Justeru, adalah amat penting agar prinsip Keluhuran dan Kedaulatan Undang-undang ini terus dipelihara dan sikap patriotisme ditumpukan pada setiap individu penjawat awam, Ahli Parlimen dan Ahli Undangan Dewan Negeri. Bagi tujuan itu, saya ingin menyeru agar semasa tempoh PKPP dan fasa jana semula ekonomi negara, kita bebaskan diri atau mendekatkan diri memerdekakan diri kita bagi memastikan Malaysia Jaya.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang pertama, dapat kah kiranya diwujudkan semula Biro Tatanegara agar semangat patriotisme ini diperkukuhkan dalam semua agensi kerajaan dan seterusnya apakah hala tuju yang dirangka agar gandingan patriotisme dan prinsip integriti jentera kerajaan diterapkan bagi membina semula negara.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya menaruh harapan yang tinggi agar saranan dan ingatan yang di titah oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dipatuhi dengan baik. Saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja dan mudah-mudahan Malaysia kita bebas dari ancaman pandemik COVID-19. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Petang ini lagi sekali Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan banyak terima kasih atas semangat juang Ahli Yang Berhormat yang dapat turun bersama-sama saya, hampir-hampir pukul 5.45 ini. Terima kasih banyak.

Terima kasih juga kepada Menteri kita, Yang Berhormat Datuk Seri Halimah binti Mohamed Sadique yang masih ada dengan kita pada petang ini. Tepuk tangan sedikit... *[Tepuk]* Nampak semangat juang kita. Hari ini saya mendengar hujah-hujah pada keluarga saya yang begitu baik, bernas dan memberi saya banyak rangsangan, dari hati dan budinya, moral itu tadi, saya petang ini.

Saya mendapati bahawa budi dan moral merupakan teras atau jiwa kepada kebudayaan kita ini. Sebagai warisan budaya yang penting, ia mesti dipupuk serta diperkembangkan dalam kehidupan kita, masyarakat ini. Bangsa yang mengabaikan budi, bangsanya ibarat membiarkan anai-anai memakan teras kayu di dalam tiang dan sendi rumah yang akhirnya meruntuhkan rumah itu. Itulah ingatlah, madah pusaka menyebutkan...

*Tegak rumah kerana sendi;
Runtuh sendi rumah binasa;
Tegak umat kerana budi;
Rosak budi ummah binasa.*

Kekuatan sangat betul ya, Tan Sri. Terima kasih banyak. Saya harapkan saudara sihat sejahtera dan teruslah bersama kita berjuang untuk bangsa dan negara kita ini.

Dengan itu Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Rabu, 9 September 2020. Sekian. *Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.42 petang]